


JilidI
Bit. 74



Hari Isnin
26hb Oktober, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12309]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 12358]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 12358]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 12358]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

' Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NoR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S, B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., JP. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, s.M.s. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titivangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD. A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- DATUK PATINGGI HAJI ABDULTAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
„ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
„ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
„ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
DR V. DAVID (Puchong).
„ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
„ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
„ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
TUAN ☉ HOCK SENG (Bukit Bendera).
„ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
„ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
„ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
„ TUAN HU SEPANG (Rasah).
„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
„ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
„ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *allis* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
TUAN KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
„ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
„ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
„ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
 DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
 TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
 TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
 PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
 TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
 TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
 TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
 TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
 DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
 P.B. (Nilam Puri).
 TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
 TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
 (Muar).
 TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Belut).
 TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
 DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
 D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
 TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
 (Balik Pulau).
 TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
 Gelugor).
 „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
 (Alor Gajah).
 „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
 TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang),
 „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
 TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
 TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
 DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J, S.P.M.S., D.U.N.M.,
 S.P.N.S. (Kota Tinggi).
 Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
 TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
 TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
 TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
 DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

TUAN P. PATTO (Ipoh).

TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).

TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam),

DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu SIING SENG (Sibu).

„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

DR TING CHEW PEH (Gopeng).

TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir
Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K., (Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 26hb Oktober, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib tidak hadir),

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Bakar.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Bakar tidak hadir).

**PERMODALAN NASIONAL
BERHAD—PEMBELIAN
SAHAM UMW**

3. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan keputusan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang telah membuat keputusan untuk membeli 51% saham UMW Corporation. Apakah keputusan ini merupakan keputusan yang munasabah dan tepat dari segi "Economic Vability". Bagaimanakah kedudukan kewangan dan harta serta keuntungan perniagaan UMW Corporation. Apakah prospeknya di masa depan dan sejauh mana dapat membantu PNB.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Permodalan Nasional Berhad (PNB) bukannya akan membeli 51% saham UMW Corporation seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tetapi telah mengesahkan kesanggupannya untuk "underwrite" (jaminan untuk membeli) sebanyak \$51.5 juta dari jumlah saham hak dan saham ptnjaman takbercagar boleh tukar (convertible unsecured loan stock), dengan izin, yang akan diterbitkan oleh UMW Holdings Sdn. Bhd. Keputusan PNB untuk membeli saham-saham ini sekiranya pemegang-pemegang saham yang lain tidak sanggup membeli bahagian masing-masing adalah keputusan pelaburan yang berdasarkan faktor-faktor berikut:

- (a) PNB yang kini memegang 12.2% saham UMW, yakin akan "viability" UMW pada jangka masa panjang. Pendapat ini adalah berdasarkan kajian yang dibuat oleh Stantord Research Institute International, sebuah firma perundingan bebas antarabangsa yang terkenal.
- (b) PNB boleh mendapat keuntungan modal (capital gain) di masa hadapan memandangkan pelaburan baru dalam UMW ini ialah pada harga \$0.50 sesaham berbanding dengan nilai tarafnya, ataupun par value, iaitu \$1 pada satu saham.

- (c) Sekiranya PNB perlu membeli kesemua saham hak dan saham pinjaman yang ia "underwrite" sebanyak \$51.5 juta itu, PNB pada akhirnya akan menguasai 59.2% dari modal UMW. Menerusi proses ini PNB akan mencapai 2 matlamat iaitu:
- (i) Menjaga kepentingan pelaburan PNB dan UMW.
 - (ii) Mewujudkan penguasaan pegangan saham yang efektif ke atas UMW.
- (d) Menerusi saham pinjaman (loan stock) kepada UMW, PNB akan mendapat pulangan 10% setiap tahun.
- (e) Peningkatan pegangan PNB dalam UMW akan meningkatkan pegangan Bumiputera dalam sektor peralatan industri berat.

Mengikut laporan kewangan UMW yang berakhir pada 31 Disember, 1986, syarikat ini memperoleh pendapatan kendalian berjumlah \$616.9 juta dan mengalami kerugian sebelum cukai sebanyak \$84.4 juta. Dari segi kedudukan kewangannya, ia mempunyai nilai harta bersih kira-kira sebanyak \$100.5 juta.

Sebagai sebuah syarikat yang terlibat dalam perniagaan jentera-jentera berat dan alat ganti yang digunakan dalam Sektor Pembalakan dan Sektor Pembinaan, prospek masa hadapannya bergantung kepada pemulihan ekonomi dalam kedua-dua sektor ini. Pada masa ini terdapat tanda-tanda positif bahawa ekonomi negara beransur-ansur pulih dan pasaran pembalakan di Sabah dan Sarawak dijangka akan meningkat antara 30-50%. Berdasarkan unjuran ini, UMW mempunyai masa depan yang baik.

KURIKULUM KBSR—PENG-UBAHSUAIAN

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan di dalam usaha mengukuhkan nilai-nilai keseimbangan dan kesesuaian Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah dilaksanakan mulai 1982, apakah ciri-ciri utama yang telah diberi penekanan di dalam pengubahsuaian tersebut supaya menjadi Kurikulum yang lebih bersepadu di peringkat Sekolah Rendah dan Menengah.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai amalan biasa, sesuatu program kurikulum itu akan disemak semula selepas satu jangka masa yang sesuai.

Dalam penyemakan tersebut akan dikenalpasti kelemahan-kelemahan untuk tujuan pengubahsuaian agar selaras dengan falsafah, matlamat dan objektif pendidikan negara.

Bagi mencapai tujuan tersebut, ciri-ciri berikut telah, sedang dan akan diberi penekanan:

- (i) Kesepaduan dan keseimbangan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani murid-murid.
- (ii) Penekanan kepada nilai-nilai murni, kepercayaan kepada Tuhan untuk melahirkan insan/rakyat Malaysia berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.
- (iii) Kesenambungan kemahiran dan pengetahuan murid-murid sekolah rendah dan menengah.

- (iv) Pengukuhan nilai-nilai murni melalui pengajaran pembelajaran dan amalan termasuk kandungan sukatan pelajaran, kaedah mengajar dan alat-alat serta bahan seperti buku teks, kit-kit, alat pandang dengar dan sebagainya.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sejauh manakah garis panduan itu telah dicapai. Kalau telah dicapai, berilah sedikit penjelasan. Kalau tidak mengapa?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mengadakan satu badan untuk menilai dan mengkaji prestasi pelancaran KBSR hari ini dan kita belum dapat hasil-hasil daripada kajian itu. Sebab itu, saya tidak dapat memberikan satu jawapan yang jelas ke atas soalan yang disuarakan oleh Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan. Soalan saya ialah kenapakah selepas 5 tahun sejak pelaksanaan KBSR ini belum pun satu kajian sepenuhnya dijalankan. Adakah pihak Kementerian Pendidikan ini mengenal-pasti kelemahan-kelemahan yang sudah didapati di bawah sistem baru ini, apakah kelemahan-kelemahan yang wujud. Adakah benar bahawa nisbah guru kepada murid-murid adalah tinggi yang mana seorang guru terpaksa untuk mengajar 50 hingga 55 orang murid-murid, khususnya dalam sekolah rendah jenis Kebangsaan. Adakah benar juga bahawa taraf pencapaian dalam matapelajaran Inggeris telah pun turun di dalam Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ini, adakah kelemahan ini wujud. Kenapakah 5 tahun selepas pelaksanaan ini belum satu kajian yang sesuai untuk mengenalpasti semua kelemahan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya baru jawab tadi, satu badan sudah ditubuhkan untuk mengkaji dan kita belum dapat mengkaji keputusan peperiksaan. Pada tahun ini kita adakan peperiksaan percubaan sahaja untuk murid-murid KBSR 305 buah sekolah sahaja dan keputusan peperiksaannya pun kita belum dapat tahu lagi, sebab itu kita tidak dapat menilai prestasinya.

Saya bersetuju prestasi bahasa Inggeris di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan juga Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan adalah lemah dan Kementerian Pendidikan sudah pun mengambil langkah yang positif untuk mempertingkatkan prestasi bahasa Inggeris di semua sekolah di negara kita ini. Saya mengaku bahawa bilik darjah kita menghadapi ramai murid-murid, khususnya di bandar-bandar sampai 50; saya belum tahu adakah sampai ke-55. Saya harap Yang Berhormat memberikan buktinya iaitu dalam sebuah bilik darjah kita ada murid sampai ke-55 dan kiranya ada saya akan kaji dan menyiasat untuk menurunkan bilangan murid itu.

DASAR EKONOMI BARU— PENCAPAIAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) oleh kerana terdapat 3 tahun lagi sebelum sampai ke tahun 1990, apakah pencapaian-pencapaian ketara Dasar Ekonomi Baru. Dengan mengambilkira bahawa objektif DEB perlu dicapai dalam konteks ekonomi yang berkembang, bagaimana kemerosotan ekonomi telah memberi kesan ke atas pelaksanaannya;

- (b) adakah Kerajaan sedar tentang banyak kelemahan dalam pelaksanaan DEB dan sama ada sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen akan ditubuhkan untuk mengkaji kelemahan-kelemahan itu dan memperbaikinya; dan
- (c) adakah DEB akan dilanjutkan selepas 1990 adakah Perdana Menteri boleh memberi satu jaminan bahawa pandangan-pandangan semua rakyat Malaysia akan diminta sebelum membuat apa-apa keputusan sama ada DEB patut dilanjutkan atau tidak.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Usaha Kerajaan dalam kedua-dua aspek Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah menunjukkan kejayaan seperti yang terbukti melalui petunjuk-petunjuk berikut:
- (i) Kadar kemiskinan telah dapat dikurangkan dari 49.3% pada tahun 1970 ke 18.4% pada tahun 1984. Kadar kemiskinan di luar bandar juga telah menurun dari 58.7% pada tahun 1970 ke 24.7% pada tahun 1984.
 - (ii) Pemilikan Bumiputera dalam sektor syarikat telah mencapai 17% pada tahun 1985 berbanding dengan hanya 2.4% pada tahun 1970. Di samping itu, bilangan usahawan-usahawan Bumiputera dan professional/pekerja Bumiputera dalam berbagai kegiatan ekonomi telah banyak meningkat jika
- dibandingkan dengan kedudukan pada tahun 1970.
- Memandangkan bahawa objektif DEB perlu dicapai dalam konteks ekonomi yang berkembang, adalah jelas bahawa ke-melesetan ekonomi tidak dapat tidak telah membantu usaha Kerajaan ke arah pencapaian matlamat DEB menjelang 1990.
- (b) Kerajaan tidak bercadang menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen Khas untuk mengkaji kelemahan dalam pelaksanaan DEB. Walaupun terdapat tohmahan dibuat tentang kelemahan dalam pelaksanaan DEB, bukti-bukti yang nyata tidak pula diberi mengenai kelemahan-kelemahan itu. Bagaimanapun Kerajaan menyambut baik segala teguran dan pandangan umum mengenai apa-apa kelemahan yang mungkin timbul dalam pelaksanaan program dan akan berusaha mengatasinya.
- (c) Mengenai soalan sama ada DEB akan dilanjutkan selepas 1990, saya telah berkali-kali menegaskan bahawa usaha-usaha untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi mencapai perpaduan negara tidak semestinya terhenti pada tahun 1990. Usaha-usaha ke arah pencapaian matlamat murni ini seharusnya diteruskan.
- Bagaimanapun strategi pembangunan negara seterusnya perlu dipertimbangkan dengan teliti dengan mengambilkira keadaan semasa dan arah

pembangunan negara selanjutnya. Sebagai Kerajaan yang mewakili rakyat, pandangan rakyat akan diambilkira dalam merangka semula sesuatu dasar pembangunan selanjutnya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah berjaya dalam usahanya menjadikan Dasar Ekonomi Baru ini satu kejayaan. Namun demikian, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagaimana telah disebutkan tadi, penilaian kepada kejayaan ini adalah berasaskan kepada faktor-faktor tertentu dan kajian itu dibuat secara menyeluruh. Soalan saya, adakah Kerajaan membuat kajian terperinci berasaskan kepada pencapaian negeri-negeri di Malaysia ini iaitu negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak secara terperinci akan kejayaan Dasar Ekonomi Baru ini.

Yang kedua, apakah dari segi objektifnya pencapaian yang hendak kita tentukan adakah ianya 50:50%, 70:30% ataupun 90:10%. Jadi, dapatkah Kerajaan menentukan peratus yang tertentu yang akan ditujukan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai angka berkenaan dengan negeri-negeri yang tidak begitu jelas kerana keadaan dalam negeri berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Namun demikian, kalau diperlukan kita boleh membuat kajian tentang kecapaian di negeri-negeri tertentu, tetapi ini akan mengambil masa yang panjang. Pada ketika ini ada banyak lagi kerja-kerja lain yang perlu dibuat untuk menentukan bahawa matlamat kita dicapai.

Soal pencapaian, apakah taraf pencapaian yang dikehendaki, ini telah pun diterangkan dalam Dasar Ekonomi Baru, tak gunalah kita mengadakan satu matlamat yang begitu tinggi sehingga kita tidak mungkin capai sama sekali. Setakat ini kita berpuas hati dengan pencapaian matlamat yang telah ditentukan dalam Dasar Ekonomi Baru. Jadi, pihak Kerajaan belum lagi membuat ketetapan, tetapi pada pendapat saya kita masih berpegang kepada taraf pencapaian ini.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta satu soal, barangkali ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga boleh jawabkan, fasal selalu Yang Amat Berhormat ada panggil rakyat negara kita supaya bersatupadu, kaum-kaum semua mahu bersatu dan berpadu. Bolehkah di tahun 1990 dipanggil semua orang, bukan dibahagikan kepada bumiputera, pribumi dan lain-lain—bagi semua orang satu status, semua yang beranak di tanahair kita sebagai bumiputera. Bolehkah Kerajaan fikir ini? Ini boleh tunjukkan jalan kepada perpaduan negara kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang penting bukan nama, tetapi perpaduan yang dicapai. Pada pendapat saya selagi ada Ahli Yang Berhormat itu dalam Dewan ini, payah hendak capai. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata bahawa dalam pencapaian matlamat DEB mengenai membasmi kemiskinan bahawa daripada tahun 1970 kepada 1984 adalah menurun kadar kemiskinan daripada 49% kepada 18%. Bukankah benar bahawa dalam 3 tahun ini keadaan sudah lebih merosot, khasnya oleh kerana kadar per kapita GNP purata sudah jatuh ke

16%. Kalau Kerajaan ada angka-angka mengenai kemiskinan, mungkin peratus kemiskinan sudah sampai dekat, kalau tak sama dengan 49% dan apa angka dalam kajian Kerajaan ialah garisan kemiskinan sekarang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja memberi angka pada tahun 1984 kerana pada ketika itu keadaan adalah agak stabil sedikit. Sejak tahun 1985 sehingga sekarang ini keadaan ekonomi negara begitu fluid, begitu bergolak, sama seperti keadaan ekonomi seluruh dunia dan di dunia ini juga kita tidak dapat menentukan sama ada statistik yang kita dapati ini tepat ataupun tidak. Umpamanya, 3-4 hari dahulu harga saham mungkin bernilai \$10, hari ini mungkin bernilai 10 sen; ini bukan berlaku di Kuala Lumpur sahaja, tetapi berlaku juga di Wall Street dan di pasaran saham yang lain. Dengan adanya keadaan yang begini fluid, yang begini tidak tentu, sukar bagi mana-mana economies, mana-mana pakar statistik untuk memberi satu angka yang tepat. Dengan kerana itu, saya tidaklah dapat memuaskan hati Ahli Yang Berhormat.

IKAN UNTUK KEPERLUAN NEGARA

6. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah tan metrik pendaratan ikan pada 31-8-87. Adakah jumlah ini cukup untuk memenuhi keperluan negara setakat ini; jika tidak, berapa tan metrik negara kita terpaksa mengimport setakat ini dan dari negara mana; sila senaraikan mengikut negara dan jenis ikan; memandangkan permintaan dunia terhadap udang harimau setakat ini begitu menggalakkan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya kawasan sesuai untuk memelihara udang harimau diperbesar. Nyatakan jumlah kawasan di seluruh negara mengikut

negeri yang sudah dimajukan untuk memelihara udang harimau. Apakah peranan yang dimainkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk menggalakkan para nelayan mencebur diri dalam usaha ini memandangkan penjualan udang harimau merupakan satu sumber pendapatan wang asing yang lumayan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, anggaran pendaratan ikan di Malaysia sehingga 31-8-87 adalah sebanyak 547,007 tan metrik dan jumlah ini tidak mencukupi keperluan negara. Dengan demikian, negara ini terpaksa mengimport ikan yang dianggarkan sebanyak 161,949 tan metrik sehingga ini, kebanyakannya dari Thailand dan Indonesia. Jenis-jenis ikan yang diimport dari negara-negara tersebut adalah ikan kembong, bawal putih, bawal hitam, tenggiri dan lain-lain jenis ikan dalam bentuk ikan basah dan dibekukan.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya kawasan sesuai untuk memelihara udang harimau diperbesar ialah seperti berikut:

- (i) mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk ternakan udang harimau dan seterusnya meminta Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan untuk mengkhaskan kawasan-kawasan tersebut bagi tujuan ternakan udang harimau;
- (ii) mengadakan galakan pelaburan seperti taraf perintis dan elaun cukai pelaburan;
- (iii) Kerajaan juga menjalankan penyelidikan untuk memperbaiki teknologi menternak udang harimau dan memberi tatihan dan khidmat pengembangan kepada para penternak; dan

- (iv) menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di dalam bidang ternakan udang selain dari usaha-usaha untuk menggalakkan pelabur-pelabur tempatan.

Potensi kawasan yang boleh dibangunkan untuk tujuan akuakultur ialah 112,400 hektar dan setakat ini jumlah kawasan yang telah dibangunkan ialah 1,093.30 hektar.

Peranan yang dimainkan oleh LKIM ialah sama seperti yang dinyatakan di atas tadi, khususnya untuk menggalakkan para nelayan dan petadang-peladang kecil di seluruh negara mencebur diri dalam usaha ini.

Tuan Nasruddin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan adanya bermacam-macam kajian teknologi untuk membesarkan lagi udang harimau ini telah mendapat kesan yang positif. Tetapi malangnya dari sudut pengeksportan bila hendak dieksport, lesen yang diberi hanya sekadar 8 inci sahaja, tetapi dengan adanya berbagai kajian dan teknologi tadi udang harimau ini menjadi besar, jadi sukar. Ini ada percanggahan. Jadi, saya minta penerangan dari Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sedikit di sini pada hari ini berhubung dengan udang yang disebutkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi, iaitu udang harimau. Udag harimau yang kita tidak membenarkan ianya dieksport secara hidup ialah udang yang panjangnya 7 inci ke atas, tetapi kalau udang itu mati, tidak hidup, dia boleh dieksport. Jadi, tidak adalah masalah bahawa kita tidak dapat mengeksport udang kita.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu

daripada Timbalan Menteri mengenai bentuk latihan yang telah diadakan bagi melatih mereka yang ingin menternak udang harimau. Setakat ini berapa ramai yang telah menjalani latihan dan kalau boleh, nyatakan juga peratus bumiputera yang mengikuti latihan ini?

Yang kedua, dari segi potensi kawasan pantai untuk ternakan udang harimau, negeri manakah yang mempunyai potensi yang baik di Semenanjung ini? Adakah juga rancangan daripada Kementerian untuk membincangkan eksport udang harimau ini dengan negara-negara yang lain sebagai meluaskan lagi eksport udang harimau keluar negeri?

Telah dinyatakan tadi, setakat ini udang yang panjang 7 inci tidak boleh dieksport. Saya ingin tahu di sini, mengikut kajian Kementerian Pertanian berdasarkan teknologi baru, berapa panjangkah udang harimau ini boleh membiak, 1 kaki dan sebagainya?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya suka menyentuh tentang berapa panjang udang harimau. Mengikut kajian kami, yang sehabis panjang pada hari ini ialah 10 inci, atau mungkin ada yang lebih panjang lagi. *(Ketawa)*

Berhubung dengan latihan, saya rasa saya tak payah huraikan pada hari ini kerana kita telah menubuh sebuah pusat latihan yang lengkap untuk mereka menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya, yakni, menternak udang harimau supaya udang itu benar-benar subur.

Yang ketiga, berhubung dengan tanah atau kawasan yang subur untuk pemeliharaan atau ternakan udang harimau itu, pertama sekali yang perlu, ialah air payau. Kawasan-kawasan yang kita dapati pada hari ini sesuai adalah di Kedah, Sungai Merbok; Pulau Pinang, Bukit

Tambon; Perak, Sitiawan, Pantai Remis; Selangor, Tanjong Karang dan Sabak Bernam; dan juga beberapa banyak lagi tempat lain yang saya katakan tadi, iaitu tak kurang keluasannya dari 1,093.30 hektar.

**TOKONG HAI TANG MAH,
KULIM—PERUNTUKAN
MEMBAIKI**

7. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementerian beliau telah meluluskan permohonan untuk mendapat bantuan wang untuk membaiki Tokong Hai Tang Mah di Jalan Kulim, Perkampungan Macang Bubok, Bukit Mertajam yang dipanjangkan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; jika ya, berapakah peruntukan bagi maksud tersebut, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak meluluskan peruntukan bagi projek-projek keagamaan. Peruntukan bagi projek-projek keagamaan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan yang sedia ada di bawah Kementerian ini untuk kampung-kampung baru ialah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur seperti jalan, longkang, bekalan elektrik dan air.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata, Kementeriannya tidak ada bidang kuasa untuk memberikan bantuan kepada tokong-tokong. Tetapi apabila saya raenghantarkan permohonan ini kepada Kementerian Perumahan,

Kementerian Perumahan memperpanjangkan permohonan ini kepada Kementerian beliau. Saya ingin tahu sama ada itu satu kesilapan Kementerian Perumahan?

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab bagi pihak Kementerian Perumahan, tetapi permohonan Ahli Yang Berhormat itu sepatutnya ditujukan kepada Jabatan Perdana Menteri.

**DADAH/MENGHIDU GAM/
KUMPULAN JAHAT/SERANGAN
ATAS GURU—KAWALAN**

8. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal penduduk-penduduk yang terlibat dalam:

- (a) menghidu gam;
- (b) menghisap dadah;
- (c) kumpulan jahat; dan
- (d) serangan terhadap guru-guru.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan menghidu gam, menghisap dadah, kumpulan jahat dan serangan terhadap guru-guru adalah seperti berikut:

- (a) Menghidu gam: Kegiatan menghidu gam tidaklah begitu serius dan setakat ini tiada undang-undang yang berhubung dengan masalah menghidu gam. Bagaimanapun, tindakan segera bagi mengawal kegiatan ini akan diambil oleh Kerajaan sekiranya ia dikenalpasti sebagai masalah yang semakin serius dan membimbangkan.

(b) Menghisap dadah: Tindakan untuk mengawal mereka yang terlibat dalam gejala ini diambil di bawah undang-undang berikut:

- (i) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983;
- (ii) Akta Dadah Berbahaya, 1952.

Pasukan Polis DiRaja Malaysia akan mengambil tindakan di bawah undang-undang tersebut khusus bagi mengawal kegiatan menghisap dadah di kalangan penduduk negara kita. Mereka yang terlibat akan dihantar ke pusat-pusat pemulihan dan ada di antaranya didakwa di mahkamah sekiranya mereka juga terlibat dalam kancas pengedaran dadah. Jelasnya tindakan tegas diambil bukan sahaja ke atas penagih tetapi juga ke atas pengedar-pengedar dadah bagi mencegah kemasukan dadah di negara kita.

(c) Kumpulan jahat: Bagi mencegah dan mengawal kegiatan ini berbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan, antaranya:

- (i) Memperhebatkan operasi yang dikenali sebagai "OPS SAPU" di kawasan yang dikenalpasti sebagai tempat kegiatan kumpulan jahat;
- (ii) Mendakwa mereka yang terlibat ke mahkamah apabila terbukti kesalahan dan kegiatan jahatnya; dan
- (iii) Mengambil tindakan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam

dan Mencegah Jenayah) 1969, Enakmen Kediaman Terhad Bab 39 dan Akta Mencegah Jenayah No. 297 bagi mencegah kegiatan mereka.

(d) Serangan terhadap guru-guru: Mengenai kes serangan terhadap guru-guru, pihak Polis dengan kerjasama Kementerian Pendidikan akan menyiasat dan mengambil tindakan sekiranya laporan Polis dibuat. Tindakan yang diambil ke atas mereka yang terlibat adalah bergantung kepada jenis jenayah yang mereka lakukan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Soalan tambahan. Tadi dinyatakan bahawa tiada undang-undang dalam masalah menghidu gam dan ini menggambarkan bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri tidak dapat mengambil apa-apa tindakan. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk menggubal satu Akta bagi memastikan bahawa tindakan dapat diambil kepada penghidu-penghidu gam?

Soalan kedua, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Menteri Dalam Negeri terhadap penghispenghisap dadah yang ternyata amat ketara bilangannya dan boleh dijumpai dengan senang terutama di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur dan juga bandar-bandar lain kerana mereka ini merupakan sampah masyarakat dan mengganggu-gugat ketenteraman awam dan juga menyakitkan mata terutama bagi para pelancong yang datang daripada luar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan tambahan pertama, bila masalah ini difikirkan makin serius dan membimbangkan dan dengan

kerjasama dan sokongan kuat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di dalam Dewan ini, maka Kementerian Dalam Negeri akan menggubal undang-undang untuk menentukan apakah tindakan yang akan diambil terhadap pihak yang menghidu gam.

Perkara yang kedua, iaitu masalah penghisap-penghisap dadah yang berselerak di ibukota-ibukota, bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi juga di kota-kota lain, operasi-operasi untuk menangkap mereka seringkali dijalankan dan tangkapan-tangkapan telah pun kita buat dan tindakan untuk menghantar mereka ke pusat-pusat pemulihan juga kita lakukan. Tetapi kadang kala apabila operasi kita lakukan, tangkapan kita buat, tak sampai pun satu malam atau dua malam sejak pihak yang berkenaan yang tertangkap, sudah ada pihak-pihak yang tertentu—ibubapa, ketua kampung, ketua cawangan datang untuk menjamin orang-orang itu untuk keluar daripada lokap. Inilah kadang-kadang masalah-masalah yang sukar kita hadapi apabila kita hendak mengambil tindakan terhadap mereka ini.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah kes serangan terhadap guru-guru telah dilaporkan kepada pihak Polis dan berapa orang yang telah diambil tindakan oleh mahkamah?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, di sepanjang tahun 1987, hanya tujuh kes sahaja yang telah dilaporkan di mana murid menumbuk guru 4 kes; murid mengugut guru 3 kes; dan hukuman telah pun dijatuhkan kepada mereka ini, seorang dirotan tiga kali, ada yang ditukarkan ke sekolah lain, gantung persekolahan selama dua minggu, dan ada yang telah pun dibuang sekolah.

PEMBINAAN JALAN MENGUNAKAN SIMEN

9. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada ia memberi keuntungan dari segi kos pembelanjaan dan bahan bagi membuat jalan dengan simen berbanding dengan "tar" yang mahal.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian dan pengalaman dalam pembinaan jalan menggunakan simen adalah didapati jalan simen adalah lebih mahal jika dibandingkan dengan jalan yang dibina daripada tar. Walau bagaimanapun dari segi jangka panjang jalan simen adalah lebih murah kerana kos penyelenggaraan adalah lebih rendah daripada jalan tar.

Di samping itu jalan simen mempunyai beberapa ciri-ciri keistimewaan seperti mempunyai cengkaman yang baik, jarak pandangannya (site distance), di waktu malam kelihatan lebih cerah daripada jalan tar dan usia turapan jalan simen adalah lebih lama jika dibandingkan dengan jalan tar.

Kerajaan sememangnya menggalakkan penggunaan simen dalam pembinaan jalanraya supaya penggunaan simen tempatan dapat dimaksimakan. Walau bagaimanapun tidak semua keadaan tanah didapati sesuai untuk pembinaan jalan simen kecuali di kawasan tanah yang kuat, keras dan tidak berlaku pemendapan (settlement), dengan izin. Sebaliknya sekiranya jalan simen dibina di tanah lembut, pemendapan yang berlaku boleh menyebabkan jalan menjadi retak dan sukar untuk dibaiki.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika benar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbaian Menteri bahawa dari segi jangka panjang penggunaan simen

untuk membina jalan adalah lebih menguntungkan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menggunakan seberapa banyak simen untuk penggunaan pembinaan jalan? Yang kedua, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya harga simen akan lebih murah untuk membantu Kerajaan menjimatkan perbelanjaan wang dari segi pembinaan menggunakan simen ini?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan sepertimana yang saya nyatakan dalam jawapan saya sentiasa akan menggalakkan penggunaan dalam pembinaan lebuh raya di dalam negara ini. Antara langkah-langkah yang telah kita buat.....

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat, apa hendak?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta ini apa saya maksudkan ialah kita faham bahawa langkah-langkah Kerajaan sedang diambil tetapi bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah langkah-langkah yang diambil selain daripada menyebut langkah-langkah yang akan diambil. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Langkah-langkah yang telah Kerajaan ambil ialah untuk menentukan dalam penswastaaan Lebuh raya Utara/Selatan, Kerajaan telah mensyaratkan tidak kurang daripada 30% daripada Lebuh raya tersebut hendaklah dibina dengan simen.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan telah membina lebihkurang 3 km jalanraya

dengan simen iaitu di bahagian Lebuh raya Gurun/Alor Setar dan juga 3.5 km di jalanraya Gurun Interchange dan di sepanjang Lebuh raya Air Keroh/Pagoh Kerajaan sedang membina lebuh raya yang menggunakan simen sepanjang 19.1 km.

Untuk soalan kedua, mengenai harga simen saya tidaklah boleh memberi jawapan kerana ini adalah terkeluar daripada bidang kuasa Kementerian saya. Terima kasih.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya jalan-jalan di negara kita telah dibina daripada tar sejak beberapa tahun yang lalu. Baru-baru ini Kerajaan barulah bercadang untuk membina lebuh rayarlebuh raya, jalanraya-jalanraya atau apa-apa jalan dengan menggunakan simen. Ternyata tadi hanya 3.5 km daripada satu atau dua lebuh raya dibina dengan simen dan angka yang terdapat ini tidak mencerminkan sama ada menggunakan simen itu tahan lebih lama lagi, kalau berbanding dengan tar pada jangka panjang.

Soalan saya ialah mengapa Kerajaan tidak menggunakan simen pada masa-masa yang lalu hinggalah hari ini baru dicadangkan untuk menggunakan simen untuk membina jalan-jalan atau lebuh raya-lebuh raya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Tidak payah jawab soalan itu Yang Berhormat. (*Ketawa*)

PROGRAM KEBERSIHAN ALAM SEKELILING DI SARAWAK

10. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah kewangan yang diperuntukkan kepada Sarawak di bawah Program Kebersihan Alam Sekitar untuk memberi kemudahan dalam pembekalan air-paip luar

bandar dan memperbaiki keadaan kesihatan serta kebersihan di Rumah Panjang dalam masa lima tahun yang lalu.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, dalam masa lima tahun yang lalu, iaitu dari tahun 1982 hingga akhir 1986, peruntukan yang telah diberikan di bawah Program Kebersihan Alam Sekeliling kepada Negeri Sarawak untuk memberi kemudahan bekalan air dan tandas dan memperbaiki keadaan kesihatan serta kebersihan di Rumah Panjang dan kawasan-kawasan luar bandar adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Peruntukan</i>
1982	\$2.10juta
1983	\$1.70juta
1984	\$1.85 juta
1985	\$1.42 juta
1986	\$1.98 juta

Ini bermakna bahawa sebanyak \$9.05 juta telah diperuntukkan untuk program tersebut bagi Negeri Sarawak.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan dari segi relatif (bandingan) jumlah yang diberikan kepada Sarawak—bukanlah ini menggambarkan saya regionalistic, dengan izin—tetapi menggambarkan jumlah atau angka yang diberi untuk Sabah dan negeri-negeri lain di Semenanjung dan sebagainya.

Yang kedua, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah peruntukan ini supaya dapat diberi dan menjamin kesejahteraan rakyat dari segi kesihatan di masa akan datang, lebih-lebih lagi di negeri-negeri terpencil

seperti Sarawak yang rakyatnya begitu terdedah dengan keadaan tidak sihat dari segi alam sekeliling?

Dato' Chan Siang Sun: Saya sukalah mengambil dua soalan tambahan itu kepada satu. Untuk menambah apa yang saya sebutkan tadi, selain daripada apa yang telah diberi kepada negeri Sarawak lebih kurang \$2 juta bagi tahun 1986 ini, daripada agensi-agensi Kerajaan Negeri pula, kita dapat juga \$652,000 juta untuk menambah apa telah diberikan oleh Kementerian Kesihatan. Ini satu sumbangan yang baik daripada agensi-agensi Kerajaan Negeri sendiri. Secara relatif, saya suka memaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan-peruntukan untuk negeri-negeri yang lain, kalau dibandingkan dengan negeri Sarawak, negeri Sarawaklah yang sesebuah negeri yang dapat peruntukan yang terbesar sekali iaitu \$11 juta, insya Allah.

Soalan yang kedua iaitu kita akan menambahkan peruntukan untuk program ini atau tidak pada masa akan datang, kita tentulah, kalau keadaan ekonomi mengizinkan, kita akan menambahkan peruntukan, bukan untuk negeri Sarawak sahaja, tetapi negeri-negeri yang lain juga.

PELAJAR MALAYSIA MELANJUTKAN PELAJARAN DI BELGIUM

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa dalam kunjungan Menteri Luar Belgium ke Malaysia baru-baru ini beliau telah menyatakan bahawa Belgium akan menerima lebih ramai pelajar Malaysia untuk belajar di negerinya kerana kecemerlangan yang telah dicapai oleh pelajar-pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajarannya di sana. Apakah sikap Kerajaan kita mengenai kenyataan yang berkenaan itu. Sila nyatakan

prestasi kecemerlangan pelajar-pelajar kita itu mengikut universiti-universiti dan jurusan yang diambil setakat ini. Berapa ramaiakah pelajar kita yang sedang melanjutkan pelajarannya di Belgium sekarang.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) amat menghargai tawaran Kerajaan Belgium yang akan menerima lebih ramai pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di negara tersebut, terutamanya di peringkat "post-graduate" dan lain-lain kursus dalam perkhidmatan. Ini ialah kerana prestasi pelajar-pelajar Malaysia tajaan negara asing yang mengikuti kursus di peringkat-peringkat berkenaan dalam bahasa Inggeris mencapai kejayaan yang cemerlang. Walau bagaimanapun, prestasi pelajar-pelajar tajaan JPA yang mengikuti kursus di peringkat ijazah pertama dalam bahasa Flemish tidak memuaskan, kerana masalah penguasaan bahasa itu dan lain-lain. Oleh itu, Jabatan ini telah menangguhkan untuk sementara waktu penghantaran pelajar-pelajar baru ke Belgium di peringkat tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pula, bilangan pelajar post-graduate yang telah mencapai kejayaan dalam bidang masing-masing dari tahun 1981-1987 adalah seramai 30 orang. Keterangan lanjut seperti berikut:

Universiti	Kursus	Bilangan Pelajar
1. Vnje Univer-	Engmeering	7 orang
sity of Brussels		
2. Katholieke	Busmess	9 orang
University Leuven	Engmeermg	3 orang
	Sciences	2 orang
	Agriculture	6 orang
	Economics	1 orang
3. Unwersity of	Economics	2 orang
Antwerp		
	Jumlah ..	30 orang

Sementara itu, bilangan pelajar tajaan yang masih menuntut di peringkat Ijazah di Belgium adalah seramai 118 orang.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah perbelanjaan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Nanti sebentar, lampu betum menyala.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu jumlah perbelanjaan yang dibiayai untuk pelajar-pelajar kita dihantar ke negara Belgium dan juga menjelaskan apakah rasional untuk menghantar pelajar-pelajar kita ke Belgium kerana seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri bahasa penghantar ialah bahasa Flemish dan untuk membolehkan mereka menuntut di sana, pelajar-pelajar kita terpaksa menguasai bahasa Flemish. Bukankah ini satu pembaziran? Tidakkah lebih baik untuk menghantar mereka ke negara-negara yang memberi bahasa penghantar Inggeris supaya menjimatkan wang?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak mengadakan perhubungan yang rapat dan rapi dengan semua negara yang berada perniagaan dan perhubungan dengan kita dan bahasa itu bukanlah satu perkara yang akan menghalang satu pelajar. Jika kita memberi peluang kepada mereka, kita yakin mereka akan menguasai bahasa itu sungguhpun bahasa itu bukan Bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris. Berkaitan dengan peruntukan, saya tidak ada angka itu di sini dan meminta notis.

Dr V. David: Universiti Belgium.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat minta penjelasan atau soalan tambahan?

Dr V. David: Beri keterangan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Soalan tambahan.

Dr V. David: Soalan tambahan. Di sana Universiti semua ada bukan sahaja bahasa Plemish, tetapi ada bahasa Inggeris, bahasa Prench. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak beri keterangan itu di sini iaitu bukan sahaja bahasa Plemish digunakan di sana tetapi juga tain-lain bahasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Soalannya apa Yang Berhormat?

Dr V. David: Adakah sedar atau tidak—apa yang bercakap oleh saya adalah benar? (*Ketawa*)

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya kurang faham. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Dia memberitahu Yang Berhormat, adakah lain-lain bahasa selain daripada bahasa Plemish?

Tuan Woon See Chin: Bahasa Inggeris ada, dan mengenai lain-lain bahasa, saya tidak tahulah. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Baik Yang Berhormat.

BENDERA DAN LAGU NEGARA—PENGHORMATAN

12. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Perdana Menteri menyatakan kita dapati masih ada lagi orang ramai yang tidak tahu menghormati bendera dan lagu Negara kita. Apakah langkah

Kerajaan yang telah diambil untuk menyemat rasa sayang dan cintakan negara. Apakah cara yang akan diambil supaya setiap rakyat akan menghormati bendera negara dan lagu "Negara Ku".

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu umum untuk menyatakan masih ada lagi orang ramai yang tidak tahu menghormati bendera dan lagu Negara kita. Sudah 30 tahun semenjak kita mencapai kemerdekaan. Bendera dan lagu Negara kita juga berumur 30 tahun. Dalam tempoh yang selama itu, klarnya masih ada yang tidak tahu atau tidak faham untuk menghormati bendera dan lagu Negara, sudah tentu ianya merupakan satu sikap yang sangat mendukacitakan.

Walau bagaimanapun, kemungkinan adanya golongan ini tidak tahu menghormati bendera dan lagu Negara Ku. Mereka mungkin tidak berpendidikan formal, tinggal di tempat-tempat terpencil atau jarang-jarang terlibat dalam kegiatan-kegiatan bercorak kemasyarakatan yang selalu diteraskan dengan lambang-lambang negara.

Langkah-langkah penting yang diambil oleh Kerajaan untuk menyemat rasa cinta pada negara meliputi pelbagai bidang dengan program pembangunan masyarakat dan yang penting sekali ialah melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan. Melalui program ini unsur-unsur rasa sayang dan cintakan negara berasaskan lambang-lambang tertentu seperti bendera, lagu Negara Ku disenaraikan melalui kurikulum kebangsaan sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah ataupun tinggi.

Selain daripada itu, program yang melibatkan belia, wanita dan semua golongan dari segi pembangunan

semangat cintakan negara melalui aktiviti-aktiviti sosial, kebudayaan dan sukan sentiasa menegaskan unsur-unsur yang disebutkan itu, khususnya dalam aspek menghormati bendera dan lagu Negara Ku.

Tuan Hashim bin Shafin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menarik perhatian kepada lagu Negara Ku. Memang kalau kita melihat bahawa ramai secara ketara rakyat negara ini masih belum menghormati lagu Negara Ku, sedangkan dari segi pendidikan kita diberitahu oleh guru-guru bila lagu Negara Ku dinyanyikan, kita mesti berdiri dan tegak. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah lagu Negara Ku itu tidak memberi semangat yang cukup kepada rakyat negara ini untuk menghormati lagu itu sendiri sama ada dari segi rentak irama dan lagu dan kalau ada, apakah Kerajaan bercadang untuk meminda lagu Negara Ku yang boleh membangkitkan semangat dan penghormatan di kalangan rakyat negara ini?

Tuan Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, rasa cinta dan hormat tentang lagu Negara Ku tidak terletak kepada rentak ataupun lagunya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Cinta dan sayang ini boleh dibuat dengan secara sukarela dan juga paksaan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa mengikut pengalaman yang lepas melalui ketenteraan, negara Jepun dan juga Jerman telah memaksa rakyatnya cinta kepada negaranya. Jadi, saya rasa banyak membuat andaian yang orang cinta kepada lagu ini, tetapi mengikut pandangan umum bahawa kadangkala orang tidak sangat memberi perhatian kepada lagu Negara Ku. Jadi, saya

ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah Kerajaan bercadang untuk memaksa sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Perlis (*Ketawa*) untuk mewajibkan semua kakitangan Kerajaan menyanyi tiap-tiap pagi sebelum masuk ke pejabat?

Raja Arifin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada saudara saya Yang Berhormat dari Arau yang menyebutkan tentang cinta dan sayang. Sebagaimana kita termaklum ianya datang dan bermula dari mata turun ke hati. (*Ketawa*) Jadi cinta mestilah secara dibentuk, dipupuk secara sukarela dan bukan secara paksaan. Kita amat mengetahui tentang cerita Uda dan Dara ataupun Romeo dan Juliet, jadi saya percaya secara paksaan tidak akan dapat menanamkan semangat cinta dan sayang kepada negara.

PEMBINAAN BANGUNAN- BANGUNAN SEKOLAH

13. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pendidikan menyatakan amaun peruntukan 1987 untuk membina bangunan baru di sekolah-sekolah dan membaiki bangunan-bangunan lama bagi:

- (a) Sekolah Rendah Kebangsaan.
- (b) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (aliran Cina dan Tamil).

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1987 jumlah peruntukan yang diberi untuk membina dan membaiki bangunan-bangunan Sekolah Rendah di seluruh Malaysia ialah \$183.1 juta. Pengagihan peruntukan pembangunan bagi membina bangunan-bangunan sekolah adolah dibuat mengikut

keperluan sesebuah sekolah itu dan tidak mengikut jenis sesebuah sekolah.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar beberapa banyak peruntukan yang telah pun dijanji untuk membangunkan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil tidak dapat ditunaikan oleh Kementeriannya dan saya ingin tahu bagaimanakah pihak Kementerian akan menyelesaikan masalah-masalah ataupun peruntukan-peruntukan yang telah pun dijanji tetapi tidak dapat ditunaikan sampai sekarang?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Kerajaan ada dengan suratnya berjanji memberi peruntukan untuk sekolah-sekolah bukan sahaja untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil tetapi untuk Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina juga dan oleh sebab Kerajaan menghadapi kemelesetan ekonomi dan menghadapi kekurangan kewangan untuk membina sekolah-sekolah dan membaiki sekolah, sebab itulah banyak projek-projek yang sudah dijanjikan terpaksa ditangguhkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 14 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).

**JALAN KEPONG-KUALA
SELANGOR DAN SABAK
BERNAM-TELUK INTAN—
KAJIAN**

1. Tuan Htgi Hussein bin H[^]ji Taib minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kementerian bercadang

membesarkan jalanraya Utara dari Kepong ke Kuala Selangor, dari Kuala Selangor ke Sabak Bernam ke Teluk Intan, memandangkan jalan tersebut terlalu sibuk terutamanya apabila jambatan Kuala Selangor dan Sabak Bernam beroperasi sepenuhnya dan adakah Kerajaan bercadang mengenakan kutipan tol di jalan tersebut.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Kajian lalulintas yang telah dibuat di Jalan Kepong-Kuala Selangor dan Sabak Bernam-Teluk Intan telah mendapati bahawa jalan tersebut dapat menampung lalulintas semasa sehingga tahun 1995. Oleh itu buat masa sekarang Kerajaan hanyalah menjalankan kerja-kerja penye-
lenggaraan biasa dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa jalan yang disebutkan itu adalah sebahagian daripada rancangan Jalan Pantai Barat (West Coastal Road) dari Sabak Bernam-Lumut melalui Teluk Intan yang sedang dalam pembinaan. Pada pendapat saya sesudah siapnya pembinaan jambatan sungai Perak di Teluk Intan yang sedang dalam pembinaan pada masa sekarang, jalan yang sedia ada masih lagi boleh menampung aliran lalulintas yang dijangka akan bertambah itu. Mengenai tol di jalan tersebut, Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengenakan tol.

**SUKAN SEA—JUMLAH
PINGAT**

2. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan prestasi Sukan SEA yang diadakan di Jakarta baru-baru ini:

- (i) apakah usaha-usaha dan rancangan yang sedang dibuat oleh pihak Kementerian bagi memastikan mutu sukan negara akan mencapai tahap

yang gemilang lebih-lebih lagi sebagai persediaan menghadapi Sukan SEA yang akan diadakan di Malaysia sendiri;

- (ii) apakah usaha-usaha pihak Kementerian bagi memastikan Malaysia dapat menyertai semua cabang Sukan SEA yang akan diadakan di Kuala Lumpur nanti; dan
- (iii) apakah usaha dan langkah Kementerian bagi memastikan sukan judo, tinju dan memanah yang gagal mendapat sebarang pingat di Sukan SEA Jakarta 87 baru-baru ini tidak akan mengulangi sejarah yang sama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Terlebih dahulu sukacita saya memaklumkan bahawa prestasi kontinjen negara di Sukan SEA yang diadakan di Jakarta baru-baru ini telah meningkat dikira dari segi pencapaian jumlah pungutan keseluruhan pingat. Kontinjen negara telah memenangi sebanyak 36 pingat emas dan jumlah ini adalah merupakan jumlah pungutan kedua terbanyak selepas pencapaian pada tahun 1971 sebanyak 41 pingat emas. Jumlah 144 pingat emas, perak dan gangsa adalah merupakan jumlah terbanyak yang pernah dicapai oleh kontinjen negara sejak menyertai sukan ini dari tahun 1959-1987. Jika dibandingkan pencapaian pingat emas dengan negara peserta yang lain didapati bahawa Thailand merosot 20%, Filipina 1%, Burma 2% dan Singapura 2%. Malaysia pula berjaya mengekalkan pencapaiannya dan cuma Indonesia sahaja yang meningkat sebanyak 25%.

- (i) Bagi memastikan supaya usaha untuk menyediakan pasukan yang lebih rapi di Sukan SEA 1989 di mana

Malaysia menjadi tuan rumah beberapa tindakan telah pun diatur iaitu:

- (a) Meneruskan kegiatan serta program-program yang dirancang di bawah Projek Gemilang '90 iaitu satu projek untuk menyediakan pasukan-pasukan ke Sukan Asia yang akan datang. Projek ini juga mengambil perhatian bahawa Sukan SEA1989 adalah merupakan sebagai salah satu sasaran kecil yang mesti ditempuhi oleh athlit-athlit untuk menyediakan diri di Sukan Asia setahun selepasnya. Kementerian telah pun mengaturkan beberapa tindakan untuk Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan termasuk;

- Menyediakan program latihan untuk selama 2 tahun.
- Menamakan Pengurus Pasukan dan Jurulatih untuk tempoh yang berkenaan.
- Menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu mulai awal tahun 1988 untuk meneliti program persediaan Sukan SEA ini.
- Memberi masa latihan sepenuh masa pada pegawai serta athlit yang terpilih.

- (ii) Dalam usaha untuk menentukan supaya athlit-athlit negara dapat menyertai

semua cabang sukan yang akan dipertandingkan di Kuala Lumpur nanti, pihak Kementerian telah meminta supaya Majlis Olimpik Malaysia membuat keputusan yang lebih awal dalam menamakan jenis-jenis sukan yang akan dipertandingkan kelak. Pihak Majlis Olimpik Malaysia telah pun mengatur mesyuarat untuk membincangkan perkara ini di mana Majlis Sukan SEA akan bersidang tidak berapa lama lagi untuk membincangkan perkara yang berkenaan. Adalah diharapkan supaya jenis-jenis sukan ini akan dapat dinamakan sebelum akhir tahun ini untuk memudahkan pihak Kementerian dan Persatuan-persatuan Sukan yang berkenaan menyediakan athlit di Sukan SEA yang akan datang. Saya sukacita memaklumkan bahawa athlit negara kita akan bertanding dalam semua jenis sukan yang dipertandingkan di Sukan SEA yang akan datang. Yang menjadi masalah ialah sama ada athlit itu lebih berjaya ataupun tidak.

- iii) Kementerian Belia dan Sukan bersetuju bahawa sukan tinju, judo dan memanah tidak cemerlang dan tidak berjaya memberi pingat kemenangan seperti yang ditunjukkan oleh beberapa jenis sukan yang lain. Seperti yang telah dinyatakan beberapa kali terdahulu daripada ini, tugas untuk memajukan sukan tidaklah terletak di tangan Kerajaan sahaja tetapi juga terletak kepada Persatuan Sukan yang berkenaan. Dalam hal ini, Persatuan-persatuan Sukan berkenaan tidak menunjukkan kegiatan yang membanggakan

sehingga dapat mengeluarkan athlit-athlit yang baru dan menyertai program-program yang lebih teliti. Walau bagaimanapun kebelakangan ini terdapat sedikit kemajuan bagi sukan tinju dan sukan memanah. Kerajaan kerap kali menyeru supaya Persatuan Sukan Kebangsaan dapat menilai prestasi masing-masing dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu termasuk membuat organisasi semula pentadbiran sukan masing-masing. Walau bagaimanapun, sekiranya Persatuan Sukan ini tidak mampu menjalankan fungsi-fungsi yang diharapkan menjelang tahun 1989, pihak Kementerian mungkin menamakan tindakan-tindakan yang sesuai untuk menentukan supaya sukan-sukan yang berkenaan jika dipertandingkan dan diwakili oleh athlit-athlit yang mempunyai keupayaan yang memuaskan.

PENGUNDI BERDATTAR

14. Tuan Hashim bin Safin minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pengundi-pengundi yang berdaftar setakat ini. Darpada jumlah tersebut berapakah yang merupakan pengundi haram. Apakah tindakan yang telah diambil kepada badan-badan politik tertentu yang telah memasukkan pendaftaran pengundi-pengundi yang tidak layak.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Jumlah pengundi berdaftar setakat ini seperti yang disahkan pada 15 Mac 1987 adalah 6,997,863 orang. Warganegara yang didaftarkan sebagai pengundi adalah mereka yang berkelayakan dan Suruhanjaya Pilihanraya tidak sedar tentang adanya pengundi yang merupakan 'pengundi haram' di dalam daftar tersebut.

GRADUAN MENGANGGUR

15. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah anggaran graduan-graduan yang menganggur sehingga pertengahan tahun 1988;
- (b) sama ada Kerajaan mempunyai program-program langkah panjang yang tertentu bagi mengatasi masalah ini.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:

- (a) Jumlah sebenar siswazah yang menganggur di negara kita pada masa ini dan anggaran pada pertengahan tahun 1988 adalah sukar untuk ditentukan dengan tepat. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terdapat seramai 18,853 orang siswazah telah mendaftar diri di JPA sehingga 30 September 1987.
- (b) Kerajaan sememangnya mempunyai program-program yang tertentu untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah. Memandangkan masalah pengangguran siswazah berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi yang lembab, Kerajaan sedaya upaya cuba meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan. Kerajaan antara lain telah membuat beberapa pengubahsuaian dan kelonggaran dalam dasar-dasar pelaburan bertujuan untuk menarik pelabur-pelabur melabur di negara ini. Di samping itu langkah-langkah juga sedang dibuat untuk memasukkan program bercorak keusahawanan dan perniagaan di institusi pengajian tinggi tempatan di negara ini dan juga

cuba menyesuaikan program pengajian dengan keperluan tenaga manusia atau kehendak pasaran buruh. Sepertimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum juga, satu Jawatankuasa Kabinet telah pun ditubuhkan untuk mengkaji masalah pengangguran di kalangan siswazah serta mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan masalah sosial ini. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa ini termasuk Skim Latihan Khas dan Skim Penempatan Siswazah di agensi-agensi Kerajaan dan Sektor Swasta.

PENGEDAR DADAH ANTARABANGSA

16. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pengedar dadah antarabangsa yang telah dapat dikesan dan ditangkap dan sama ada sindiket ini berpusat di Malaysia, jika ya berapa orang telah dikesan dan ditangkap dan apakah tindakan selanjutnya akan dibuat untuk menghapuskan sindiket tersebut.

Dato* Megat Junid bin Megat Ayob: Dari tahun 1978 hingga bulan September 1987 seramai 347 orang pengedar dadah bertaraf antarabangsa telah ditangkap dan mereka ini terdiri dari ketua sindiket, ahli sindiket dan taukeh (financier) sindiket. Dari jumlah tersebut, seramai 300 orang telah dikenakan perintah tahanan dari 2 hingga 6 tahun di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Mereka tidak dapat didakwa di mahkamah oleh kerana mereka tidak menyimpan atau membawa dadah berkenaan. Baki seramai 47 orang akan atau telah didakwa di mahkamah kerana mereka

telah ditangkap bersama dadah yang dibawa. Dari jumlah tersebut seramai 18 orang telah dijatuhkan hukuman mati, 5 orang penjara seumur hidup, 2 orang dihukum penjara 12 tahun dan 5 tahun. Sementara itu 13 orang dibebaskan dan 9 orang masih menunggu perbicaraan.

Terdapat juga sindiket-sindiket dadah antarabangsa yang berpusat di Malaysia termasuk sindiket-sindiket dadah berpusat di luar negeri yang mengambil kesempatan untuk menggunakan Malaysia sebagai negara 'transit*'; sementara dadah berkenaan dihantar/dibawa ke negara-negara ketiga. Dalam konteks ini termasuk juga pembawa-pembawa dadah yang terdiri dari rakyat Malaysia. Tidak ada angka yang tepat mengenai jumlah orang-orang yang menyetujui kegiatan-kegiatan tersebut.

Pihak polis sentiasa berusaha mengumpul maklumat risikan yang tepat untuk membanteras setiap sindiket dadah yang bergerak sama ada di peringkat tempatan mahupun di peringkat antarabangsa.

ASET MENTERI/TIMBALAN MENTERI/SETIAUSAHA PARLIMEN—MENGISYTIHARKAN

17. Dr Cben Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen telah diarahkan mengelakkan konflik kepentingan dengan melepaskan minat mereka dalam perniagaan dan aktiviti komersial atau hanya dibenarkan menjalankan Terniagaan keluarga* mereka seperti kakitangan Kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Seperti Yang Berhonnat sedia makJum, semua Anggota Pentadbiran dikehendaki mengisytiharkan aset mereka kepada

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di permulaan mereka memegang jawatan dan mengemaskini kedudukan aset mereka tiap-tiap dua tahun sekali. Di samping itu, mereka dikehendaki memutuskan hubungan dengan segala jenis perniagaan yang pernah diceburi apabila mereka dilantik sebagai Anggota Pentadbiran. Walau bagaimanapun mereka dibenar menubuhkan syarikat pegangan keluarga dan memindahkan semua aset kepada syarikat itu.

PEGAWAI-PEGAWAI—NISBAH DALAM KUMPULAN A

18. Dato Dr Afillfudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan apakah nisbah (ratio) di dalam Kumpulan A di antara pegawai Tingkatan Biasa, Tingkatan Kanan (Senior Timescale) dan Tingkatan Tertinggi di dalam perkhidmatan berikut:

- (a) Perkhidmatan Tadbir (P.T.D.);
- (b) Perkhidmatan Pendidikan; dan
- (c) Perkhidmatan Profesional lain seperti pertanian, perubatan, kejuruteraan dan lain-lain.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Nisbah di dalam Kumpulan A di antara pegawai Tingkatan Biasa, Tingkatan Kanan dan Tingkatan Tertinggi di dalam beberapa perkhidmatan adalah seperti berikut:

- (a) Bagi Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, jumlah keseluruhan pegawai adalah 2,810-Nisbah pegawai-pegawai Tingkatan Biasa dengan jumlah pegawai ialah satu nisbah dua (1:2). Nisbah T/Kanan ialah 1:5 dan bagi Tingkatan Tertinggi ialah 1:3;
- (b) Bagi Perkhidmatan Pelajaran, jumlah keseluruhan pegawai ialah 20,313. Nisbah pegawai

Tingkatan Biasa ialah 1:1, bagi Tingkatan Kanan ialah 1:29 dan bagi Tingkatan Tertinggi ialah 1:47;

- (c) Bagi Perkhidmatan Pertanian, jumlah keseluruhan pegawai ialah 536. Nisbah pegawai Tingkatan Biasa ialah 1:1, bagi Tingkatan Kanan ialah 1:19 dan bagi Tingkatan Tertinggi ialah 1:7;
- (d) Bagi Perkhidmatan Akauntan, jumlah keseluruhan ialah 530 orang pegawai. Nisbah pegawai Tingkatan Biasa ialah 1:15, bagi Tingkatan Kanan ialah 1:7 dan bagi Tingkatan Tertinggi ialah 1:4;
- (e) Bagi Perkhidmatan Perubatan secara keseluruhannya, jumlah pegawai ialah 3,660. Nisbah bagi pegawai Tingkatan Biasa ialah 1:1, bagi Tingkatan Kanan ialah 1:17 dan bagi Tingkatan Tertinggi ialah 1:14;
- (f) Bagi Perkhidmatan Undang-undang pula, jumlah keseluruhan pegawai ialah 367. Nisbah pegawai Tingkatan Biasa ialah 1:1.5, bagi Tingkatan Kanan ialah 1:8 dan bagi Tingkatan Tertinggi ialah 1:4;
- (g) Bagi Perkhidmatan Jurutera secara keseluruhannya, jumlah pegawai ialah 3,241. Nisbah pegawai Tingkatan Biasa ialah 1:1, bagi Tingkatan Kanan ialah 1:8 dan bagi Tingkatan Tertinggi ialah 1:6;
- (h) Bagi Perkhidmatan Pergigian, jumlah keseluruhan pegawai ialah 607. Nisbah pegawai Tingkatan Biasa ialah 1:1.5. Bagi Tingkatan Kanan ialah 1:2 dan bagi Tingkatan Tertinggi ialah 1:9.

PERPADUAN NEGARA

19. Dr V. David minta Perdana Menteri menyatakan peranan Lembaga Perpaduan Negara. Adakah tujuan Lembaga Perpaduan Negara ini berusaha mencapai perpaduan dan keharmonian, atau Lembaga ini telah hilang arahnya; jika sekiranya Lembaga ini telah gagal dalam tujuan-tujuan asasnya, apakah faedahnya membenarkan Lembaga ini bertugas. Siapakah ahli-ahli Lembaga Perpaduan Negara ini.

Raja Arifin bin Raja Sulaiman:

Izinkan saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa badan yang bertanggungjawab terhadap perpaduan ialah Jabatan Perpaduan Negara dan bukan Lembaga Perpaduan Negara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Puchung itu.

Sememangnya tugas Jabatan ini ialah untuk menyemai dan memupuk semangat perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat. Tuduhan melulu yang mengatakan Jabatan ini telah hilang arah tentulah datangnya daripada orang yang jahil dan tidak mempunyai pengetahuan dan minat langsung terhadap perpaduan. Nama sebenar agensi pun beliau tidak tahu, jadi macam manalah kita boleh percaya yang beliau tahu Jabatan ini sudah hilang arah. Mungkin Yang Berhormat tersebutlah yang telah sesat jalan dan kemudian menyalahkan orang lain.

Ingin saya tegaskan di sini program-program penggalakkan yang dianjurkan oleh Jabatan ini mendapat sambutan yang amat memerangsangkan dan menggalakkan.

LEBUHRAYA IPOH- CHANGKAT JERING—TANDA

20. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa

Lebuhraya Ipoh—Changkat Jering mempunyai banyak tanda-tanda yang merbahaya seperti lencongan tajam, jalan yang cerun-curam sehingga 4 km panjang, tiada telefon di sepanjang jalan, tiada pagar dan lampu yang cukup dan sebagainya. Jika sedar, apakah tindakan yang segera untuk melengkapkan keadaan yang buruk itu sambil menjamin keselamatan pengguna-pengguna Lebuhraya tersebut.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat, bahawa Lebuhraya Changkat Jering—Ipoh ada mempunyai tanda-tanda seperti yang Ahli Berhormat bangkitkan itu. Setahu saya, Lebuhraya tersebut adalah dibina menurut piawaian antarabangsa dan mempunyai semua ciri-ciri keselamatan yang perlu disediakan. Mengenai masalah lencongan tajam dan cerun yang curam, sukaiah saya nyatakan bahawa memandangkan sebahagian daripada Lebuhraya ini melalui kawasan berbukit-bukau yang tinggi, bagi menjimatkan kos, rekabentuk kelajuan untuk had laju 80 km sejam terpaksa dibuat berbanding dengan kawasan rata yang mana rekabentuk kelajuan adaiah untuk 110 km sejam. Rekabentuk sedemikian adalah biasa yang diterima di peringkat antarabangsa. Bagi cerun yang curam pula ada disediakan 3 lorong untuk mendaki. Semua isyarat-isyarat lalulintas ada disediakan secukupnya disepanjang lebuhraya tersebut.

Mengenai telefon, sukaiah saya nyatakan bahawa pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia akan memasang telefon-telefon kecemasan pada setiap 2 km di Lebuhraya tersebut tidak lama lagi. Mengenai lampu pula, ianya hanya disediakan di kawasan persimpangan sahaja. Amalan ini biasa dilakukan di mana-mana negara yang mempunyai Lebuhraya kerana untuk memasang lampu di sepanjang

Lebuhraya akan melibatkan perbelanjaan yang besar, dan tidak ekonomik dilaksanakan. Walau bagaimanapun, untuk pemandu di waktu malam, Lebuhraya ini ada dipasang penahan "Guard Railing" yang secukupnya yang mempunyai alat melawan cahaya (Reflector) yang boleh memberi panduan yang baik kepada pemandu. Terowong-terowong yang sedia ada juga mempunyai lampu yang mencukupi siang dan malam.

Pembinaan pagar-pagar di sepanjang Lebuhraya tidak diperlukan kerana kawasan ini tiada menghadapi masalah ternakan yang berkeliaran di Lebuhraya, kecuali di tempat-tempat tertentu sahaja.

Oleh itu, memandangkan apa yang telah saya sebutkan tadi Lebuhraya ini sudah mempunyai ciri-ciri keselamatan yang cukup. Saya sukaiah mengesyorkan kepada Ahli Yang Berhormat sekiranya belum, cuba melalui kawasan ini di waktu siang dan juga malam bagi meyakinkan apa yang telah saya nyatakan itu. Walau bagaimanapun, semua pengguna hendaklah mematuhi isyarat-isyarat lalulintas yang disediakan dan tidak melebihi had kelajuan yang ditentukan untuk menjamin keselamatan.

DASAR PANDANG KE TIMUR— PENCAPAIAN

21. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia masih mengutamakan Dasar Pandang Ke Timur:

- (a) sejauh manakah pencapaian dasar tersebut telah dapat menyumbangkan ke taraf pembangunan dan produktiviti negara ini; dan

- (b) apakah sumbangan dari negara-negara Timur tersebut yang telah kita dapati daripada dasar tersebut,

Raja Ariilin bin Raja Sulaiman:

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan Dasar Pandang Ke Timur dengan tujuan untuk mencontohi nilai-nilai dan etika kerja yang baik yang diamalkan di negara-negara Timur khususnya Jepun dan Republik Korea Selatan. Ini termasuklah ciri-ciri kerajinan, kecekapan, dedikasi, tanggungjawab bersama, produktiviti, peningkatan mutu dan sebagainya. Kerajaan mahukan ciri-ciri tersebut diserapkan dalam perkhidmatan awam dan sektor swasta supaya membawa kesan yang positif kepada usaha pembangunan negara.

Kerajaan berpendapat bahawa melalui berbagai program dan kursus yang dilaksanakan di bawah dasar itu, kejayaan dari segi mengubah sikap pekerja-pekerja sekalian, menghayati nilai serta etika-etika kerja yang positif serta peningkatan produktiviti mereka mula kelihatan. Kerajaan yakin perubahan ini akan membawa faedah kepada negara. Oleh itu dasar ini akan diteruskan.

Di sini perlu saya tegaskan bahawa Dasar Pandang ke Timur tidak bermakna kita meminta sumbangan atau belas ihsan daripada negara-negara timur untuk membangunkan negara kita. Walau bagaimanapun sejajar dengan Dasar Pandang ke Timur berbagai program latihan diatur bagi warganegara kita dilatih di negara-negara Jepun dan Republik Korea Selatan dalam berbagai aspek teknologi. Di samping itu, kesempatan juga diambil untuk pekerja-pekerja kita dilatih di pelbagai projek yang dikendalikan oleh kontraktor dari Jepun dan Korea di negara ini. Adalah

dipercayai banyak faedah yang diperolehi melalui program-program latihan seperti yang dinyatakan itu dapat meningkatkan produktiviti serta menyumbang kepada pembangunan negara kita.

**PERMOHONAN
KEWARGANEGARAAN**

22. **Tuan Numikman bin Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa sehingga hari ini berapakah jumlah permohonan diterima daripada rakyat asing untuk menjadi Warganegara Malaysia khasnya di Sabah dan berapakah yang telah diluluskan, dan adakah Menteri di Dalam Negeri sedar bahawa ada dakwaan mengenai permohonan yang dibuat lebih 10 tahun yang lalu tetapi belum mendapat apa-apa jawapan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Semenjak tahun 1964 sehingga bulan September 1987, Jabatan Pendaftaran Negara di Sabah menerima sejumlah 48551 permohonan kewarganegaraan dan dari jumlah ini, sebanyak 42234 permohonan telah diluluskan.

Kementerian Dalam Negeri sedang berusaha untuk menyelesaikan permohonan-permohonan kewarganegaraan secepat mungkin dan saya tidak sedar dakwaan bahawa masih terdapat permohonan kewarganegaraan yang dibuat lebih 10 tahun lalu dan masih belum mendapat apa-apa jawapan. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri akan menyemak mana-mana permohonan yang terlewat jika maklumat itu dikemukakan kepadanya.

(Soalan No. 23. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-1987).

KOLEJ PERSEDIAAN PELAJAR—PENCAPAIAN

24. Tuan Hasbim bin Salin minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai Kolej Persediaan Pelajar:

- (a) jumlah murid yang telah diambil;
- (b) peratus kejayaan dan kegagalan;
- (c) bagaimana disiplin mereka; dan
- (d) berapakah perbelanjaan yang telah digunakan

Tuan Voon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah murid yang telah diambil sejak tahun 1982 ialah seramai 17,210 orang.
- (b) Peratus kegagalan adalah lebih kurang 2% dan ini merupakan satu kadar yang biasa bagi sesebuah institusi pengajian tinggi.
- (c) Disiplin pelajar-pelajar adalah baik kerana pelajar-pelajar dikawal mengikut peraturan yang sama seperti dikenakan kepada pelajar-pelajar ITM yang lain.
- (d) Perbelanjaan purata pelajar KPP dalam masa setahun adalah di antara \$12,000—\$14,000 (tidak termasuk 'cwerhead cost') dibandingkan dengan perbelanjaan sebanyak \$22,000—\$38,000 untuk pelajar di luar negeri. Oleh itu pihak Kerajaan boleh menjimatkan perbelanjaan lebih kurang \$10,000—\$24,000 setahun bagi seorang pelajar.

MAHKAMAH MAJISTRET DI PENAMPANG

25. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kementerian

beliau bercadang membina sebuah Mahkamah Majistret di Penampang, Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima, dan jika tidak, apa sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membina sebuah Mahkamah Majistret di Penampang kerana Daerah ini hanya 10 km sahaja jarak jauhnya dengan Kota Kinabalu. Selain dari itu kes-kes dari Daerah Penampang tidaklah begitu banyak dan Mahkamah Majistret, Kota Kinabalu mampu menyelesaikannya.

HAKIM—MENGULAS ISU POLITIK

26. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan ke tahap mana hakim-hakim di negara ini boleh berulas berkaitan isu-isu politik apabila tidak bersidang di Mahkamah.

Dato' Oo Gin Sun: Hakim-hakim tidak seharusnya mengulas atau menegur tentang isu-isu yang ada implikasi politik demi mengekalkan kepercayaan orang ramai terhadap peranan dan tanggungjawab mereka sebagai hakim-hakim pengadilan.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA—PENSWASTAAN

27. Tuan Shing Yin Shean minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penswastaan telekom tidak mencekapkan Jabatan itu, sebaliknya pelanggan-pelanggan masih menghadapi masalah seperti dahulu malah teruk. Mengapakah demikian; dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Thomas Salang Siden yang diadualkan pada 4hb Disember, 1987 kerana kedua-dua soalan ini menyentuh perkara yang sama.

Kementerian saya sedar bahawa perkhidmatan Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STMB) sekarang tidaklah sebagaimana yang diharapkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat setelah (STMB) mengambilalih operasi perkhidmatan telekomunikasi daripada Jabatan Telekom Malaysia, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berharap dan berusaha supaya ia;

- (i) akan mempertingkatkan mutu perkhidmatannya;
- (ii) dalam keadaan yang teguh dari segi kewangan untuk bersama-sama berupaya membangunkan ekonomi negara.

Untuk mencapai matlamat tersebut, perubahan sikap dan mentaliti di peringkat pengurusan dan kakitangan adalah perlu untuk meningkatkan perkhidmatan telekomunikasi dari segi:

- (i) bekalan telefon;
- (ii) layanan terhadap aduan;
- (iii) kecekapan teknikal; dan
- (iv) perkhidmatan yang tinggi pekertinya.

Langkah-langkah telah pun diambil oleh STMB untuk mencapai perubahan tersebut. Di antara langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan telefon ialah:

- (i) meningkatkan disiplin kerja di kalangan pengurusan dan kakitangan;

- (ii) membekalkan teknologi komputer supaya mempertingkatkan kualiti perkhidmatan;
- (iii) memperkenalkan bil terperinci (detailed billing) bagi kawasan ibusawat berkomputer di sekitar Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya;
- (iv) menambah talian dan peralatan ibusawat di kawasan-kawasan di mana adanya kekurangan talian dan peralatan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERSATUAN NELAYAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kalli yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan

"Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (23Hb Oktober, 1987)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tanjong.

3.36 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat telah mencatatkan rekod pertama dari berbagai segi. Ia merupakan Belanjawan pertama dalam sejarah Malaysia yang menerima perhatian umum yang paling singkat sekali, baikpun sama ada sebelum atau setelah Belanjawan Negara dibentangkan.

Pada hari Belanjawan sendiri, Belanjawan Negara tidak dapat menguasai perhatian negara seperti pernah berlaku dengan Belanjawan-belanjawan dahulu kerana

Belanjawan tahun ini telah kalah kepadaperkembangan-perkembangan lain seperti perlucutan gelaran Dato' Paduka Mahkota Selangor oleh Sultan Selangor daripada Menteri Buruh serta juga pertemuan Pemuda UMNO dengan Perdana Menteri di mana Pemuda UMNO telah menuntut supaya Menteri Buruh dipecat daripada Jemaah Menteri.

Dalam ertikata keberkesanan ke atas orang ramai, Belanjawan tahun 1988 merupakan satu, dengan izin, disaster. Rakyat Malaysia yang telah menonton siaran langsung Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah melihat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri bersusah-payah memastikan mereka tidak tidur waktu Ucapan Belanjawan disampaikan dan seorang Menteri di barisan perfama hampir tidur pada keseluruhan masa Ucapan Belanjawan itu disampaikan (*Tepuk*) dengan menutup mukanya dengan sebelah tangannya. Semua rakyat pun tengok! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat, itu bukan bermakna dia tidur, boleh jadi dia concentrate.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri Kewangan yang harus menyalahkan dirinya kerana membentangkan Belanjawan tahun 1988 yang merupakan satu Belanjawan yang begitu, dengan izin, bore. Panel perunding-perunding cukai dari Price Waterhouse juga mengalami reaksi yang sama sungguhpun mereka lebih berbudi bahasa dengan mengatakan bahawa Belanjawan tersebut adatah satu 'non-Budget' kerana langkah-langkah kewangannya adalah agak mengecewakan kerana ia tidak mengandungi galakan-galakan yang cukup untuk menggerakkan ekonomi.

Akhbar *Business Times* milikan UMNO telah menyifatkan Belanjawan tahun 1988 sebagai satu 'non-event', dengan izin, bagi Pasaran Saham Kuala Lumpur, malah Belanjawan tersebut adalah juga 'non-event' bagi seluruh negara. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah gagal menghadapi dengan berani krisis keyakinan yang berlanjutan selama ini yang pada hari Isnin yang lalu telah bertukar menjadi panik di ibu negara dan juga di seluruh negara. Beliau juga telah gagal menghadapi ketegangan kaum yang semakin meningkat di negara ini dan dengan demikian Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menjadikan Belanjawan tahun 1988 sebagai satu alat yang tidak relevant untuk memulihkan ekonomi negara.

Di akhir Ucapan Belanjawannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata dan saya petik:

"Janganlah kita ungkit perkara-perkara yang telah dipersetujui bersama dan bermain api dengan isu-isu sensitif. Kita perlu sedar sepenuhnya tentang bahaya yang kita hadapi dalam sebuah masyarakat berbilang bangsa. Suatu tindakan oleh individu yang tidak bertanggungjawab boleh mencetuskan ketegangan kaum dan kekacauan. Jika ketegangan tidak dikendalikan, segala yang kita bina sebelum ini akan hilang dalam sekelip mata sahaja."

Teguran seperti ini adalah patut sekiranya ia diberi ketika kita menghadapi zaman biasa. Tetapi teguran seumpama Jni adalah tidak cukup bagi Malaysia buat ketika ini. Seperti dibuktikan oleh panik selama 12 jam yang berlaku pada 19hb Oktober yang lalu akibat peristiwa tembakan di Jalan Chow Kit.

Selepas satu kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri diberikan mengenai insiden di

Jalan Chow Kit di Parlimen, Isnin lalu, yang mana kenyataan tersebut harus dipuji setelah memberi amaran bahawa Malaysia kini sedang berdiri atas sebuah gunung berapi berlandaskan kaum dan bahawa Kerajaan hendaklah menyasiat lebih mendalam lagi untuk menentukan mengapakah satu insiden jenayah boleh mencetuskan panik selama 12 jam di ibu negara dan juga di seluruh negara seolah-olah satu lagi rusuhan Mei 13 telah berlaku.

Tidak boleh diragukan bahawa api sentimen perkauman ada diperhebatkan lagi khasnya selepas berlakunya dua kejadian yang berbau perkauman baru-baru ini. Pertamanya, perasaan perkauman yang begitu hangat semasa perhimpunan raksasa anjuran Pemuda UMNO pada hari Sabtu yang telah memaksa para wartawan keturunan Cina untuk meninggalkan tempat itu kerana pihak polis dan pihak penganjur tidak dapat menjamin keselamatan peribadi mereka.

Dalam kejadian kedua, 8 orang wartawan keturunan Cina telah dilempar dengan lunipur dan lain-lain bahan semasa mesyuarat ketua-ketua bahagian UMNO diadakan di Pusat Perdagangan Dunia Putera pada hari Ahad, 18hb Oktober yang memaksa mereka mengundurkan diri kerana mereka takut keselamatan mereka terganggu.

Melainkan kita semua beriiikiran waras dan semua pemimpin politik dan parti politik berhenti daripada meniupkan api perkauman yang menyemaikan perasaan benci dan bermusuhan-musuhan, gunung berapi berlandaskan kaum pasti akan meletup pada satu hari nanti dan membagaikan Malaysia seperti satu lagi Sri Lanka. Jika rusuhan kaum seperti itu berlaku, maka negara kita akan menepati kata-kata Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri, "kalah jadi abu, menang jadi arang". Apabila ini berlaku, Belanjawan 1988 juga akan dilupakan dan dikuburkan sama sekali.

Tugas utama Parlimen dalam perbahasan Belanjawan kali ini ialah untuk memberhentikan ketegangan yang kian meningkat ini, supaya Belanjawan 1988, meskipun ia mempunyai kekurangan dan kelemahan, rakyat Malaysia pada keseluruhannya dapat meneruskan dengan tugas mencapai pemulihan dan pertumbuhan ekonomi yang akan menguntungkan rakyat Malaysia dari semua kaum. Sebagai Wakil Rakyat yang terpilih, Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat mempunyai tanggungjawab khas untuk menunjukkan teladan di mana kita boleh berbincang satu sama lain mengenai berbagai masalah rumit dan kompleks yang dihadapi oleh negara supaya dapat kita mencapai lebih persefahaman jika bukan persetujuan antara satu sama lain serta menghormati kesensitifan di antara satu sama lain tanpa meniupkan bara perkauman atau menimbulkan provokasi.

Kami dari DAP akan mematuhi kepada tanggungjawab ini dan kami berharap semua Wakil Rakyat tanpa mengira parti dapat berbuat demikian supaya Parlimen dapat benar-benar menjadi forum perbincangan yang tertinggi sekali di mana Wakil-wakil Rakyat dan semua parti dapat berbincang dan berbahas isu-isu semasa yang hangat secara rasional, waras dan tenang. (*Tepuk*)

Adalah jelas bahawa kita perlu bermula dengan menyentuh isu kenaikan pangkat di sekolah-sekolah rendah Cina kerana isu ini telah dijadikan titik permulaan atau, sparking point, dengan izin, ke arah satu konfrantasi antara orang-orang Melayu dan orang-orang Cina. Isu kenaikan pangkat di sekolah-sekolah

rendah Cina tidak seharusnya menimbulkan ketegangan kaum kerana ia bukanlah satu isu perkauman tetapi ia semata-mata adalah berhubung dengan janji Pilihanraya 1986 Kerajaan Barisan Nasional, untuk memelihara ciri sekolah-sekolah rendah Cina. Oleh kerana salah satu syarat kelayakan untuk menjadi guru sementara atau untuk memohon menjadi guru pelatih di sekolah-sekolah rendah Cina ialah, seseorang itu mestilah mempunyai kredit dalam bahasa Cina di peringkat MCE atau SPM. Maka perlanjutan syarat ini kepada sesiapa sahaja yang ingin menjadi Penolong Guru Besar atau Penolong Kanan dalam sebuah sekolah rendah Cina adalah lojik.

Sungguh malang isu ini telah diputar-belitkan sehingga Parti DAP dituduh sebagai membantah kenaikan pangkat serta penghantaran orang-orang Melayu ke sekolah-sekolah rendah Cina. Ini semua tidak benar sama sekali. Sekiranya seorang Melayu atau India yang mempunyai kredit dalam bahasa Cina di peringkat MCE atau SPM dinaikkan pangkat untuk memegang jawatan Penolong Guru Besar atau Guru Besar dalam Sekolah Rendah Cina, saya sendiri dan juga DAP akan menyokong secara terbuka kenaikan pangkat ini. (*Tepuk*) Isu kenaikan pangkat di sekolah-sekolah rendah Cina bukanlah merupakan satu ancaman.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran); Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Marang minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta penjelasan, iaitu sebagaimana yang kita ketahui bahawa isu kenaikan pangkat Guru Besar dan Penolong Guru Besar ini adatah dalam masa ataupun dalam ketika perundingan dijalankan dan

adanya jaminan dari Menteri Pendidikan dan juga jaminan dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Ghafar Baba bahawa isu ini dapat diselesaikan. Tetapi dalam keadaan dan waktu yang sama, DAP telah mengadakan perhimpunan dan tunjuk perasaan tidak kurang daripada 3,000 orang. Sekarang siapakah yang mulakan dahulu itu? DAP ataupun siapa? Saya hendak minta penjelasan. Jangan cakap menimbulkan isu ini orang-orang lain tetapi kita yang pikul, kita tidak bertanggungjawab. Biar cakap itu ada tanggungjawab sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Harap Yang Berhormat boleh faham apa yang berlaku sebelum membuat apa-apa kesimpulan. Oleh kerana perjumpaan yang disebutkan yang diadakan pada 11hb Oktober yang dijalankan bukan satu perjumpaan yang mencabar hak-hak keistimewaan orang Melayu atau kedudukan bahasa Malaysia, tetapi untuk mendapatkan Kerajaan Barisan Nasional mengkotakan janji pilihanraya. Saya harap bahawa semua boleh faham itu. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, isu kenaikan pangkat di sekolah-sekolah rendah Cina bukanlah merupakan satu ancaman.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat dari Marang, hendak apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya juga mahukan.

Tuan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Hendak penjelasankah?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, saya hendak beri penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Dia tidak beri. Duduk!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Duduk, Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, isu kenaikan pangkat di sekolah-sekolah rendah Cina bukanlah merupakan satu ancaman atau cabaran terhadap hak privilege taraf atau kemuliaan orang-orang Melayu atau Bahasa Malaysia tetapi ia adalah bertujuan menepati Kerajaan Barisan Nasional mengkotakan Manifesto Pilihanraya Umum 1986 untuk memelihara ciri sekolah-sekolah rendah Cina. Tiada sebab untuk menukar dan menjadikan isu ini satu isu perkauman dan disebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pulang daripada Persidangan Commonwealth, maka ingin saya menggesa beliau supaya menyelesaikan isu untuk kali terakhir dalam mesyuarat Jemaah Menteri Rabu ini dengan mengumumkan penerimaan prinsip oleh Kerajaan bahawa untuk sekolah-sekolah rendah Cina hanya mereka yang mempunyai kelayakan yang diperlukan dalam bahasa Cina sahaja akan dinaikkan ke pangkat pentadbiran kanan. Sekiranya Kerajaan menerima prinsip ini maka tidak akan berlaku apa-apa bantahan keras, sekiranya Jawatankuasa Kabinet atau Kementerian Pendidikan mengambil masa sehingga akhir tahun ini untuk menukar guru-guru yang tidak sesuai itu. Sekiranya prinsip itu tidak diterima, masalah tersebut tidak akan diselesaikan walaupun guru-guru yang kontroversial ditukar ke lain-lain sekolah pada hujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketegangan kaum di negara ini adalah tinggi. Hanya beberapa hari sebelum Hari Kebangsaan pada 31hb Ogos Yang

Berhormat Menteri Pendidikan telah berkata bahawa terdapat mood Mei 13, 1969 di negara ini. Sebenarnya tiada mood begitu rupa pada ketika itu tetapi sejak beberapa minggu kebelakangan ini iaitu semenjak Hari Kebangsaan, ketegangan kaum telah meningkat sehingga ia menimbulkan kebimbangan sama ada negara kita sedang hinggap di pinggir satu lagi kontik kaum. Ini adalah disebabkan dalam beberapa minggu dan bulan kebelakangan ini terdapat terlalu banyak insiden-insiden yang melibatkan kesensitifan kaum, bahasa, budaya dan agama di negara ini seperti isu penggunaan bahasa Cina di papan-papan tanda di Karnival Makanan Laut Johor, ikrar sembahyang di sekolah-sekolah yang diperkenalkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, isu keputusan Senat Universiti Malaya mengenai bahasa pengantar dalam kursus pilihan dan baru-baru ini isu kenaikan pangkat di Sekolah-sekolah Rendah Cina.

Pada ketika negara kita mengalami satu krisis ekonomi yang berlanjutan, negara kita hendaklah terlepas daripada perselisihan-perselisihan kaum, budaya dan agama yang bersifat begitu berpecah dan binasa kerana sekiranya perselisihan-perselisihan ini tidak dicegah ia pasti akan menjadikan negara kita terjunam ke dalam keadaan huru-hara dan ini akan menjahanamkan segala usaha untuk memulihkan ekonomi kita.

Atas sebab itulah Parti DAP mencadangkan supaya semua parti politik bersetuju mengadakan satu moratorium selama satu tahun di mana isu-isu kaum, bahasa, budaya atau agama tidak akan dicipta atau ditimbulkan kerana setiap rakyat Malaysia hendaklah menumpukan perhatian terhadap keutamaan negara untuk mencapai pemulihan dan pertumbuhan ekonomi. *Status quo*

yang wujud pada 1hb Januari, 1987 ke atas semua perkara ini hendaklah dikekalkan.

Parti DAP juga mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah Majlis Perundangan Negara yang mengandungi pemimpin-pemimpin kanan semua parti yang bermesyuarat dalam sesi tertutup untuk mengurangkan ketegangan kaum yang wujud di negara ini. Majlis tersebut hendaklah juga mengusaha dan mengawasi moratorium selama setahun ke atas isu-isu kaum, bahasa, budaya dan agama.

Kali pertama sebuah Majlis Perundangan Negara ditubuhkan di Malaysia adalah selepas rusuhan Mei 13 dalam tahun 1969 untuk membaiki kerosakan yang berlaku kepada perhubungan kaum dan perpaduan negara. Adalah lebih penting untuk menubuhkan sebuah Majlis Perundangan Negara sekarang juga untuk mencegah daripada berlakunya satu lagi rusuhan Mei 13 dahpada membaiki kerosakan selepas berlakunya rusuhan seperti itu.

Sekiranya semua parti politik bersedia mengurangkan ketegangan kaum dan bersetuju menghadiri satu persidangan meja bulat dalam bentuk Majlis Perundangan Negara untuk mengenakan moratorium selama setahun ke atas penciptaan dan bangkitkan isu-isu kaum, bahasa, budaya dan agama, maka negara kita akan mempunyai keadaan yang wajar untuk menumpukan perhatian ke atas pemulihan ekonomi serta juga membahaskan keberkesanan Belanjawan tahun 1988 sebagai alat terhadap arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika perasaan dan ketegangan perkauman kian meningkat seperti terbukti dengan rasa panik yang berlaku di Kuala Lumpur pada 19hb Oktober lalu, maka adalah amat tidak

bertanggungjawab untuk menganjurkan satu rapat umum raksasa yang boleh ditatsirkan sebagai bersifat perkauman. Atas sebab ini Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak penjelasankah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa saya mahu teruskan.

Atas sebab inilah Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar menyeru supaya sebagai mencegah keadaan daripada diburukkan terus, rapat-rapat umum dan tunjuk-tunjuk perasaan atau mesyuarat-mesyuarat yang mungkin boleh ditafsirkan sebagai bersifat perkauman dihentikan. Sebagai menyahut seruan Ketua Polis Negara itu, Parti DAP telah menunda kempennya di negeri Johor untuk membantah pendatang-pendatang haram Indonesia, sungguhpun ini bukanlah satu isu perkauman kerana mangsa jenayah-jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia terdiri dari semua kaum.

Namun demikian, Setiausaha Agung UMNO tidak mengindahkan rayuan Ketua Polis Negara itu dan beliau telah berkata bahawa rapat umum pada 1hb November itu bukanlah satu tunjuk perasaan tetapi adalah perayaan bagi mengenang kelahiran UMNO. Namun demikian adalah jelas ekoran ucapan Setiausaha Agung UMNO di Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian UMNO yang diadakan di Pusat Perdagangan Dunia Putra pada 18hb Oktober bahawa rapat umum pada 1hb November adalah untuk beradu kekuatan dan

inilah sebabnya beliau sering menambahkan bilangan orang-orang yang akan menghadiri rapat umum tersebut pada 1hb November dari 150,000 kepada 200,000 dan kini 500,000. Bolehkah Setiausaha Agung UMNO.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang hendak penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu teruskan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Bukan penjelasan, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Berapa, Yang Berhormat?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: 36
(10) (c).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Apa yang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
"Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Apa perkataan-perkataan yang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Perkataan yang mengatakan bahawa Yang Berhormat Dato' Setiausaha Agung UMNO telah menimbulkan satu keadaan untuk memerangi ataupun marah kaum lain. Itu satu tuduhan tidak ada bukti. Yang sebenarnya DAP terlebih dahulu menganjurkan satu perhimpunan bersakit-sakit hati, bermusuhan-musuhan. Kalau DAP boleh berbuat

demikian, adalah tidak salah kalau UMNO untuk berhimpun sekadar untuk menjelaskan keadaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat, sudah!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, dia tak boleh bercakaplah. Ini point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Ini saya tidak terima, Yang Berhormat. Duduk!

Seorang Ahli DAP: Ya, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Bolehkah Setiausaha Agung UMNO memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku apa-apa kejadian yang tidak diinginkan ekoran rapat umum raksasa UMNO itu yang akan diadakan pada 1hb November. Saya menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri supaya menunda rapat umum raksasa UMNO itu kerana kepentingan negara hendaklah mengatasi kepentingan parti.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mulakan ucapan saya dengan mengatakan bahawa ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan mencatatkan beberapa "pertama" atau "first". Salah satu daripadanya ialah pendedahan dalam Laporan Ekonomi 1987/1988 bahawa Malaysia adalah terletak di bawah sekali dalam Liga Negara-negara ASEAN kerana pertumbuhan ekonominya dalam tahun 1987, Malaysia dan Brunei berkongsi tempat yang sama dengan pertumbuhan Keluaran Kasar Negara (KKN) sebagai 2%, berbanding dengan Singapura yang mencatatkan pertumbuhan KKN sebanyak 6.5%, Thailand sebanyak 5.8%, Pilipina sebanyak 5% dan Indonesia sebanyak 3.2%.

Ini dengan jelasnya menolak alasan yang sering diberi oleh Kerajaan bahawa kemelesetan ekonomi dunia dan kejatuhan harga barang-barang komoditi adalah sebab-sebab yang menyebabkan kadar pertumbuhan yang buruk kerana negara-negara ASEAN yang lain juga terjejas dengan faktor-faktor buruk yang sama. Namun demikian, negeri Thailand yang menghadapi masalah pelarian-pelarian Kampuchea serta masalah-masalah sempadan mencatat kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 3.7% dalam tahun 1985 dan sebanyak 3.8% dalam tahun 1986, berbanding dengan kadar pertumbuhan negatif Malaysia sebanyak 1% dalam tahun 1985 dan 1.2% dalam tahun 1986.

Sebab akar umbi yang menyebabkan penyakit dalam ekonomi Malaysia ialah krisis keyakinan yang berlanjutan, yang masih belum diselesaikan yang bersifat melemahkan, yang baru-baru ini telah ditokok tambah dengan ketegangan kaum yang makin meningkat. (*Tepuk*)

Saya telah mencadangkan tadi supaya moratorium selama setahun dikenakan kepada semua parti politik dan sebuah Majlis Perundingan Negara ditubuhkan untuk menghadapi masalah ketegangan kaum yang semakin meningkat dewasa ini. Akan tetapi kita masih belum lagi menghadapi dan menyelesaikan masalah keyakinan.

Saya perhatikan bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat dari Kota Tinggi telah dalam ucapannya kepada UMNO Johor pada 2hb April, 1987 ada berkata, dan saya petik: "kini jelaslah bahawa ekonomi kita tidak merosot akibat kemerosotan ekonomi dunia seperti yang didakwa oleh beberapa golongan tertentu. Sebenarnya, kita merosot akibat beberapa faktor yang

berkait rapat dengan masalah kepimpinan, kepercayaan dan keyakinan." (*Tepuk*)

Menyentuh tentang krisis kredibiliti dan keyakinan dalam negara ini, bekas Timbalan Perdana Menteri telah berkata, saya petik lagi, "imej negara kita sebagai pusat niaga dan pelaburan telah secara berleluasa dipersoalkan. Keadaan ini timbul akibat begitu banyak desas-desus, skandal, berita angin dan cakap-cakap kedai kopi mengenai begitu banyak perkara, peristiwa serta perilaku dan kerenah manusia yang kononnya melibatkan beberapa personaliti, lebih-lebih lagi mereka yang kononnya juga mempunyai hubungan rapat dengan beberapa tokoh pentadbiran. Negara kita tidak seharusnya mengabaikan semua ini. Kalau tidak ada angin tidaklah pokok bergoyang." (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, bekas Timbalan Perdana Menteri telah menyebutkan beberapa skandal dalam ucapannya dan menyentuh khasnya mengenai skandal UMBC, yang saya pernah bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dahulu. Walau bagaimanapun, oleh kerana tiga soalan penting mengenai skandal UMBC yang diutarakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri masih belum dijawab, maka ingin saya mengemukakan soalan-soalan yang sama itu dalam Dewan ini kerana bukan hanya Ahli-ahli UMNO sahaja tetapi seluruh rakyat Malaysia berminat dan berhak mendapat jawapan kepada ketiga-tiga soalan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

- (a) Mengapakah dan bagaimanakah saham UMBC yang berharga beratus-ratus juta ringgit itu telah dijual kepada seorang individu, walhal kalaulah peraturan-peraturan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, sebelum saham yang sebegini besar nilainya

dikurniakan kepada sesiapa, tawaran hendaklah dibuat dengan cara lebih terbuka daripada apa yang telah dilakukan kepada:

- (i) individu-individu bumiputera yang mungkin berminat kalaulah mereka dimaklumkan mengenainya;
 - (ii) kumpulan syarikat atau sindiket bumiputera yang juga mungkin dapat dikumpulkan jika mereka dimaklumkan mengenainya; dan
 - (iii) setelah dipastikan kedua-dua kumpulan di atas tidak berminat, barulah ditawarkan penjualan saham itu kepada institusi amanah bumiputera. (*Tepuk*)
- (b) Bagaimanakah pula setelah individu tertentu membeli saham tersebut, maka atas nama jawatan tinggi dalam pentadbiran pula, saham tersebut dijual kepada institusi amanah bumiputera, khususnya PERNAS, sungguhpun dikatakan sejak awal-awal lagi PERNAS berminat untuk membeli saham tersebut. Apakah benar PERNAS perlu meminjam wang daripada Jepun dalam keadaan harga Yen yang begitu tinggi untuk membeli saham UMBC itu baru-baru ini.
- (c) Berapakah harga saham-saham itu dibeli, dan berapakah harga saham-saham itu dijual.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sangat nyata sekali bahawa dalam kes UMBC telah wujudnya keadaan percanggahan

kepentingan, seperti juga dalam pemberian tender dalam kontrak penswastaan Lebuhraya Utara/Selatan kepada United Engineers (M) Bhd, atau urusniaga antara Peremba/Kumpulan Fleet/Bank of Commerce. Kerajaan tidak langsung meningkatkan kredibilitinya atau mengatasi krisis keyakinan jika ia menyapu semua isu-isu ini ke bawah permaidani dan bertindak sebagai burung kasuari yang menyembunyi kepalanya dalam pasir. (*Tepuk*)

Dalam pertengahan bulan Ogos Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, telah memanggil rakyat Malaysia supaya berhenti mengumpat mengenai pemimpin-pemimpin Malaysia kerana khabar-khabar angin mengenai korupsi dan pemimpin-pemimpin yang korup beredar di Britain dan ini telah menakutkan para pelabur Britain dari melabur di Malaysia.

Atas sebab inilah parti DAP menyeru supaya ditubuhkan dengan segeranya sebuah Suruhanjaya mengenai Kerajaan baik dan beretika yang mempunyai kuasa-kuasa seperti sebuah Suruhanjaya Diraja untuk menerima dan menyiasat ke dalam aduan-aduan mengenai percanggahan kepentingan, rasuah atau kelakuan tidak beretika dalam Kerajaan supaya dapat memulihkan kepercayaan dan keyakinan awam dalam kewibawaan dan kejujuran perkhidmatan awam.

Sungguh malangnya nampaknya Kerajaan sedang bergerak ke arah yang lain dengan melonggarkan peraturan-peraturan untuk membolehkan kakitangan Kerajaan menubuh dan mengurus walaupun bukan setiap hari sebagai eksekutif syarikat-syarikat induk keluarga untuk mentadbir harta benda yang dimiliki oleh mereka dan keluarga terdekat mereka. Inilah mungkin akan menjejaskan kecekapan serta

mewujudkan percanggahan kepentingan dan rasuah dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman terbesar terhadap sebuah Kerajaan bersih, cekap dan amanah ialah perihal campur aduk politik dengan perniagaan.

Kes Pan-Electric di mana bekas Presiden MCA, Tan Koon Swan, telah menggunakan wang-wang kepunyaan Multi-Purpose untuk melancarkan operasi penyelamatan yang kemudiannya gagal merupakan satu kes yang baik. Kes lain ialah skandal kewangan koperatif di mana menurut Hakim Harun Hashim terdapat, dengan izin, "a parade of Tan Sris, Datuks and politicians some of them still in power, who have been taking money from the poor—the hawker, taxi driver, yegetable farmer—in order to enrich themselves."

Yang Berhormat Menteri harus sedar bahawa pokok masalah dalam isu ini bukanlah berlakunya perkara mengumpat atau gossip disebarikan tetapi sama ada terdapat rasuah dan pemimpin-pemimpin yang berasuah di Malaysia kerana kalau tidak ada rasuah, maka perkara mengumpat itu akan berkubur dan tidak mungkin dipercayai.

Sekiranya Kerajaan tidak mahu perkara umpat ini dipercayai, maka ia seharusnya bersikap terbuka dan mempunyai pertanggungjawaban awam dan bersedia menjawab semua soalan berhubung dengan skandal-skandal seperti tiga soalan yang dikemukakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri mengenai kes UMBC. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan, sebagai seorang yang bertanggungjawab secara langsung dalam urusniaga saham-saham UMBC, akan memberitahu Dewan

dan negara jawapan kepada ketiga-tiga soalan ini semasa menggulung perbahasan ke atas Belanjawan. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Perdagangan dan Perindustrian hendaklah mengakui bahawa pentadbiran ini yang bermula pada tahun 1981 dengan cogan kata yang memberangsangkan iaitu bersih, cekap dan amanah telah hilang segala kredibiliti berkait dengan cogan kata ini kerana percanggahan kepentingan, pecah amanah dan rasuah telah menjadi-jadi di dalam sejarah 30 tahun negara kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memberitahu Kelab UMNO United Kingdom pada bulan Januari lalu bahawa, "kita telah sampai ke satu peringkat di mana kita tidak boleh lagi mempercayai orang. . . . kita hidup dalam sebuah masyarakat yang tidak mempunyai maruah." Itulah apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *(Tepuk)*

Dan kes terbaru sekali ialah kontrak UEM bagi Lebuhraya Utara Selatan untuk membolehkan UMNO membayar hutangnya sebanyak \$360 juta berkait dengan Komplek UMNO.

Negarawan dan Bapa Malaysia, Tunku Abdul Rahman telah berkata bahawa adalah, dengan izin, "improper and irregular for a leading political party to make use of its power to amass wealth at the expense of other business ventures." Perniagaan di Malaysia telah terlalu dipolitikkan dan juga politik negara telah terlalu dikomersialkan. Ini tidaklah baik bagi ekonomi kita kerana keputusan-keputusan ekonomi yang bakal dibuat bukanlah mengikut kriteria objektif yang bersangkut-paut dengan isu-isu

ekonomi atau pembangunan objektif tetapi mengikut pertimbangan-pertimbangan politik dan peribadi. Ini boleh menyebabkan pembaziran wang, salah pelaburan, projek-projek buruk, pinjaman-pinjaman dan projek-projek yang "non-performing", keadaan percanggahan kepentingan dan amalan-amalan curang.

Atas sebab inilah, maka parti DAP menyeru supaya undang-undang diperkenalkan untuk mengharamkan parti-parti politik daripada melibatkan diri dalam perniagaan.

Satu sebab mengapa saya mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Mengenai Kerajaan yang Baik dan Beretika adalah kerana Badan Pencegah Rasuah telah gagal mencegah rasuah di tempat-tempat atasan. Badan Pencegah Rasuah hanya pandai menghadapi ikan bilis dan bukan ikan yu dalam perairan rasuah di Malaysia. *(Tepuk)*

Pihak BPR berpetuang untuk membuktikan saya salah kerana saya kini meminta BPR membuat siasatan ke dalam kelulusan kawasan balak sebanyak 2,000 ekar di Pahang kepada seorang penghuni rumah kos rendah sehari sebelum pilihanraya umum pada 3hb Ogos 1986.

Dalam sepucuk surat bertarikh 23hb Januari 1987, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Dato Abdul Latif bin Nordin, telah memaklumkan Encik Azmi bin Daud yang beralamat No. 71, Rumah Kos Rendah, Lanchang, Mentakab bahawa permohonannya bertarikh 21hb Julai 1986 untuk mendapatkan kawasan balak sebanyak 2,000 ekar di Daerah Bentong telah pun diluluskan oleh Menteri Besar Pahang pada 2hb Ogos 1986.

Azmi bin Daud diberi Tempoh 30 hari untuk membayar \$260,424.16 untuk mendapat kawasan balak yang meliputi bayaran-bayaran berikut:

(a) Bayaran premium seionggok	\$ 60,000.00
(b) Bayaran kos LRSI, GCL TI dan kos pengurusan	155,382.84
(c) Bayaran cagaran	42,896.50
(d) Bayaran pengesahan sempadan	2,144.82
	\$260,424.16

(Surat itu—Ruj. PHN. PHG. 143/2/3/sk. 18 (4)). Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan berikut perlu dijawab.

Pertama, bagaimanakah Menteri Besar ketika itu, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh meluluskan kawasan balak kepada seorang yang tinggal di sebuah rumah kos rendah, dan bagaimanakah si pemohon ini dapat cari wang untuk membayar \$260,424.16 untuk mendapatkan kawasan balak 2,000 ekar itu? Apakah Azmi itu adalah seorang nominee atau penama bagi pihak Yang Berhormat Menteri Besar atau lain-lain orang.

Kedua, apabila Azmi bin Daud membuat permohonan untuk mendapatkan kawasan balak sebanyak 2,000 ekar itu pada 21hb Julai 1986, Dewan Undang Negeri Pahang telah pun dibubarkan untuk pilihanraya umum di mana tarikh pencalonan ditetapkan pada 24hb Julai dan hari pengundian pula adalah pada 3hb Ogos, 1986.

Yang Berhormat Menteri masa itu ialah Menteri Besar sementara atau "caretaker" Menteri Besar sahaja bagi tempoh dua minggu antara pembubaran Dewan Undangan Negeri pada 19hb Julai hingga pilihanraya umum pada 3hb Ogos. Apakah kuasa dan autoriti Dato' Seri Mohd. Najib mempunyai untuk menehma dan meluluskan permohonan untuk

mendapatkan kawasan balak sebanyak 2,000 ekar semasa tempoh "caretaker" itu? Oleh kerana beliau tidak bertanding lagi untuk merebut kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Pahang untuk menjadi Menteri Besar Pahang bagi satu penggal lagi, maka tidaklah wajar sama sekali bagi beliau untuk menerima dan meluluskan permohonan kawasan balak seluas 2,000 ekar semasa tempoh "carataker" itu. Apakah kelulusan itu diberikan dengan persetujuan dan autoriti Majlis Kerja atau EXCO Kerajaan ataupun hanya berdasarkan autoritinya semata-mata. (*Tepuk*)

Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa terdapat banyak ruang untuk penyalahgunaan kuasa berlaku di peringkat Kerajaan negeri, khususnya dalam tempoh Kerajaan "carataker" oleh seorang Menteri Besar atau Ketua Menteri yang mengundur dari jawatan tinggi itu. Saya berharap Badan Pencegah Rasuah akan menyiasat dengan sedalam-dalamnya isu ini. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi "pertama" atau "first" Belanjawan 1988 adalah Kerajaan akan membuka paip minyak ke tahap yang maksima dalam sejarah negara untuk mengeluarkan sebanyak 540,000 tong minyak sehari untuk mencapai kadar pertumbuhan sebenar KNK sebanyak 4 peratus tahun hadapan berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 2 peratus pada tahun 1987. Sekiranya Kerajaan tidak membuka paip minyak ke tahap maksima tahun depan, kadar pertumbuhan yang mungkin dicapai pada tahun depan hanya kira-kira 2 peratus sahaja.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan mengapa Kerajaan memutuskan bahawa kadar pertumbuhan tahun depan hendak 4%. Apakah ini untuk menjaga imej Malaysia apabila dibandingkan

dengan negara-negara OECD lain kerana kadar pertumbuhan KNK sebenar yang paling tinggi pada tahun 1988 adalah dijangkakan di Jepun dengan kadar 3.4 peratus, diikuti pula oleh Amerika Syarikat dengan kadar 2.7 peratus, German Barat dengan kadar 2.3 peratus, United Kingdom 2.2% dan Perancis 1.8%.

Kerajaan sepatutnya menggalakkan sektor swasta menjadi jentera pertumbuhan dan bukan mengambil langkah mudah dengan membuka paip minyak sahaja, dan kegagalan Kerajaan dalam hal ini harus disiasat sedalam-dalamnya oleh Kerajaan. Ekonomi Malaysia masih mengalami kesan-kesan buruk akibat kejatuhan secara mengejut pelaburan swasta sejak tahun 1985.

Pelaburan swasta sebenar yang telah merosot sebanyak 29.7 peratus pada tahun 1986 adalah dijangka mengembang dengan kadar 1.2 peratus pada tahun ini, dan sebanyak 2.1 peratus pada tahun 1988.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan kajian semula struktur cukai syarikat dalam Belanjawan adalah untuk menjadikan Malaysia "salah sebuah negara yang paling menarik di rantau ini kepada pelabur tempatan dan luar negeri". Yang Berhormat Menteri dan pihak kerajaan nampaknya tidak sedar bahawa para pelabur kurang keyakinan dengan Malaysia bukan kerana terdapat cukai-cukai yang spesifik tetapi kerana iklim ekonomi pada keseluruhannya.

Kapital yang mengalir ke luar negeri yang dihantar oleh rakyat Malaysia untuk tujuan pelaburan dan simpanan adalah dianggarkan berjumlah kira-kira M\$3 hingga M\$3.5 billion setahun. Satu kajian yang dijalankan pada tahun 1986 oleh Morgan Guaranty Trust Company menganggarkan bahawa bagi dekad 1976-1985, pengaliran kapital dari

Malaysia adalah sebanyak US\$12 billion atau kira-kira M\$3.3 billion setahun.

Morgan Guaranty menganggarkan bahawa sekiranya tidak ada pengaliran keluar kapital, hutang asing sebanyak US\$20 billion yang ditanggung oleh Malaysia pada akhir tahun 1985 mungkin berjumlah US\$4 billion sahaja.

Pengaliran keluar wang rakyat Malaysia yang begitu banyak, yang memaksa Kerajaan kita meminjam begitu banyak wang dari negara-negara asing adalah gagal bukti bahawa Kerajaan telah gagal dalam usaha menarik dan mengekalkan keyakinan para pelabur tempatan.

Pihak Kerajaan seharusnya mengubah dasar pengabaian terhadap pelabur tempatan yang telah wujud selama 17 tahun ini dan sebaliknya menumpukan perhatian untuk memulihkan keyakinan mereka serta memujuk mereka membawa balik sejumlah besar daripada kira-kira \$40-\$50 billion yang dilaburkan di negara-negara asing semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Apa yang disuarakan oleh Dr K. S. Jomo, seorang pakar ekonomi dari Universiti Malaya dalam dialog sebelum Belanjawan anjuran majalah *Malaysian Business* pada bulan Oktober, 1987 adalah amat penting dalam usaha mencari satu penyelesaian kepada masalah ini. Dengan izin, saya quote satu perenggan:

"The government seems to have taken the view of giving up on domestic investments which means largeiy the Chinese community, and hoping for increased toreign investments to make up the shortfaU due to reduced public investments. The record in the last couple of years has suggested that this hope has not been well faounded. The investments have not been coming

in and certainly have not compensated for the reduced public investments. What does it take to move domestic investments? I suspect economic incentives alone are not going to be enough. We really have -to come to terms with the ethnic question in this country. In other words, the problems are political as much as economic. It is not an exclusively economic problem."

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap tidak sesiapa pun akan melemparkan dengan deras tuduhan tidak bertaatsetia terhadap orang-orang yang menghantar wang mereka ke luar negeri untuk mendapat keuntungan yang lebih banyak dan tepat kerana Kerajaan sendiri pun berbuat demikian, bukan sahaja dalam kes PNB tetapi begitu juga dengan Tabung Amanah Negara yang baru diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Dasar Ekonomi Baru adalah salah satu dari sebab yang membantu iklim pelaburan swasta. Saya akan memberi satu contoh.

Di Ipoh, seorang bernama Encik Lim Ching Chong terpaksa menyerah balik syarikatnya bernama Lee Huat Services Mobil Station yang terletak di Jalan Pasir Putih, Ipoh, selepas ia mengusahakannya selama 20 tahun kerana perjanjian sewaan tanah telah bertamat.

Encik Lim, orang tunggal yang mencari rezeki di keluarganya telah, melalui Persatuan Agen-agen Mobil Malaysia, berunding dan memperolehi persetujuan Mobil Oil Malaysia Sdn Bhd untuk memberikannya status "dealership" untuk mengambilalih satu stesyen minyak Mobil yang lain di Jalan Sultan Idris, Ipoh yang telah menggulung tikar kerana perniagaan buruk.

Walau bagaimanapun, apabila Encik Lim Ching Chong memohon lesen untuk mengusahakan stesyen

Mobil itu dari Lembaga Pelesenan Akta Pembangunan Petroleum di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, permohonannya ditolak atas alasan bahawa stesyen itu pernah diusahakan oleh dua buah syarikat bumiputera dahulu dan telah pun dikelaskan oleh Kementerian sebagai sebuah stesyen bertaraf bumiputera.

Maklumat tentang latarbelakang stesyen Mobit di Jalan Idris ini adalah seperti berikut:

- (i) stesyen ini diusahakan oleh dua buah syarikat Cina sebelum tahun 1975;
- (ii) oleh kerana perniagaan yang kurang baik akibat lokasi stesyen itu, dua orang pengusaha Cina itu telah menyerahkan balik "dealership" mereka;
- (iii) stesyen itu kemudiannya diusahakan oleh sebuah syarikat bikmiputera bernama Raz Enterprise dari tahun 1976 hingga 1984;
- (iv) dari tahun 1984 hingga tahun 1985, stesyen itu diambilalih - oleh sebuah syarikat bumiputera yang lain bernama Anjuran Jaya Sdn Bhd.;
- (v) stesyen itu ditutup pada tahun 1986 kerana perniagaan buruk;
- (vi) Mobil Oil (M) Sdn Bhd telah memutuskan untuk tidak membaharui perjanjian sewaannya dengan tuan tanah. Justeru itu, stesyen itu terbiar begitu sahaja sejak tahun 1986.
- (vii) tuan tanah juga bercadang menggunakan tanah tersebut untuk tujuan-tujuan lain;

(viii) tidak sesiapa lagi, sama ada bumiputera atau bukan bumiputera, yang memohon untuk mengusahakan stesyen itu, melainkan Encik Lim Ching Chong.

Di dalam keadaan ini, memang menjadi kebiasaan Encik Lim Ching Chong merasul terkilang kerana Lembaga Pelesenan PDA telah menolak permohonannya atas alasan Dasar Ekonomi Baru walaupun beliau telah mendapat persetujuan dari Mobil untuk mengusahakan Stesyen Mobil di Jalan Sultan Idris bagi menggantikan stesyennya di Jalan Pasir Putih yang telah tamat tempoh perjanggiannya.

Saya difahamkan bahawa kuota bumiputera bagi mengusahakan stesyen minyak telah melebihi kuota 30% yang ditetapkan di bawah DEB, dan oleh itu adalah sangat tidak adil bagi Kerajaan untuk menafikan Encik Lim Ching Chong peluang untuk mengusahakan stesyen Mobil di Jalan Sultan Idris.

Dari tahun 1983 hingga 1987, jumlah pengusaha bukan bumiputera telah turun dari 1,139 (atau 84%) kepada 1,019 (62.8%), sementara itu jumlah pengusaha bumiputera telah meningkat dari 211 (15.6%) kepada 604 (37.2%).

Ketidakadilan-ketidakadilan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru seperti inilah yang membantut dan tidak menggalakkan pelaburan tempatan, dan saya berharap Menteri Perdagangan dan Perindustrian dapat mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1988 jugalah pertama atau "first" dalam menganggarkan pendapatan per kapita sebenar yang terendah sekali dan kadar pengangguran yang tertinggi sekali bagi dekad ini.

Menurut Laporan Ekonomi, per kapita KKN telah jatuh dari \$4,867 dalam tahun 1984 kepada \$4,581 dalam tahun 1985 dan selanjutnya jatuh kepada \$4,088 tahun 1986. Ini bermakna kejatuhan sebanyak 16% antara tahun 1984 hingga tahun 1986. Walaupun per kapita KKN dianggarkan akan bertambah baik sebanyak 3.2% kepada \$44,220, namun ia adalah begitu jauh daripada angka bagi tahun 1984.

Sekiranya angka-angka per kapita KKN itu diubah dengan memperhitungkan kadar inflasi dengan mengempiskannya dengan Angka Petunjuk Harga Pengguna, maka pendapatan per kapita KKN adalah kira-kira 13% lebih rendah dari tahap tahun 1980 dan ini menjadikannya pendapatan per kapita sebenar yang paling rendah sekali bagi dekad ini setakat ini. Dengan keadaan ekonomi yang begitu muram, tidak berkemungkinan pendapatan per kapita sebenar akan dapat bersaing dengan angka untuk tahun 1980 bagi baki dekad ini kerana tidak mungkin ekonomi kita akan pulih dalam tempoh tiga tahun akhir dekad ini kepada tahap pertumbuhan ekonomi seperti berlaku dalam tahun-tahun 70an.

Belanjawan tahun 1988 akan memperlihatkan jumlah bilangan penganggur melebihi angka 600,000 berdasarkan kadar 9.4% sungguhpun angka-angka Kerajaan ini adalah dipertikaikan kerana ia adalah amat konservatif.

Kadar pengangguran boleh sampai hingga 12-13% dalam tahun 1990 dan sekiranya masalah pendatang-pendatang haram Indonesia dan Pilipina yang berjumlah kira-kira sejuta tidak diselesaikan, dan peluang pekerjaan rakyat Malaysia diisi oleh mereka itu, maka jumlah penganggur-penganggur akan meningkat ke sejuta orang apabila akhirnya dekad ini.

Kerajaan hendaklah memikirkan secara inovatif untuk menyelesaikan masalah pengangguran dan kemiskinan khususnya dengan menggunakan tanah terbiar seluas 2 juta ekar sebagai tunggak utama dalam rancangan Kerajaan untuk mengurangkan pengangguran di mana pemuda-pemudi kita yang menganggur dapat bercucuk tanam, di mana ia juga akan mendatangkan pendapatan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1988 juga adalah satu lagi "first" dengan niat jelas Kerajaan untuk menyerbu (raid) Bank Negara supaya dapat mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.

Pada masa-masa lampau, Kerajaan telah menyerbu PETRONAS untuk menyelamatkan Bank Bumiputra dan Bumiputra Malaysia Finance dalam skandal BMF. Kerajaan juga menyerbu wang-wang kepunyaan KWSP dalam tahun 1985 untuk menegakkan pasaran saham termasuk melanggar Akta KWSP untuk melabur secara tidak sah dari segi undang-undang dalam saham-saham bukan amanah seperti melaburkan sebanyak \$18.86 juta melalui Panel Pelaburan KWSP dalam saham-saham bukan amanah seperti Boustead Co Singapore Ltd, PACBO, Paber Merlin Malaysia Bhd, BTR, Parkway, Amalgamated Steel Mill dan Pederal Cables; dan sebanyak \$31.95 juga melalui pengurus-pengurus portfolio KWSP dalam saham-saham bukan amanah seperti Dayapi Industries (M) Bhd., Sitt Tatt Bhd, Kian Joo Can Factory Bhd, Pilecon Engineering Bhd, Metroplex Bhd, Hongkong Tin Bhd, British American (M) Insurance Bhd.

Pada minggu lepas, Kerajaan telah meluluskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara yang akan membolehkan Kementerian Kewangan menyerbu PETRONAS

bagi pelbagai tujuan termasuk menegak dengan memperkukuhkan pasaran saham.

Sekarang Kerajaan bercadang menjual saham-saham yang dimiliki dalam Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Malaysian International Shipping Corporation (MISC) kepada Bank Negara, di mana saham-saham yang dipegang oleh Kerajaan dalam kedua-dua perbadanan ini adalah bernilai lebih \$2 billion. Saya tidak tahu bagaimana urusan ini boleh disifatkan sebagai penswastan kerana ia seolah-olah bererti memasukkan wang dari satu kocek ke kocek yang lain.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, Bank Negara juga telah mengambil alih tiga buah bank komersial iaitu United Asian Bank (UAB), Perwira Habib Bank dan Sabah Bank dan baru-baru ini ia juga telah menguasai Supreme Finance Co.

Dengan membeli saham-saham yang dimiliki oleh Kerajaan dalam MAS dan MISC yang akan memungkinkan Bank Negara muncul sebagai pemain korporat baru, dengan izin, a new corporate player, maka persoalan penting yang timbul ialah siapakah yang akan menjadi pengawas atau "watchdog" ke atas urusntaga-urusniaga korporat yang dilakukan oleh Bank Negara? Siapakah yang akan menjadi watchdog kepada Bank Negara?

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya telah mengumumkan bahawa tol tidak akan dikenakan di Jalan Ipoh di Interchange Kepong serta semua kerja-kerja lanjutan di Plaza Tol Jalan Ipoh akan diberhentikan dan pampasan sebanyak \$2.2 juta akan diberi kepada Seri Angkasa.

Saya diberitahu oleh orang-orang dalam sektor pembinaan bahawa kerja-kerja yang telah dibuat di Plaza Tol Jalan Ipoh hanya menelan kos

belanja kira-kira \$300,000 sahaja dan pasti tidak akan melebihi \$400,000 dan oleh itu tidak ada justifikasi langsung untuk memberi pampasan sebanyak \$2.2 juta itu (*Tepuk*). Item yang menelan perbelanjaan yang terbesar sekali adalah komputer yang dianggarkan bernilai \$1.5 juta tetapi ia masih belum lagi dipasang atau dibekalkan oleh pembekal.

Tambahan pula, siapakah yang membenarkan kerja-kerja dimulakan di Plaza Tol Jalan Ipoh sedangkan dalam syarat-syarat kerja atau spesifikasi bagi penswastaan Interchange Kepong, tidak ada apa-apa peruntukan untuk membina sebuah Plaza Tol di Jalan Ipoh kerana hendak membolehkan penduduk-penduduk di kawasan itu mempunyai laluan alternatif.

Sekiranya kerja-kerja di Plaza Tol Jalan Ipoh dimulakan tanpa kebenaran yang sah, maka Kerajaan tidak seharusnya memikul apa-apa tanggungjawab untuk membayar pampasan tersebut. Secara kebetulan, saya juga difahamkan, bahawa walaupun pada asalnya penunggang-penunggang motosikal dikecualikan daripada membayar tol mengikut spesifikasi penswastaan, Kerajaan telah membenarkan Seri Angkasa memungut tol daripada penunggang-penunggang motosikal dan juga sedang menimbang untuk melanjutkan tempoh konsesi-konsesi tersebut.

Perubahan-perubahan yang tidak dapat dijelaskan dan tidak "accountable" seumpama ini yang menyeleweng dari kontrak asal penswastaan telah memberi nama buruk kepada proses penswastaan dan juga mengorbankan kepentingan awam demi manfaat penender yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebenarnya berhajat membahas mengenai penswastaan Lebuhraya

Utara-Selatan sehingga saya ternampak terdapat peruntukan sebanyak \$1.65 billion dalam Anggaran bagi Kementerian Kerjaraya.

Saya merasa hairan, dan ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengapa peruntukan sebanyak \$1.65 billion bagi penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan masih terkandung dalam Anggaran ini, sedangkan dalam pertemuannya dengan Ahli-ahli Parlimen DAP pada 16hb Julai, 1987, beliau telah mengumumkan bahawa jumlah pinjaman Kerajaan bagi kontrak penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan akan dikurangkan dari \$1.65 billion kepada setinggi-tingginya \$750 juta sahaja.

Rakyat Malaysia berhak mengetahui sama ada Yang Berhormat Menteri telah mungkir janjinya, dan jika ya, adakah lain-lain syarat yang beliau bercadang untuk mengubah demi kepentingan negara seperti tempoh konsesi tidak akan dilanjutkan dari 25 tahun hingga 30 tahun dan Kerajaan pula tidak akan memberi jaminan risiko luaran akan dilupakan begitu sahaja?

Dalam pada ini, saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri sama ada benar bahawa kontrak untuk menurap semula Lebuhraya Kuantan-Segamat sepanjang 100 batu itu diberi tanpa tender terbuka, di mana tarikh berakhir ialah 3hb November dan bahawa tender tersebut akan diberi dengan harga yang lebih \$6 juta - \$8 juta daripada anggaran kos yang dianggarkan oleh JKR.

Sekiranya ini benar, saya meminta Yang Berhormat Menteri berkenaan menghentikan proses tender selektif ini dan menawarkan tender untuk kerja-kerja menurap semula Lebuhraya Kuantan-Segamat melalui tender terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, bam-baru ini PELDA telah mendapat perhatian media massa bukan kerana pencapaian-pencapaian PELDA yang sering dimegah-megahkan oleh para pegawai Kerajaan tetapi kerana aduan dan sungutan para peneroka PELDA tidak mendapat layanan yang memuaskan selepas 31 tahun sejak penubuhannya, PELDA kini menghadapi satu krisis.

PELDA dan Kerajaan harus memberi perhatian serius kepada aduan-aduan dan sungutan-sungutan yang dialami oleh peneroka-peneroka PELDA dan juga ia harus mengubah sikap angkuhnya iaitu mereka lebih tahu apa yang baik untuk peneroka-peneroka berkenaan.

Demokrasi peringkat bawahan di rancangan-rancangan PELDA adalah satu masalah yang genting dan serius kerana para peneroka rasa benar-benar terkilan kerana selepas kerja selama 20 tahun untuk menjadi tuan tanah yang bangga di tanah mereka sendiri, sebenarnya mereka mendapati bahawa mereka telah menjadi buruh kasar kepada PELDA.

Para peneroka PELDA mengadu bahawa pegawai-pegawai PELDA bertindak dengan angkuh dan para peneroka tidak tahu mengapa potongan-potongan dibuat ataupun butir-butir mengenai potongan itu tidak diberitahu kepada mereka.

PELDA mempunyai 12 buah agensi sokongan yang mempunyai modal terkumpul sebanyak \$168 juta dan lima syarikat usahasama dengan modal \$87 juta. Para peneroka seharusnya mempunyai syer dalam agensi-agensi dan syarikat-syarikat usahasama ini kerana potongan bulanan mereka disalurkan kepada Koperasi Petaburan PELDA. Tetapi para peneroka tidak tahu langsung mengenai koperasi ini dan bagaimana ia beroperasi. Saya sendiri tidak pasti

sama ada koperasi ini wujud atau tidak dan pemimpin-pemimpin para peneroka PELDA pula merasa sama bingung.

PELDA ditubuhkan 31 tahun dahulu untuk tujuan mewujudkan satu komuniti luar bandar yang bebas dan viable yang terdiri dari tuan tanah individu tetapi matlamat asal PELDA ini nampaknya telah diselewengkan kerana PELDA tidak sedia untuk melepaskan kawasan sepenuhnya ke atas rancangan-rancangan PELDA dan juga kehidupan para peneroka.

Haruslah satu sistem dibentuk di mana para peneroka PELDA boleh mengambil bahagian dalam memutuskan hal-hal berkaitan dengan kehidupan dan hal ehwal mereka dan bukan semata-mata bergantung kepada pegawai-pegawai PELDA. Sekiranya tidak, masalah yang wujud di dalam kira-kira 300 buah rancangan PELDA yang melibatkan 100,000 peneroka dengan jumlah penduduk sebanyak 600,000 orang akan berlipatganda dan menjadi lebih rumit dan serius.

Atas sebab ini, saya mencadangkan bahawa Kerajaan menganjurkan satu Persidangan Kebangsaan Peneroka-peneroka PELDA dengan tiga wakil dipilih dari setiap rancangan PELDA bagi membincangkan masalah-masalah, rungutan-rungutan dan tuntutan-tuntutan mereka serta juga menetapkan arah-haluan dan dasar-dasar masa depan bagi 100,000 peneroka PELDA itu.

Para perwakilan ke Persidangan PELDA ini mestilah dipilih secara demokratik oleh para peneroka sendiri dan bukan melalui cara "demokrasi berpandu" seperti berlaku sekarang di mana pemilihan Jawtankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) dilakukan dengan pihak Pentadbiran

PELDA memiih seorang sahaja dari dua atau tiga orang yang dipilih oleh para peneroka sendiri.

Dalam Persidangan Kebangsaan Peneroka-peneroka PELDA ini, pihak Kerajaan dan PELDA harus berterus terang dan memberitahu dengan jujur mengenai tiga jenis skim rancangan PELDA, hak milik tanah individu, sistem blok dan sistem saham dan bagaimana setiap sistem itu akan beroperasi pada akhirnya.

Pentadbiran PELDA mestilah menghormati hasrat sah para peneroka yang inginkan hakmilik perseorangan sepertimana dijanjikan di Rancangan PELDA dan tanggungjawab PELDA ialah untuk menyakinkan para peneroka tentang kebaikan menjadi ahli sebuah koperasi bagi tujuan penanaman semula dan untuk lain-lain tujuan pengurusan.

PELDA dan Kerajaan tidak harus melayan para peneroka PELDA sebagai pengikut-pengikut tahanan atau "captive tollowers" UMNO, tetapi sebagai rakyat Malaysia yang juga mempunyai hak yang sama untuk mengamal kefahaman politik pilihan mereka seperti rakyat yang lain.

Datam pada itu, saya ingin memuji Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah kerana melawat dan mengadakan dailog dengan para peneroka di Rancangan PELDA Kota Gelangi Empat dekat Jerantut pada 24hb September, 1987 lalu dengan tujuan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi mereka dan juga untuk mengaturkan satu mesyuarat kemudian dengan Pengarah Besar PELDA, Datuk Alladin bin Hashim pada 28hb September, 1987 untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan para peneroka.

Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Pengarah Besar PELDA dapat melawat setiap rancangan PELDA untuk bertemu dengan

peneroka-peneroka untuk memahami masalah-masalah mereka, saya pasti langkah sedemikian akan dapat menyelesaikan masalah-masalah dan sungutan-sungutan para peneroka.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan analisa Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai potensi ekonomi Malaysia apabila beliau berkata dan saya petik:

"Ekonomi negara mempunyai potensi untuk berkembang dengan lebih pesat lagi. Negara mempunyai asas-asas sumber asli yang kaya, sistem infrastruktur yang baik, tenaga manusia yang berpelajaran dan kemahiran yang cukup untuk memenuhi keperluan sebuah ekonomi yang moden. Kedudukan politik kita stabil. Kita juga mempunyai sebuah Kerajaan yang kukuh yang menghormati kedaulatan undang-undang. Kelebihan-kelebihan ini perlu digunakan sepenuhnya demi menjamin kesejahteraan hidup rakyat Malaysia pada masa hadapan."

Inilah ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Namun demikian, saya tidak bersetuju dengan persepsi Kerajaan bahawa wujudnya kestabilan politik dan sebuah Kerajaan yang kukuh yang menghormati kedaulatan undang-undang. Sekiranya Kerajaan dapat membuktikan wujudnya kestabilan politik dan sebuah Kerajaan yang kukuh yang menghormati kedaulatan undang-undang. Sekiranya Kerajaan dapat mencapai potensi ekonomi kita.

Masalah terbesar kita ialah kita tidak mempunyai kestabilan politik seperti dibuktikan oleh peristiwa-peristiwa yang berlaku pada minggu-minggu kebelakangan ini dan juga pada hari-hari akan datang ini. Juga, terdapat keraguan sama ada Kerajaan benar-benar komited terhadap

kedaulatan undang-undang dan prinsip penting Perlembagaan mengenai kebebasan Kehakiman.

Atas sebab inilah saya telah menggesa secara awam supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan bahawa Kerajaan tidak berniat menaja atau membenarkan satu usul dari kalangan Ahli-ahli Parlimennya sendiri untuk "censure" mana-mana Hakim atau mengemukakan apa-apa pindaan kepada Perlembagaan yang akan menjejaskan kedudukan pihak Kehakiman. Sebarang langkah sedemikian akan melemahkan dengan seriusnya potensi ekonomi Malaysia serta iklim pelaburannya kerana ia akan dengan serta merta menimbulkan keraguan tentang kesucian kontrak, atau dengan izin, sanctity of contract tersebut serta komitmen Kerajaan terhadap kedaulatan undang-undang yang kesemua ini adalah begitu penting kepada pelabur-pelabur asing. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Belud.

4.43 ptg.

Tuan Maidom bin Pansai (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini bagi pihak rakyat Kota Belud kerana ingin turut bersama untuk menyokong satu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi 1988 yang dinamakan Akta Perbekalan 1988 yang ada di hadapan kita. Dan atas kesempatan yang diberikan ini, maka saya ucapkan terima kasih tidak terhingga.

Tuan Yang di-Pertua, bagi hemat saya, Belanjawan 1988 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada petang

tanggal 23hb Oktober, 1987 di Dewan yang mulia ini adalah suatu Belanjawan apa yang saya sitatkan sebagai munasabah dan sesuai dengan perkembangan ekonomi semasa negara.

Tidak syak lagi bahawa ianya membuktikan kesungguhan atau commitment Kerajaan bukan sahaja untuk terus menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti pelajaran, bekalan air, bekalan tenaga elektrik dan jalan-jalan raya bagi masyarakat luar bandar iaitu sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menyusun semula ekonomi negara tetapi termasuklah juga usaha-usaha untuk mengatasi masalah pengangguran yang begitu membimbangkan sejak lewat kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa memangnya terdapat beberapa bahagian di dalam Belanjawan tersebut yang tidak begitu menggalakkan seperti keengganan Kerajaan untuk mengkaji semula gaji kakitangan Kerajaan, pengurangan gaji permulaan kakitangan yang baru diambil dan penganan semula cukai jualan 5% ke atas barangan makanan tertentu seperti yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan tersebut. Bagaimanapun, saya berpendapat bahawa apa pun juga kekeciwaan yang dilahirkan oleh pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung ke atas Belanjawan yang dikatakan tidak begitu menggalakkan itu Kerajaan atau sesiapa juga tidaklah boleh dipersalahkan selain daripada kemelesetan ekonomi yang bukan sahaja melanda negara kita walhal seluruh durria.

Tindakan yang telah diambil untuk membuat Belanjawan yang sedemikian rupa adalah satu tindakan yang menunjukkan kesungguhan Kerajaan untuk mengukuhkan proses pemulihan ekonomi negara dengan menggalakkan pertumbuhan dan

mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan kecekapan industri dan memperbaiki sektor awam, Justeru itu adalah menjadi satu keharusan semua rakyat yang bertanggungjawab di negara ini supaya membuktikan perasaan cintanya kepada negara dengan cara bersedia untuk berkorban menerusi kesanggupan untuk menerima dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tersebut. Semoga bila iklim ekonomi kita bertambah baik seperti yang dijangkakan maka kita berharap agar keadaan Belanjawan kita akan turut bertambah baik seperti yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun demikian, dalam kesempatan ini izinkanlah saya untuk mengemukakan beberapa pindaan ke atas beberapa perkara utama yang telah disentuh dalam Ucapan Belanjawan tersebut berikut ini.

(1) *Masalah Pengangguran*

Dalam perkara ini saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana dalam Belanjawan tersebut jelas memperlihatkan betapa ianya mengambil berat tentang masalah pengangguran di negara ini menerusi penggalakkan kecekapan industri terutama sekali dibidang binaan termasuklah tindakan untuk mengurangkan gaji permulaan kakitangan Kerajaan yang baru diambil sebagai usaha untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Namun begitu dalam konteks negeri Sabah saya amat berasa bimbang dan ragu sama ada perancangan yang begitu rupa dapat mendatangkan manfaat sepenuhnya kepada masyarakat tempatan. Saya takut segala peluang pekerjaan yang terwujud hasil daripada perancangan tersebut kelak hanya akan menguntungkan warganegara asing terutama sekali pendatang haram dari

Pilipina yang kini sudah meningkat lebih daripada ratusan ribu di negeri Sabah.

Tambahan lagi selama ini sudah cukup jelas membuktikan bahawa kehadiran pendatang haram tersebut merebut peluang-peluang pekerjaan daripada orang-orang tempatan. Lebih-lebih lagi bila badan-badan swasta atau para kontraktor yang begitu berorientasikan keuntungan atau, too profit oriented, dengan izin, tentu sekali 100% mengambil para pendatang haratn untuk memenuhi keperluan tenaga buruhnya kerana dikatakan mereka sanggup menerimanya walaupun gajinya rendah. Ya, itu memang benar, sedangkan kadangkala tidak ada gaji pun mereka menerima asalkan ditanggung makan. Yang perlu bagi mereka ialah hanya sebagai alasan untuk tinggal di negeri itu.

Oleh yang demikian, demi untuk membuat perancangan tersebut agar ianya dapat dinikmati oleh rakyat tempatan di negeri itu dalam erti kata yang sebenar-benarnya maka saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya mengambil tindakan yang positif untuk menghantarkan pendatang haram tersebut pulang ke negeri asalnya. Ataupun jika para pendatang haram yang terdapat di Semenanjung Malaysia di hantar ke Pulau Bidong, kenapa tidak mengambil tindakan yang serupa kepada pendatang haram yang terdapat di negeri Sabah.

Saya memang 100% bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia dalam Ucapan Belanjawan tersebut yang terdapat di muka 41, Perenggan 83 bermula ayat kedua penghabisan hingga muka surat 42 yang menyatakan antara lainnya seperti berikut ini:

"Kita perlu membuktikan cinta dan taat setia kepada negara. Kita perlu mengorbankan kepentingan diri demi mencapai matlamat negara.

Adalah tidak cukup dengan kata-kata sahaja. Pihak-pihak yang tertibat haruslah membuktikan keikhlasan kata-kata mereka melalui tindakan dan pembuatan. Masanya sudah tiba bagi semua pihak berhenti daripada bersandiwara kerana rakyat tahu di antara kesungguhan dan kepura-puraan."

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar pihak Kerajaan Pusat akan berpegang kepada kata-kata tersebut dalam usaha untuk membantu rakyat Malaysia di Sabah bagi mengatasi masalah kehadiran pendatang haram di Sabah yang bukan sahaja merampas peluang-peluang pekerjaan orang-orang tempatan tetapi juga menyebabkan berbagai masalah sosial seperti kes rogol, merompak, pergaduhan, kecurian dan sebagainya sehingga negeri Sabah tidak lagi selamat untuk didiami.

Kedua, Sektor Pengangkutan— Dalam Belanjawan itu, kita dapati sebanyak \$884 juta diperuntukkan untuk pembinaan jalan raya dan jambatan termasuk \$98 juta untuk program jalan luar bandar. Daripada peruntukan tersebut, saya merayu agar memberi perhatian kepada keperluan rakyat di kawasan saya Kota Belud dengan memberi keutamaan kepada penurapan tar jalan raya yang selalu saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini iaitu Kota Belud, Ranau By-pass. Pembinaan dua buah jambatan besi yang menyeberangi sungai kedamaian iaitu (1) di Kampung Piasau, (2) di Kampung Ratau, Kota Belud. Penaikan taraf jalan raya-jalan raya yang mana senarainya telah pun dikemukakan kepada Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan juga lain-lain jalan raya yang telah dirancang oleh Jabatan Kerjaraya, Pejabat Daerah dan Majlis Dacrah Kota Belud sama ada pembinaan baru atau pun membaiki kepada yang ada sekarang ini.

Ketiga, Kemudahan Awam— didapati bahawa sebanyak \$690 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini di mana daripada jumlah itu sebanyak \$315 juta untuk program bekalan air luar bandar. Saya berharap agar kawasan saya daerah Kota Belud tidak akan diketepikan daripada peruntukan tersebut memandangkan begitu banyak kampung-kampung yang susah mendapat bekalan air sama ada di waktu musim hujan dan lebih-lebih lagi pada musim kemarau. Untuk mengetahui lebih lanjut lagi saya dapat tahu bahawa Jabatan Kerjaraya Bahagian Kota Belud telah pun menghantarkan senarai-senarai kampung yang dimaksudkan.

Menyentuh tentang bekalan tenaga elektrik yang telah diperuntukkan sebanyak \$99 juta, saya ingin mendesak Kerajaan agar memberi keutamaan kepada projek-projek yang telah pun diluluskan serta telah pun sampai kepada pengetahuan penduduk berkenaan sehingga pendawaian ataupun wiring, dengan izin, dalam rumah telah pun siap dipasang seperti di Kampung Gaur dan banyak lagi lain-lain tempat di daerah itu. Saya harap peruntukan bagi projek tersebut dapat dikeluarkan dalam kadar segera yang sedapat mungkin.

Keempat, Pendidikan—Sebanyak \$1.2 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini dan daripada jumlah itu sebanyak \$209 juta diperuntukkan kepada pendidikan rendah. Saya ingin merakam rayuan saya agar Kerajaan akan memberi keutamaan kepada permohonan yang saya sudah kemukakan berulang kali sama ada secara bertulis terus kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atau menerusi Soalan Mulut di Parlimen iaitu permohonan bagi sekolah-sekolah Rendah, Kampung Podos dan Kampung Pinolobuh, kedua-dua dalam daerah Kota Belud. Selain daripada itu, satu tempat lagi yang saya dapat amat memerlukan sekolah rendah untuk menampung keperluan

kelas bagi Darjah Satu hingga ke Tiga ialah di Kampung Tolongan, Kota Belud. Tentang sekolah menengah, saya dapati betapa memerlukan satu bangunan sekolah menengah di Kampung Nahabah, Kota Belud bagi menampung keperluan para penuntut daripada Kampung Tengkurus, Nahabah, Tolongan, Terentiden, Gendukut, Lahunas dan Sayap. Saya harap perkara ini akan dapat diberikan pertimbangan daripada Belanjawan yang telah diperuntukkan pada tahun 1988.

Kelima, Kesihatan—Daripada jumlah peruntukan sebanyak \$126 juta diperuntukkan bagi tahun ini adalah menjadi harapan saya agar permphonan bagi dua buah Kesihatan Umum iaitu (1) di Kampung Nahabah, (2) di Kampung Melangkap dapat diluluskan. Seperkara lagi yang saya anggap penting ialah untuk mengadakan unit perubatan penyakit barah atau cancer, dengan izin, di Hospital Besar Kota Kinabalu supaya para pesakit barah tidak lagi payah ke Kuala Lumpur untuk mendapat rawatan seperti sekarang ini.

Keenam, Skim Perbadanan Jaminan Kredit—Dalam hal ini dimaklumkan bahawa kadar pinjaman kepada para peniaga kecil dan para penjaja di bawah Skim Perbadanan Jaminan Kredit telah dinaikkan hadnya daripada \$2-\$3 ribu demi untuk menggalakkan pembangunan kegiatan industri kecil. Ini adalah satu tindakan yang amat dialu-alukan. Bagaimanapun, saya ragu-ragu sama ada skim tersebut sudah diwujudkan di negeri Sabah atau belum. Kalau belum, di sini saya ingin membuat gesaan agar Kerajaan akan dapat menubuhkan di negeri itu dalam kadar secepat mungkin supaya rakyat Sabah juga dapat turut menikmati bersama skim tersebut.

Ketujuh, Sektor Pertanian—Memang tidak siapa yang dapat menafikan bahawa sektor pertanian

memainkan peranan yang begitu penting terhadap ekonomi negara. Justeru itu, saya menyarankan supaya Kerajaan akan memusatkan perhatian untuk membuka tanah-tanah sawah yang terbiar. Walhal hendaklah menitikberatkan untuk menggalakkan pembukaan tanah-tanah yang sesuai bagi tanaman padi dengan memberikan kemudahan-kemudahan seperti parit dan taliair, subsidi baja, bibit dan sebagainya. Dalam usaha untuk melipatgandakan hasil bagi negara supaya kita tidak payah lagi membuat wang untuk import beras daripada luar negeri seperti dari Thailand dan sebagainya. Di Sabah sendiri masih terbentang luas tanah-tanah sesuai untuk tanaman padi. Pihak Jabatan Parit dan Taliair hendaklah membuat sesuatu dengan memeriksa kawasan-kawasan yang sesuai untuk tanaman padi serta memberi segala bentuk galakan seperti pembinaan parit dan taliair. Jangan tunggu sehingga rakyat itu membuktikan bahawa ia ada minat untuk bekerja, bamlah Kerajaan bertindak. Pihak Kerajaan memainkan peranan untuk memberi galakan yang sedapat mungkin. Perkara yang kedua ialah mengenai perkhidmatan yang diberi oleh Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) terhadap para petani dalam segi penjualan padi di mana banyak petani yang bersungut kerana kadangkala wakil yang dilantik oleh LPN di satu-satu kawasan itu tidak mempunyai wang tunai di dalam tangan untuk membayar subsidi. Timbangan berat padi mereka juga banyak dipotong sehingga kadangkala sampai 20 kilogram. Keadaan seperti ini dahulu tidak pernah terjadi. Maka demi untuk menggalakkan penanaman padi secara besar-besaran, masalah seperti itu hendaklah diatasi dengan sebaik-baiknya.

Kelapan, Pembangunan Industri Kecil—Dalam hal ini saya memohon jasa baik Kerajaan membuat kajian di Sabah tentang kemungkinan

penubuhan industri-industri dengan menggunakan bahan-bahan tempatan seperti tanah liat, bamboo, pokok-pokok getah tua dan sebagainya. Satu perkara yang harus diberi keutamaan untuk dikaji ialah mengenai kemungkinan penubuhan industri nenas seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Juga industri ubi kayu, pisang, ubi manis, keladi dan sebagainya yang banyak terdapat di Sabah, supaya bukan sahaja dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, tetapi juga dapat membantu masyarakat untuk membaiki taraf mereka selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan perbezaan taraf hidup rakyat bandar dan luar bandar.

Kesembilan, Sektor Keselamatan— Dalam konteks Sabah terutama sekali bagi kampung-kampung yang terletak di sepanjang persisiran pantai perairan Sabah, Sektor Keselamatan ini boleh dikatakan nyawa. Mereka memandangkan kepada kedudukan kampung-kampung mereka yang begitu terdedah kepada bahaya serangan tanun yang bermaharajalela di Laut Cina Selatan. Rampasan demi rampasan yang juga melibatkan kematian beberapa orang yang tidak bersalah di pulau-pulau yang berhampiran dengan Sandakan dan Kudat. Di Beluran dalam daerah Sandakan pada 25hb Oktober, 1986 dan banyak lagi kejadian yang tidak dapat diceritakan di sini adalah sebagai buktinya. Justeru itu, saya ingin mendesak Kerajaan Persekutuan agar memberi keutamaan kepada negeri Sabah dalam sektor keselamatan kerana saya fikir tiada siapa dapat menafikan bahawa tidak gunanya kita berada dalam kemewahan, kesenangan dan kekayaan jika keselamatan kita terancam. Dengan itu sekali lagi saya menggesa Kerajaan supaya mengambil kata-kata Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia yang berbunyi "pihak-pihak terlibat haruslah membuktikan

keikhlasan kata-kata mereka melalui tindakan dan perbuatan sebagai pegangan dan panduan untuk membantu rakyat Malaysia di Sabah supaya mereka akan dapat menikmati hidup dengan keselamatan yang lebih terjamin seperti masyarakat lain di negara Malaysia ini".

Sehubungan dengan ini, saya ingin menyarankan supaya latihan tentera yang bertempat di Kem Paradise Kota Belud, Sabah, kalau boleh, hendaklah diagih-agihkan kepada tiga buah pulau yang biasanya menjadi tempat persinggahan orang-orang pelarian daripada negeri-negeri yang berhampiran, khususnya Pilipina iaitu seperti Pulau Banggi dan Pulau Gaya, Pulau Daat (yang terletak di perantaraan Kuala Penyu dan Pulau Labuan). Saya fikir adalah lebih mendatangkan menafaat jika tentera-tentera kita ditempatkan di pulau-pulau itu untuk menjalankan latihan sambil menjaga perairan kita sama ada daripada lanun-lanun yang mengganas serta membahayakan para nelayan ataupun pendarang haram yang menyusup masuk datang ke negeri Sabah.

Kesepuluh, menjadikan negara tercinta lebih makmur sejahtera dan bersatu-padu. Itulah dia satu daripada kata-kata penutup ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia tersebut yang mana pada saya begitu indah sekali. Bahkan ianya lebih daripada sesuatu yang mulia kerana ia jelas menampakkan keinginan untuk membuat negara ini lebih makmur, sejahtera dengan rakyatnya daripada berbagai negeri dalam Persekutuan Malaysia yang terdiri daripada berbagai bangsa, keturunan agama dan kebudayaan hidup dalam keadaan yang bersatu-padu. Kata-kata seperti itu sungguh senang disebut, tetapi bila melaksanakannya untuk menjadi kenyataan, ianya bukanlah mudah seperti sesenangnyanya menyebut ungkapan itu. Setiap yang terlibat

haruslah mempunyai keikhlasan, kejujuran dan mempunyai sikap sedia bertolak-ansur. Misalnya, jika terdapat sesuatu tuduhan terhadap seseorang, pihak berkenaan seharusnya tidak terus menerus mempercayai dan mengambil tindakan secara terburu-buru tanpa usul periksa secara terperinci. Terlebih dahulu barulah apa juga tindakan yang diambil kelak tidak akan mendatangkan kesan negatif

Begitulah seterusnya harapan saya kepada siapa juga pihak yang berkenaan, terutama sekali para pemimpin Kerajaan Pusat agar tidak akan begitu senang dipengaruhi dan mempercayai laporan-laporan sama ada menerusi akhbar ataupun disampaikan sendiri oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang menuduh Kerajaan PBS di Sabah sebagai anti-Federal ataupun anti-Islam. Pihak-pihak yang berkenaan haruslah mengambil masa untuk menyasat kedudukan sebenarnya yang bukan sahaja dengan menghantarkan orang lain untuk menjalankan penelitian tetapi para pemimpin Kerajaan Pusat itu sendiri haruslah datang sendiri untuk mendengar dan melihat dengan telinga dan matanya sendiri. Tuduhan seperti itu telah pun diulaskan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan dalam ucapan dasarnya di Kongres PBS pada baru-baru ini dan begitulah keadaan sebenarnya. Semoga dengan mengamalkan attitude, dengan izin, seperti itu dalam menghadapi keadaan sedemikian itu ianya akan dapat diselesaikan secara aman damai tanpa mengugut kesejahteraan dan perpaduan rakyat di negara Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, hanya setakat ini sahaja dari saya dan buat akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Kerajaan agar segala pandangan yang saya berikan itu akan mendapat perhatian positif derri untuk kepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daudt: Yang Berhormat dari Gopeng.

5.01 ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng); Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa beliau membentangkan Belanjawan tahun 1988 pada hari Jumaat lalu, khasnya pandangan beliau bahawa keutamaan kita buat masa ini seperti juga masa yang lepas ialah pemulihan ekonomi negara dan perpaduan negara adalah cara yang penting ke arah pemulihan ekonomi negara.

Saya bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh beliau dan ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan sedikit pandangan mengenai isu perpaduan negara khasnya persoalan berhubung dengan interaksi budaya dan persefahaman kaum.

Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa interaksi budaya itu merupakan satu proses yang amat penting dalam memupuk persefahaman dan perpaduan kaum. Kalau dua kumpulan ethnic ataupun dua kumpulan manusia tidak mempunyai interaksi malah berpisah-pisah, tanpa interaksi, tanpa pergaulan dari segi budaya, maka kemungkinan besar akan timbul salah faham dan syak-wasangka antara kedua-duanya. Sebaliknya, dalam keadaan di mana kedua-dua kumpulan ethnic itu sehng berinteraksi dan mempunyai hubungan yang erat, anggota-anggotanya mempunyai lebih banyak peluang untuk faham-memahami antara satu dengan lain.

Interaksi budaya itu satu syarat yang perlu tetapi bukan satu syarat yang mencukupi untuk memupuk

persefahaman kaum. Orang Cina mungkin mempunyai pengetahuan yang agak mendalam mengenai kebudayaan Melayu, bertutur Bahasa Melayu dengan fasih, memakai baju batek malah menikmati muzik dan lagu Melayu; orang Melayu juga mungkin memahami dengan mendalam adat-resam orang-orang Cina, malah bertutur Mandarin dan menyanyikan lagu-lagu Mandarin tetapi kalaulah kedua-dua pihak itu mempunyai perasaan cemburu dan bermusuhan antara satu dengan lain, malah mengekalkan prasangka masing-masing, tidak mungkin akan wujud persefahaman kaum.

Jadi dengan adanya interaksi antara dua budaya pelbagai kaum perlu juga menerima perbezaan budaya sebagai satu hakikat atau satu kenyataan hidup, kemudtan menyesuaikan diri dengannya serta bertoleransi terhadapnya. Dengan kata-kata lain, rakyat berbilang kaum perlu menerima dan menghargai bakikat masyarakat berbilang kaum. Dan saya rasa lebih penting ialah tidak kira warna kulit, tidak kira ketuninan atau latar belakang kebudayaan, semua harus mempunyai hak dan kewajipan yang sama. Cuma dengan cara yang demikian barulah dapat kita memupuk persefahaman kaum yang sejati.

Meskipun interaksi antara dua budaya itu satu proses yang agaknya lazim dan biasanya berlaku dengan sendirinya, namun memandangkan peri pentingnya proses itu ke arah memupuk persefahaman kaum, maka usaha-usaha yang sengaja boleh diadakan untuk memupuk ataupun mempercepatkan proses tersebut. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, di negara kita pemimpin-pemimpin negara yang sering melaung-laungkan peri pentingnya perpaduan rakyat tidak mengambil berat, malah mengabaikan usaha-usaha ke arah memupuk interaksi budaya dan persefahaman kaum.

Izinkan saya memberikan beberapa contoh. Sehingga hari ini masih tidak ada sebarang badan rasmi ataupun swasta yang benar-benar menumpukan usaha untuk memupuk interaksi budaya. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan—kini menjadi dua Kementerian, iaitu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan serta Kementerian Belia dan Sukan—selama ini cuma menumpukan perhatian kepada penyelidikan, pengembangan serta juga pembangunan kebudayaan Melayu ataupun Kebudayaan Nasional. Tidak ada percubaan untuk menggalakkan interaksi budaya, apatah lagi mengembangkan kebudayaan kaum-kaum yang lain dan di pusat pengajian tinggi usaha Unit Kebudayaan yang ada di tiap-tiap universiti hampir semuanya dibataskan kepada kegiatan kebudayaan Melayu, kegiatan kebudayaan kaum bukan Melayu serta juga soal interaksi antara pelbagai budaya itu tidak langsung menjadi agenda Unit tersebut. Dan keadaan di badan-badan lain juga tidak banyak perbezaannya.

Usaha penterjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka umpamanya, selama ini lebih terbatas kepada menterjemahkan buku-buku dalam bahasa Inggeris. Usaha untuk menterjemahkan karya-karya Bahasa Malaysia ke dalam bahasa Cina ataupun Tamil dan sebaliknya dari bahasa Cina ataupun Tamil ke dalam Bahasa Malaysia adalah sedikit sahaja dan amat tidak memuaskan. Demikian juga tidak ada tanda-tanda bahawa Persatuan Penterjemah Malaysia mengambil berat terhadap penterjemah karya-karya Bahasa Malaysia ke dalam bahasa Cina ataupun bahasa Tamil dan sebaliknya dari bahasa Cina ataupun Tamil ke dalam Bahasa Malaysia. Pendek kata, badan-badan tersebut tidak mengambil berat terhadap usaha merancang kerjasama dan interaksi budaya di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pemupukan perpaduan dan pembangunan negara, keadaan di atas yang baru saya sebutkan tadi tidak begitu sihat. Memang penting kita menterjemahkan karya-karya asing dalam berbagai bidang untuk memperolehi pengetahuan baru dan juga mengetahui teknologi baru sebagai alat penting mencapai kemakmuran serta kemajuan negara, di samping memupuk interaksi budaya pada peringkat antarabangsa. Namun yang tidak kurang penting ialah menggalakkan interaksi budaya di negara kita sendiri, sesama rakyat sendiri sebagai satu cara untuk memupuk persefahaman, harmoni serta kemakmuran negara. Kedua-dua perkara di atas, iaitu memupuk interaksi budaya pada peringkat antarabangsa dan juga di negara sendiri, adalah sama penting. Saya rasa terlalu menekankan satu sehingga mengabaikan yang lain bukan perbuatan yang bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada kekurangan usaha dan kekurangan galakan pihak Kerajaan dan kaum intelek, interaksi antara pelbagai budaya di negara kita amat perlahan dan juga amat mengecewakan. Oleh sebab itu, rakyat berbilang kaum tidak mempunyai pengetahuan yang sewajarnya tentang kebudayaan dan adat resam kaum lain mengakibatkan timbulnya pelbagai salah faham dan prasangka yang tidak diingini. Gejala ini dapat dibuktikan dengan beberapa hasil kajian sains sosial, sebagai satu contoh, satu kaji selidikan oleh beberapa orang penyelidik di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1983, menunjukkan bahawa kaum Melayu dan Cina bukan sahaja tidak kerap bergaul dan berinteraksi bahkan kurang memahami di antara satu dengan lain dalam hal-hal sepeiti adat resam, kepercayaan serta nilai dan norma masing-masing. Hasil kaji selidikan demikian sebenarnya tidak begitu menghairankan kerana sejak

zaman penjajaban kurangnya interaksi sosial, intraksi budaya dan persefahaman memang menjadi ciri yang menonjol dalam masyarakat kita. Keadaan demikian sedikit sebanyak memperhebatkan lagi masalah hubungan kaum sehingga satu kegiatan remeh-temeh sanggup diperbesarkan sehingga mencetuskan sesuatu rusuhan kaum yang tidak dapat kita kawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pada ketika ini kita perlu mengambil beberapa langkah yang penting demi memupuk interaksi budaya dan untuk tujuan ini, saya ingin mengesyorkan beberapa langkah untuk dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan:

Yang pertama sekali, saya rasa, satu langkah yang penting ialah kita rakyat Malaysia mempelajari berbagai bahasa. Seperti yang kita ketahui, bahasa merupakan alat perhubungan yang utama bagi manusia. Di bawah sistem Pelajaran Kebangsaan kita, Bahasa Malaysia telah menjadi bahasa bersama dan alat perhubungan utama rakyat berbilang kaum. Bahasa Malaysia memainkan peranan yang penting bukan sahaja dari segi pertukaran buah tikiran bahkan juga intraksi budaya. Namun demikian, untuk menjamin persefahaman dan merapatkan lagi perhubungan di antara kaum khususnya di negara kita yang berbilang kaum, pengetahuan dalam beberapa bahasa menjadi satu kelebihan. Rakyat Malaysia keturunan Cina misalnya, sebaik-baiknya mempelajari bahasa Tamil di samping Bahasa Malaysia dan bahasa Cina. Orang Melayu sebaiknya mengetahui bahasa Cina dan Tamil selain daripada bahasa ibunda mereka. Demikian juga orang-orang India perlu mempelajari bahasa kaum lain selain daripada bahasa ibunda mereka. Dengan cara demikian rakyat berbilang kaum dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan, lebih mudah lagi tanpa halangan bahasa.

Langkah yang kedua yang ingin saya cadangkan, yakni berhubung dengan peranan yang boleh dimainkan oleh bidang seni dan sastera. Hasil seni dan juga sastera merupakan alat yang penting untuk mencerminkan atau memperkenalkan cara hidup, adat resam, nilai, serta tradisi kaum masing-masing. Para sasterawan Cina yang fasih dalam bahasa Cina dan Bahasa Malaysia iaitu kedua-dua bahasa, boleh memainkan peranan yang penting dalam hal ini. Mereka boleh memperkenalkan keadaan hidup masyarakat Melayu melalui tulisan Cina kepada orang Cina. Mereka juga boleh memperkenalkan keadaan hidup serta adat resam orang-orang Cina kepada orang-orang Melayu melalui karia mereka dalam Bahasa Malaysia. Pendek kata, golongan ini menjadi jambatan menghubungkan kedua-dua kaum.

Memandangkan kerjasama amat penting untuk merangsang interaksi budaya, pada pandangan saya para sasterawan dan seniman berbilang kaum patut menubuhkan persatuan untuk mempereratkan lag; hubungan mereka. Selain itu pendekatan baru perlu juga difikirkan oleh para sasterawan dan seniman. Pakar seni tari umpamanya, boleh cuba menciptakan jenis tarian Malaysia dan diminati serta diterima umum oleh rakyat semua kaum. Demikian juga para pakar dalam seni muzik boleh berusaha menggabungkan unsur-unsur muzik dan lagu pelbagai kaum di negara ini untuk menciptakan sesuatu untuk dapat diterima oleh semua kaum.

Langkah yang ketiga, berhubung dengan usaha penterjemahan. Terjemahan agak luas bidang. Ia tidak harus terbatas kepada karia-karia sastera sahaja. Tulisan-tulisan mengenai adat resam, falsafah, sistem nilai dan kepercayaan berbilang kaum semuanya perlu dipertimbang oleh para penterjemah. Memandangkan

hasil terjemahan dalam Bahasa Malaysia, Cina dan Tamil tidak begitu memuaskan, maka memperbaiki kekurangan ini perlu menjadi keutamaan kita. Tugas utama kaum intelek dan penterjemah ialah mengenalpasti tulisan-tulisan yang bermutu dalam berbagai bidang, kemudian barulah dapat mereka menterjemahkannya peringkat demi peringkat.

Dalam hubungan ini, beberapa badan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan Penterjemah Malaysia, Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif dan juga Bahagian Penterjemahan Jawatankuasa Pendidikan dan Kebudayaan Dewan Perhimpunan Cina Selangor saya rasa boleh membenkan sumbangan yang bererti ke arah merangsang usaha penterjemahan, seperti melatih penterjemah dan membiayai penerbitan hasil-hasil terjemahan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Langkah yang keempat, berhubung dengan peranan media massa. Tidak dapat dinafikan bahawa media massa memainkan peranan yang penting dalam memupuk komunikasi dan persetahaman kaum. Media-massa bukan sahaja perlu peka kepada aspirasi negara tetapi lebih penting lagi iatah membuat liputan yang adil dan seimbang tanpa merugikan sesuatu kaum yang tertentu. Dalam soal ini, sumbangan akhbar-akhbar Cina tempatan patut diberikan sanjungan kerana liputan akhbar-akhbar Cina mengenai kegiatan kaum lain agak menyeluruh dan memuaskan. Orang-orang Cina pada umumnya dapat memahami kegiatan masyarakat bukan Cina khasnya masyarakat Melayu melalui ajchbar-akhbar Cina. Tetapi tidak sama keadaannya pendekatan akhbar-akhbar Bahasa Malaysia. Akhbar-akhbar bahasa Malaysia

jarang menyiarkan berita mengenai kegiatan masyarakat Cina khususnya kegiatan berhubung dengan kebudayaan orang-orang Cina. Sebagai satu contoh, beberapa masalah pokok yang hangat dibincangkan dalam masyarakat Cina baru-baru ini, seperti rasa kurang puashati orang-orang Cina terhadap beberapa dasar Kerajaan, masalah berhubung dengan perisytiharan bersama Pertubuhan-pertubuhan Cina dan juga masalah berhubung isu Bukit Cina dan sebagainya yang timbul tidak lama dahulu, semuanya tidak mendapat liputan serta analisa yang seimbang, analisa yang berpatutan dalam akhbar-akhbar Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Simunjan minta penjelasan, Yang Berhormat hendak beri?

Dr Ting Chew Peh: Boleh.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Adakah Yang Berhormat bertujuan untuk mengatakan bahawa akhbar-akhbar Bahasa Malaysia ini berniat tidak mahu memasukkan banyak perkara mengenai orang-orang Cina dalam akhbar mereka, ataupun kemungkinan juga keengganan pihak kaum Tionghua untuk mendedahkan perkara-perkara mereka itu kepada akhbar-akhbar atau tulisan dalam Bahasa Malaysia. Adakah tujuan macam itu dikatakan?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti sama ada akhbar Bahasa Malaysia itu berniat ataupun tidak, saya cuma menyatakan suatu hakikat iaitu kekurangan liputan akhbar Bahasa Malaysia berhubung dengan kegiatan budaya orang-orang Cina. Izinkan saya teruskan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit. Walaupun mungkin Yang Berhormat jarang membaca akhbar-akhbar Bahasa Malaysia sendiri dan tidak menyedari bahawa ada juga

aspek-aspek mengenai kaum Cina itu terdedah dalam akhbar-akhbar Bahasa Malaysia?

Dr Ting Chew Peh: Untuk makluman Yang Berhormat, saya bukan sahaja membaca suratkhbar Melayu, tetapi saya selalu memberikan sumbangan dalam bentuk rencana dalam akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, bahawa kelihatan satu kekurangan iaitu dari segi liputan yang kurang seimbang dalam akhbar berbahasa Malaysia dan bagi saya media-massa juga, terutama sekali media-massa yang rasmi juga tidak berbeza sikapnya, iaitu RTM misalnya, lebih menumpukan perhatian kepada kegiatan dan hal-ehwal masyarakat Melayu sehingga kegiatan serta pergolakan orang-orang Cina tidak diberi liputan yang seimbang.

Bagi saya perbuatan demikian cukup tidak sihat kerana ini mengakibatkan orang-orang Melayu kurang sedar dan faham akan kegiatan, aspirasi dan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang Cina malah kadangkala menyalahafsir apa yang berlaku dalam masyarakat Cina.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang kelima yang ingin saya cadangkan ini ada hubungannya dengan Unit Interaksi Budaya. Memandangkan peri pentingnya interaksi budaya barangkali sudah sampai masanya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan mempertimbangkan penubuhan satu unit yang khas untuk menggalakkan interaksi budaya iaitu khas untuk mengendalikan hal-hal berkaitan dengan interaksi budaya dan persefahaman kaum.

Langkah yang terakhir iaitu pada pandangan saya kita haruslah menggalakkan kaum-kaum bukan Melayu, khususnya orang-orang Cina menganjur daya usaha untuk menerbitkan akhbar Bahasa Malaysia

kerana dengan menitikberatkan berita-berita mengenai masyarakat dan kebudayaan Cina, akhbar demikian bukan sahaja dapat menggalakkan interaksi budaya, persetahaman dari segi budaya, bahkan juga memperbaiki kekurangan media-massa dan akhbar Bahasa Malaysia yang sedia ada sekarang dan cara ini juga satu cara untuk meningkatkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat yang bukan Melayu.

Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk memupuk interaksi budaya dan juga seterusnya persefahaman kaum merupakan satu proses yang agak rumit dan mengambil masa yang agak panjang. Di samping kita menghulurkan kerjasama dan juga sumbangan masing-masing, semua kaum negara ini pada pandangan saya perlu, pertama, mengakui serta menerima hakikat bahawa perbezaan budaya adalah suatu gejala yang lazim di negara yang berbilang kaum.

Yang kedua, semua kaum harus mempunyai semangat hormat-menghormati dan bertoleransi terhadap budaya kaum yang lain, cuma dengan cara demikian barulah kita mempunyai harapan mencapai sebuah negara yang bersatupadu.

Dengan itu maka saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerai.

5.24ptg.

Tuan Ghazali bin Ahmad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan membahaskan dalam Rang Undang-undang Perbekalan ini.

Pertama sekati saya ingin menyentuh tentang perbekalan ini terutama menguntungkan petani-petani di Kedah. Kita rasa bahawa saranan yang telah dikemukakan oleh Yang

Berhormat Menteri Kewangan kita petani-petani di Kedah sungguh gembira sekali. Mereka yang miskin bukan sahaja mengharapkan harga padi yang dikawal, tetapi subsidi padi pemberian yang telah melebihi sehingga \$37 juta, tambahan daripada tahun yang lalu satu faedah yang besar yang dapat dirasai oleh penanam padi di Kedah.

Dalam membahaskan Rang Undang-undang ini saya nampak bagi pihak Pembangkang telah banyak menimbulkan soal-soal perpaduan kaum. Saya juga ingin menyentuh soal ini.

Sepertimana kita tahu bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang dihuni oleh sebuah masyarakat yang majmuk, berbilang kaum ada di negara kita.

Kita telah wujudkan negara kita dengan semangat perpaduan untuk kaum negara kita ini. Tetapi walaupun 30 tahun kita merdeka dan kita binakan negara kita dengan semangat dan asas perpaduan kita, semakin banyak dipersoalkan kecurigaan di antara kaum-kaum dalam negara kita. Kecurigaan ini menimbulkan prasangka-prasangka yang buruk antara satu sama lain. Tak hairanlah kalau DAP amat bimbang dengan perhimpunan Ihb November, 1987 ini.

Perhimpunan ini semata-mata satu perhimpunan UMNO. Perhimpunan yang dianjurkan oleh UMNO ini mengingati satu perjumpaan orang-orang Melayu menyambut UMNO 41 tahun, tetapi amat membimbangkan DAP nampaknya, sehingga meminta Yang Berhormat Setiausaha Agung UMNO untuk menjamin, apakah ini jaminan. Sepatutnya DAP sendiri patut menjamin bahawa sebenarnya orang-orang Melayu berhimpun ini semata-mata merayakan satu perayaan partinya bagi UMNO 41 tahun yang cukup matang dalam politik.

Kepada orang Melayu janganlah cuba disinggung perasaannya oleh lain-lain kaum. Orang-orang Melayu juga ada hati dan ada perasaan dan harus kita sedar bahawa kita orang Melayu juga telah banyak memberi, banyak telah memberi peluang kepada orang-orang bukan Melayu yang hidup dalam negara kita di mana banyak kemudahan kita berikan. Kalau soal-soal perpaduan ini masih diungkit-ungkitkan itu dan ini bererti kecurigaan kita di sepanjang masa menimbulkan salah sangka dan menimbulkan rasa benci akan meletus di kalangan kita, sedangkan kita punyai rasa tanggungjawab sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat, kita bertanggungjawab penuh dalam menjaga keharmonian hidup penduduk-penduduk dalam negara kita.

Kita telah bersetuju supaya bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan negara kita, tetapi dalam Bahasa Kebangsaan ini juga selalu dipermainkan oleh kalangan orang-orang bukan Melayu sehingga kalau kita katalah mengamalkan Bahasa Kebangsaan—bahasa Melayu ini bahasa yang dipergunakan sebagai bahasa rasmi negara. Sejauh manakah perlaksanaannya kalau kita dapati pada papan-papan tanda perniagaan, terutama di kalangan orang-orang bukan Melayu? Kalau keadaan ini sudah membuktikan bahawa kecurigaan kita sendiri sedangkan Dewan yang mulia ini telah melahirkan bahawa tidak ada bahasa lain yang menjadi Bahasa Kebangsaan negara kita, hanya bahasa Melayu sahaja. Tetapi dalam perlaksanaannya kita masih persoalkan bahasa itu. Tak hairanlah kalau ada salah sangka mengatakan bahawa orang-orang Melayu telah salah mentafsir tentang perjumpaan orang-orang Cina tentang guru-guru yang akan dilantik menjadi guru besar dan penolong kanan yang mesti fasih bahasa Mandarin. Tidakkah itu juga menyinggung

perasaan, menyinggung kedaulatan kedudukan Bahasa Kebangsaan kita—bahasa Melayu.

Kalaulah ini juga sudah dipertikaikan, tidak salahnya pula kalau mereka mempertikaikan soal Dasar Ekonomi Baru yang hanya baru 17% sahaja yang dapat dinikmati oleh orang-orang Melayu dalam negara ini. Ini juga telah ditimbulkan dan diheboh-hebohkan. Kebimbangan ini telah mencetuskan rasa tidak senang hati di kalangan orang-orang Melayu sendiri, kalaulah hak orang-orang Melayu juga diungkit, kedudukan orang Melayu juga disentuh, orang-orang Melayu juga mempunyai perasaan, mempunyai sikap dan mempunyai tindak-tanduknya sendiri.

Kalaulah kita sama bertanggungjawab dalam menjaga ketenteraman negara maka bergantung kepada kita semua kaum, kita harus ingat bahawa kita tidak akan berlaku suatu yang tidak diinginkan dalam negara kita harus bersatu dan marilah kita bersama-sama menggunakan apa yang kita sebut Rukunegara kerana Rukunegara ini sudah makin dihakiskan. Hakisan ini telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin Pembangkang sendiri yang menyebabkan timbulnya rasa tidak senang di katangan orang-orang bukan Melayu kepada orang Melayu. Kalau mereka sedar bahawa Rukunegara ini benar-benar dipergunakan

Datuk Bernard Giluk Dompok: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun. Ahli dari Penampang bangun. Yang Berhormat hendak minta apa?

Datuk Bernard GUuk Dompok: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak minta penjelasan. Hendak beri atau tidak?

Tuan Ghazali bin Ahmad: Ya.

Datuk Bernard Giiuk Dompok: Adakah Yang Berhormat bermakna bahawa orang-orang yang bukan Melayu itu merangkumi bumiputera-bumiputera daripada Sabah dan Sarawak, misalnya Iban, Kadazan dan Bajau.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Dia jawab yang ini dahulu. Ya, silakan.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud kepada kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila. Minta penjelasan?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan juga, Tuan Yang di-Pertua, kerana bukanlah kita ini tidak mahu Melayu-melayu, saya pun orang Melayu tetapi asas perpaduan itu harus merangkumi bumiputera yang duduk di Sarawak dan Sabah. Apa yang saya maksudkan hendak dikatakan di sini ialah adakah Yang Berhormat juga bermaksud bahawa Melayu yang diperkatakan ialah Melayu yang diertikan dalam konsep antropologi iaitu Melayu bukan hanya yang duduk di Semenanjung Malaysia tetapi Melayu merangkumi seluruh archipelago, di kepulauan Melayu yang kita katakan.

Jadi, saya kalau tidak ada pun, saya harap tumpuan itu juga harus merangkumi apa yang dimaksudkan dalam antropologi, dengan izin, iaitu Melayu yang dikatakan termasuk bumiputera di Sabah dan Sarawak dan juga kepulauan Melayu di Asia Tenggara dan Selatan Pacific dan sebagainya.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membawa begitu jauh soal nusantara Melayu. Ini saya ingat kalau saya bercakap soal

Melayu di sini mungkin dia terpaut dan termasuklah kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Sudah cukuplah sekadar itu.

Apa yang saya maksudkan di sini bahawa Rukunegara yang kita sama-sama wujudkan dalam Dewan yang mulia ini untuk membimbing umat supaya kita tetap bersatu dan menjaga keharmonian kita. Sehingga kita ada berbagai-bagai pelaksanaan untuk memaju dan memperkembangkan perpaduan ini di kalangan kaum tetapi tiap-tiap tahun, tiap-tiap dari masa ke semasa ada sahaja perkara yang hendak ditimbulkan. Ada sahaja yang menjadi isu untuk membangkitkan perasaan, menimbulkan prasangka yang buruk di kalangan kaum di negara kita. Apakah faedahnya kepada kita? Apatah lagi untuk generasi kita pada masa depan, sedangkan kita mempunyai tanggungjawab membentuk generasi kita pada masa depan cintakan negara, cintakan kepada bendera kita, tidak hairanlah kalau ada soalan tadi ada orang yang tidak mahu menghormati negara, tidak mahu menghormati bendera dan tidak mahu menghormati Lagu Negara kita.

Kalau keadaan ini semakin membuah di kalangan pemimpin yang tidak bertanggungjawab, terutama di kalangan Pembangkang sendiri yang menimbulkan suara-suara yang begitu sumbang untuk menimbulkan keadaan perkauman, kita amat rasa kecewa sekali kerana kita sama-sama bertanggungjawab untuk membangunkan negara kita ke arah keharmonian, ke arah yang lebih baik. Janganlah membangkitkan kemarahan orang-orang Melayu dengan keadaan-keadaan yang tidak baik. Sudahlah kalau ada pula orang yang hendak menyeretkan kedudukan Raja-raja kita, sudahlah kalau persoalkan bahasa kita, bahasa kita juga kadang-kadang ditulis di papan tanda yang berbagai-bagai cara hingga

menimbulkan suatu pencemaran bahasa, pencemaran bahasa di papan tanda perniagaan dan sebagainya, itu seolah-olah sengaja dibuat sebagai tidak mahu mengetahui bahasa kebangsaan yang lebih tepat dan tegas.

Sekarang bahasa kebangsaan ini sudah memainkan peranan yang begitu lama dalam sejarah pembangunan negara kita, sampai terpaksa Kementerian akan mewujudkan pula Minggu Bahasa, Hari Bahasa dan Bulan Bahasa kerana kalau keadaan yang macam ini rakyat sudah lupa bahawa bahasa inilah bahasa perpaduan. bahasa inilah sahaja satu rangkaian yang mengikat persaudaraan kita, dia tidak boleh disamakan dengan Bahasa Mandarin. Dan tidak boleh disamakan dengan Bahasa Tamil kerana dia adalah bahasa kebangsaan. Bahasa kebangsaan tetap bahasa kebangsaan, dia bukan multi-languagism, sebagai sebuah negara yang menggunakan Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan maka dia tetap didaulatkan. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain dapat dipergunakan mengikut peruntukan-peruntukan yang telah ada tetapi janganlah sampai keadaan yang macam ini, kita mempertikaikan, menimbulkan satu suasana yang sungguh kita amat dukacita kerana tindak-tanduk daripada golongan-golongan yang sengaja menentang atau sengaja mahu membuat helah, mencari jalan menarik pengundi-pengundi baru untuk menyokong mereka sebagai pejuang-pejuang perkauman.

Kita kalau hendak persoalan soal Barisan Nasional, kalau soal dasar anggota-anggota dalam komponen Barisan Nasional boleh selesai menerusi Parti Barisan Nasional. Bukan boleh mengadakan forum-forum di luar-luar Barisan Nasional, tetapi ini sengaja pihak Pembangkang

mahu menggunakan cetusan yang baik untuk mencari helah mendapat penghuni baru bagi tahun-tahun pilihanraya akan datang kerana mereka rasa senang bahawa dengan kelebihan kedudukan mereka pada tahun ini, pada session ini dalam Parlimen lebih ramai pada tahun-tahun yang lalu dengan menggunakan isu-isu perkauman ini, mungkin mereka akan dapat lebih ramai lagi pada masa hadapan.

Kita ingatkan kepada saudara-saudara kita yang ada dalam Parti Barisan Nasional supaya jangan terperangkap dan terjebak dengan tindak tanduk mereka ini dan kita harus sedar bahawa kalau timbulnya prasangka yang semakin hebat di kalangan puak-puak ini akan tercetus suatu keadaan yang sungguh membimbangkan kita dan kita sendiri membuat satu sejarah hitam bagi negara kita yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dipersoalkan soal Dasar Ekonomi Baru, yang hanya baru berjalan tidak sampai berapa tahun sahaja, sudah diperhitungkan sangat seolah-olah hak-hak masing-masing yang sudah hilang, seolah-olah kaultn Melayu dan bumiputera sudah kaya, sudah memiliki beberapa peratus usaha berbagai-bagai bidang perdagangan dan perindustrian, sudah berapa banyakkah factory dan industri-industri yang dimiliki oleh kaum bumiputera dan orang Melayu di negara kita. Ini sudah menimbulkan satu isu baru kononnya Dasar Ekonomi Baru ini akan menguntungkan orang Melayu dan kaum bumiputera sahaja.

Mari kita lihat berapa banyak industri-industri yang ada di negara kita yang sudah dimiliki oleh orang Melayu dan bumiputera di negara kita ini dalam sepanjang Dasar Ekonomi Baru yang dijalankan. Apakah ini sudah dicurigai oleh mereka dan

inikah isu yang pula dibarukan oleh mereka untuk memutar-belitkan keadaan hakikat yang sebenarnya di mana perjuangan kita sesuai dengan konsep Rukunegara bagi melaksanakan satu dasar baru, Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat kita supaya tidak mengenali satu kaum itu dengan bentuk hidup dan kebudayaannya sahaja.

Suara-suara sumbang ini nampaknya semakin hari semakin tegang sehingga mempersalahkan media massa dan suratkhbar dan kita lihat baru-baru ini pula tulisan-tulisan mereka dan cakap-cakap mereka semakin mencubit hati kaum bumiputera dan orang-orang Melayu di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mereka harus hentikan jangan begitu menimbulkan syak wasangka, janganlah sangka kayu itu pun jadi hantu, jangan anggapkan satu perkara yang kita tidak tahu usul-asalnya kita menimbulkan prasangka yang buruk. Mereka harus sedar bahawa di tangan kitalah di Parlimen ini banyak yang menimbulkan keadaan yang baik untuk rakyat meninjau dari luar. Kalau kita membuat salah perhitungan maka kita akan dikutuk oleh masyarakat dan juga pada generasi kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soal bahasa ini juga, saya rasa peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan Bahasa Kebangsaan ini harus kita beri satu penghormatan yang tinggi, mereka tidak jemu-jemu menyusun berbagai-bagai usaha untuk meletakkan bahasa ini wajar dengan kedudukannya sebagai Bahasa Kebangsaan di negara kita. Apatah pula hendak dipertikaikan oleh orang lain dalam soal kedudukan bahasa ini. Kalaulah orang lain boleh mempertikaikan soal kedudukan guru-guru Cina yang mesti berpendidikan

Mandarin, kalau di Sekolah Kebangsaan juga ada guru-guru yang datang daripada sekolah Tamil menjadi guru besar di Sekolah-sekolah Kebangsaan. Kalaulah ini pula orang Melayu akan mempersoalkan, biarlah guru-guru Melayu sahaja yang mengajar di Sekolah-sekolah Kebangsaan.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Ipoh bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Ghazali bin Ahmad: Ya, sila.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa ada guru-guru daripada sekolah Tamil yang menjadi guru besar di Sekolah Kebangsaan. Tidakkah guru-guru yang menjadi guru besar di Sekolah Kebangsaan yang datang daripada sekolah Tamil mempunyai kelulusan dalam Bahasa Malaysia? Kalau mereka tidak mempunyai kelulusan dalam bahasa Malaysia mengapakah Kementerian melantik mereka menjadi guru besar dalam Sekolah Kebangsaan? Itu saya hairan dan ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah jelasnya. Kalau kita boleh terima walaupun dia guru daripada sekolah Tamil atau dari sekolah Cina atau dari sekolah apa sekalipun kalau dia lulus bahasa negara—Bahasa Kebangsaan maka dia boleh menjadi guru besar. Kalau kita hendak agehkan pula bahawa bahasa ada lagi bahasa kebangsaan kita, kita bukan ada sahaja satu Bahasa Kebangsaan, kita ada tiga dan empat Bahasa Kebangsaan lagi, macam berlaku di Singapura. Kalau kita buka yang sebegitu bererti kedudukan Bahasa Kebangsaan kita tergugat, maka dengan sebab itulah kita berasa bangga kalau di Sekolah

Kebangsaan sekalipun guru besarnya datang daripada sekolah Cina asalkan dia lulus dalam Bahasa Kebangsaan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun, hendak minta penjelasan.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Ya, sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat cuba fikir dengan sedalam-dalamnya

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta penjelasan, jangan suruh dia fikir.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah beliau tahu bahawa isu perlantikan guru-guru besar dan penyelia kanan hanya isu di mana Kerajaan sendiri menetapkan bahawa mereka yang dilantik sebagai guru-guru besar dan sebagainya hendaklah mendapat kredit—kepujian di dalam bahasa Cina di peringkat SPM. Itulah yang ditetapkan oleh Kerajaan sendiri, dan semua yang dilantik itu fasih di dalam Bahasa Malaysia juga.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita harus berterima kasih kepada Kerajaan. Kerajaan memang bijak dan tahu meletakkan sesuatu pada tempatnya. Dan inilah yang dipertikaikan oleh orang-orang yang tidak tahu meletakkan sesuatu pada tempatnya. (*Tepuk*) Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, janganlah perkara itu menjadi satu isu yang besar, itu soal pentadbiran. Kalau soal itu menjadi satu isu kaum, bukankah itu lagi merbahaya.

Kita ingat bahawa dengan kesedaran inilah kita harap semua orang sedar bukan sahaja orang-orang Melayu sedar, orang DAP sendiri harus lebih sedar yang mereka harus mengingatkan dan jangan hendak mengenakan orang-orang kita rakan-rakan dalam Barisan Nasional.

Mereka harus sedar bahawa Kerajaan sudah tahu di mana letaknya perkara-perkara yang sewajar dan penyusunan ini telah dibuat oleh Kerajaan, apatah lagi Kementerian Pendidikan sudah matang dalam soal menjaga kedudukan persekolahan di negara kita. Tidak ada cacatnya kalau telah disusun oleh Kementerian Pendidikan ini dalam mengendalikan persekolahan-persekolahan di negara kita selama ini. Dan kalau pun diletakkan guru-guru yang sebagaimana yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan tidak ada sekolah-sekolah yang pincang perjalanannya atau yang boleh tutup sekolah itu. Ini yang hendak dipincangkan dan yang hendak ditimbulkan sesuatu itu datangnya daripada kalangan DAP sendiri.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja ucapan saya yang pada permulaan ini dan saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marudu.

5.45ptg.

Tuan Joe Ojhi Supiring (Marudu); Terima kasih Tuan Yang di Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan 1988 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah memetik beberapa laporan akhbar atau kenyataan-kenyataan Menteri-menteri sama ada Menteri Persekutuan atau juga Menteri-menteri di negeri sepanjang tahun 1987 bahawa ekonomi negara kita dikatakan sedang pulih dan dijangka lebih meningkat pada tahun 1988 dan prestasi seperti inilah yang bermakna kepada kepentingan rakyat di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini Kerajaan telah membentangkan Belanjawan negara untuk tahun 1988 dan kita dapati bahawa peruntukan-peruntukan bagi pembangunan infrastruktur adalah lebih rendah berbanding dengan tahun waktu di mana ekonomi negara kita dalam keadaan stabil. Pada hemat saya adalah begitu tidak tepat sekiranya betul-betul ekonomi kita sudah meningkat dan pulih, adalah mungkin kenyataan tersebut hanya bercorak dan berasas menyakinkan rakyat atau mententeramkan yang kurang yakin kepada pengusaha dan para peniaga dalam negara kita. Kekurangan peruntukan bagi pembangunan infrastruktur ini adalah sangat mengecewakan rakyat. Namun demikian, saya bersetuju bahawa ini adalah sekadar kemampuan yang ada pada kewangan negara kita yang sedang bertumbuh ini. Apakah lawatan-lawatan Trade Mission keluar negeri masih belum mendapat pelabur-pelabur yang boleh meningkatkan ekonomi kita, dan komoditi-komoditi seperti hasil-hasil pertanian dan lain-lain hasil negara kita belum mendapat pasaran antarabangsa yang stabil. Wakil-wakil Trade Commissioners kita haruslah lebih aktif dan berhati-hati untuk menyakinkan para pembeli komoditi-komoditi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini semakin banyak yang diungkit-ungkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perdebatan selalu meletus sehingga beremosi, sehinggakan akhbar puas menyiarkan artikel-artikel dan ini mungkin mengakibatkan penghalang kepada pertumbuhan atau pemulihan ekonomi kita. Dalam Dewan yang mulia ini kita haruslah berhati-hati bagi mengeluarkan kata-kata yang merupakan polarisasi kaum yang boleh menimbulkan selisih taham di antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Kerana bagi saya

sebagai seorang yang percaya kepada ajaran agama saya sendiri, percaya ajaran-ajaran yang saya telah ilhamkan begitu jelas sekali, bahawa kita harus hidup bersama dengan keadaan aman dan harmoni. Kerana saya berpegang kepada ajaran agama yang mengatakan, dengan izin, love your neighbour as you love yourself.

Pemeliharaan agama masing-masing harus kita hormati bersama dan kita sebagai rakyat Malaysia harus bersikap bertoleransi dan kita sama-sama kutuk kepada orang-orang yang beiiantik dengan agamanya, tetapi tidak serupa perbuatan dan ajaran-ajaran yang sebenar. Oleh itu, kita harus dedahkan segala-gala angkara yang buruk dan sifat yang cuba-cuba mempopularkan diri melalui akhbar kerana ini akan hanya melemahkan pelaburan kita dari luar dan hanya merendah-rendahkan prestasi maruah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Maksud-maksud Projek Infrastruktur Kementerian Pertanian bagi tahun 1988. Walaupun peruntukan ini adalah sangat rendah berbanding dengan peruntukan pada tahun 1987, tetapi saya percaya dengan adanya pembahagian kepada negeri-negeri yang adil mengikut keadaan dan kemiskinan kawasan, maka walaupun kita memang tidak puashati, tetapi apa hendak dibuat, ini adalah sekadar kemampuan Reserve Fund negara kita. Walaupun demikian, nampaknya Kerajaan tmemang bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan kaedah taraf hidup rakyat luar bandar.

Saya merujuk kepada Maksud yang sama dan saya percaya pengujudan Buku Merah II oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pada fikiran saya adalah langkah-langkah positif yang patut dan langkah kedua bagi arah baru untuk membanteraskan kemiskinan luar

bandar yang masa kini sangat ketinggalan dalam semua segi infrastruktur, tetapi bagaimanapun, rencana Kerajaan untuk merancang keseimbangan ekonomi ini sekiranya masih lagi terdapat pengimplimentasian ini yang tidak aktif, maka begitu juga hasilnya tidak memuaskan kepada rakyat luar bandar.

Orang kampung biasa mengatakan bahawa program-program tersebut indah khabar tak serupa buat, kerana dengan adanya pegawai-pegawai dalam daerah yang tidak aktif yang saya berani mengatakan hampir-hampir anti pembangunan luar bandar, adakah penukaran jawatan seperti penukaran jawatan Pegawai Daerah kepada Pengarah Pembangunan Daerah ini ke arah cara mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan sudah kesan tentang masalah program Dasar Ekonomi Negara dan saya suka bertanya kepada langkah yang ditikirkan oleh Kerajaan bagi mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Maksud 19 bagi Kementerian Pertanian. Memandangkan objektif-objektif Lembaga Perikanan ataupun Nelayan adalah sebagai cara untuk mengawal dan memerseimbangkan pendapatan dan harga-harga dan khasnya untuk membantu para nelayan Malaysia sebagai peningkatan sosio ekonomi mereka, oleh itu saya mencadangkan kepada Kementerian tersebut supaya memperluaskan pasaran udang dalam pasaran antarabangsa dan memperbanyakkan industri-industri dan perusahaan tersebut. Dalam kawasan saya, iaitu kawasan Parlimen Marudu, dalam daerah Kudat, terdapat lebihkurang 20,000 hektar kawasan yang sesuai untuk ternakan udang yang mungkin bennutu. Andainya Kerajaan dapat mengusahakan atau membantu para penternak kecil-kecilan akuakultur

ini, maka bertambahlah pengeksporan udang negara kita di masa hadapan untuk jangka masa yang panjang. Demikian juga kepada pengusaha tanah pertanian, mereka ini haruslah diberi "guideline" yang cukup, terutama sekali kaum bumiputera luar bandar ke arah pertanian moden, penggunaan jentera moden dan sebagainya supaya hasil-hasil pertanian lebih-lebih produktif.

Kerajaan juga harus menitikberatkan masalah para petani tentang mendapatkan pinjaman untuk mengusahakan tanah-tanah mereka, kerana pertanian moden memerlukan alat-alat yang berharga untuk digunakan.

Dalam Maksud Pembangunan ini juga, Kementerian Belia dan Sukan, Maksud 17, iaitu Projek Belia Peladang dan Rancangan Belia Peladang. Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya merayu kepada Kementerian ini supaya memperkembangkan lebih banyak aktiviti atau bengkel-bengkel kemahiran di negeri Sabah, khasnya di kawasan Parlimen Kudat atau kawasan Parlimen Marudu bagi melatih lebih banyak belia-belia dan beliawanis lepasan sekolah yang sekarang kini meningkat jumlah pengangguran, kerana dengan adanya latihan-latihan kemahiran kepada mereka maka kemahiran tersebut dapatlah mereka melengkapkan diri untuk memulakan perusahaan ternakan, pertanian dan lain-lain usaha, seperti pertukangan yang mereka pelajari. Dengan lain kata, mereka dapatlah berdikari dengan bantuan pinjaman kewangan yang sedikit daripada Kementerian Belia dan Sukan melalui perancangan ini.

Dalam Pembangunan Kemudahan untuk Bandar-bandar Kecil dalam Kementerian Belia dan Sukan, saya mohon kepada Kementerian ini supaya dapat memberi peruntukan

Kompleks Sukan di Kudat di mana ia mengandungi tiga daerah dan satu sub-daerah yang berhampiran dengannya. Dengan adanya kompleks ini yang berhampiran dengan kawasan ini, maka belia-belia dan beliawanis kita dapatlah menggunakan masa lapang mereka dengan sukan dan tidak menggunakan masa lapang mereka dengan perbuatan yang tidak baik atau mungkin terperangkap dalam golongan-golongan yang jahat, seperti penagihan dadah dan lain-lain perbuatan yang salah dalam segi agama dan undang-undang. Memang kompleks ini sudah lama dinanti-nantikan oleh belia-belia Kudat.

Saya suka juga menyentuh dengan Perkhidmatan Kesihatan Awam dan Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan Perkhidmatan Awam. Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengemukakan beberapa faktor masalah yang saya ketahui dihadapi oleh kakitangan hospital-hospital dan dispensari-dispensari Kerajaan khasnya di negeri Sabah dan Malaysia amnya. Sepertimana yang terdapat di Sabah di mana kekurangan kakitangan-kakitangan hospital, terutama sekalinya jururawat-jururawat, hospital assistant dan doktor-doktor, terutama sekali di Hospital Daerah Kudat. Di Hospital Daerah Kudat terdapat purata pesakit yang dirawat oleh doktor kira-kira 400 pesakit sehari, termasuklah pesakit-pesakit daripada Intensive Care Unit, daripada ward patient atau in-patient dan lain-lain dan hospital daerah itu hanya mempunyai 3 doktor. Ini bererti, seorang doktor terpaksa merawat 133 pesakit.

Saya sebenarnya mengucapkan syabas kepada kecergasan dan kemampuan doktor yang ada sekarang di daerah itu, tetapi sebaliknya adakah dengan begitu banyak pesakit dirawat, diperiksa dengan terperinci, dengan masa yang singkat dan kelam-kabut dan tidak kurang daripada seorang

doktor yang harus membuat kerja dalam Operation Theatre dan ada yang terlibat dalam pentadbiran. Saya sangat bersimpati dengan pegawai-pegawai perubatan di hospital itu, di sebaliknya ragu-ragu dengan cara pemeriksaan pesakit dengan begitu sedikit masa. Oleh sebab daerah ini mempunyai lebih kurang 350,000 orang penduduk, maka seharusnya 3 atau sekurang-kurangnya 2 doktor harus ditambah lagi demi kepentingan rakyat jelata Kudat.

Saya juga suka bertanya kepada Kementerian ini tentang rancangan pembinaan dispensari di Kampung Tiga Papan, Kudat di mana tanah sudah dibeli. Bilakah pembinaan dispensari ini akan dimulakan? Saya juga merayu kepada Kementerian ini supaya mengkaji semula kedudukan gaji-gaji dan kenaikan pangkat jururawat-jururawat dan pembantu-pembantu hospital di mana terdapat gaji mereka adalah lebih rendah daripada kakitangan-kakitangan di Kementerian lain. Demikian dengan kenaikan pangkat, mereka seakan-akan menyandang jawatan itu hingga ke masa pencen. Kementerian harus memikirkan betapa pentingnya tanggungjawab mereka, kadangkala mereka lebih banyak membuat kerja daripada pegawai-pegawai mereka.

Selain daripada itu, saya mohon kepada Kerajaan supaya membina sebuah hospital di daerah Pitas di mana perhubungan di antara Kudat sangat rumit melalui laut yang memakan masa 8 jam dan jika menggunakan jalan raya yang tidak baik itu, yang berjarak 180 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Maksud Bekalan bagi Kementerian Pendidikan, saya amatlah sukacita ke atas bekalan ini kerana nampaknya belanjawan Kementerian Pendidikan di negeri Sabah amatlah baik juga jika kita bandingkan keadaan ekonomi sekarang ini.

Walau bagaimanapun, saya fikirkan jika peruntukan digunakan berhati-hati maka ini akan bermanfaat kepada rakyat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sedikit kesal tentang adanya pegawai-pegawai pelajaran di daerah yang tidak bersikap adil dan saksama, terutama sekali pengambilan atau latihan para pendidik. Saya sitatkan misalnya pengambilan guru-guru sandaran.

Saya mengesyorkan supaya lepasan sekolah tempatan yang layak daripada tempat sekolah yang mempunyai kekosongan haruslah dan patut diambil kerana ia lebih sesuai dan tidak payah lagi mengambil masa yang panjang untuk menyesuaikan diri. Lagi pun ini akan menjimatkan masa dan memudahkan Kementerian ini bagi mengatasi masalah rumah-rumah guru yang memang sedang dihadapi dan haruslah memberi dan membantu graduan-graduan tempatan. Prioriti untuk memasuki maktab perguruan di Sabah haruslah juga diberikan guru-guru sandaran itu dalam maktab-maktab perguruan tempatan. Selain daripada itu, saya merayulah kepada Kementerian ini supaya mendirikan sebuah asrama lagi di Daerah Pitas dan Daerah Kecil Banggi dan menambahkan lagi asrama Kerajaan yang ada di Kudat untuk menampung para pelajar daripada luar bandar.

Selain daripada itu, sukaiah saya merayu kepada Menteri supaya pembinaan sekolah di Kampung Masangkung Kudat dapatlah dipercepatkan kerana pada masa ini terdapat lebih kurang 400 murid yang terpaksa berjalan kaki sejauh 10 batu ke sekolah yang berhampiran. Dengan itu, saya memohon supaya diambil kira secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat mutu integrasi di kalangan guru-guru Semenanjung yang bertugas di Sabah tidak begitu baik dengan guru-guru tempatan Sabah. Ini ialah

disebabkan oleh ketidakadilan pemberian kebajikan (welfare). Contohnya, guru-guru Semenanjung yang datang ke Sabah mendapat elauun rumah tetapi guru-guru di Sabah yang mengajar di Sabah walaupun di lain daerah tidak mendapat elauun sedemikian. Padahal masing-masing membayar sewa rumah dan sebagainya. Oleh itu, haruslah Kementeran ini memperseimbangkan taraf kebajikan mereka demi untuk mempertingkatkan integrasi di antara guru-guru Malaysia ini.

Setain daripada itu, saya mintalah Kementerian ini supaya berikhtiar untuk mengkaji semula opsyen yang diwajibkan kepada guru-guru UTS (Unified Teachers Scheme) di Sabah kerana sebilangan besar daripada guru-guru daripada UTS itu yang sudah berpengalaman atau yang, long service, dengan izin, kita harus bersilmpati kepada mereka dan harus dilayani seperti guru-guru yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Maksud Perbekalan dalam Kementerian Dalam Negeri. Dalam hal ini, saya sukaiah mengemukakan rasa kekeciwaan rakyat Sabah tentang permohonan senjata api ataupun senapang patah yang kadangkala si pemohon menunggu tujuh tahun, kadang-kadang menunggu sehingga pemohon sudah pun meninggal dunia tetapi tidak berbalas pun. Yang paling sedih lagi ialah tukar nama atau tukar hak milik di antara ayah dengan anak, kadang-kadang memakan masa sehingga sepuluh tahun, begitu juga sehingga ayah meninggal pun tidak ditukar hak milik.

Sukaiah saya sentuh di sini bahawa rakyat Sabah, terutama sekali para petani di kampung-kampung atau di luar bandar bahawa mereka betul-betul memerlukan senapang itu untuk mengawal tanaman daripada serangan binatang buas. Oleh itu, saya sukaiah

memohon belas kasihan daripada Kementerian bagi pihak rakyat jelata Sabah. Saya mohon kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mengambil langkah untuk meluluskan lebih cepat lagi permohonan mereka dan Kerajaan haruslah bersimpati kepada mereka yang mengharapkan makanan harian daripada tanaman tani.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh tentang Jabatan Perkhidmatan Awam. Sukalah saya mengemukakan satu perkara iaitu mengemukakan kemudahan civil servant yang berkelayakan seperti "free passage tour". Nampaknya yang dikatakan "free passage tour" itu adalah beban kepada pegawai tersebut kerana kos itu akan dipotong daripada wang pencen apabila bersara.

Oleh itu, saya berharaplah supaya ianya kalau dikatakan begitulah free, betul-betul free dan jangan potong daripada wang pencen kerana orang yang sudah "retire" itu memang tiada berkemampuan untuk berusaha lagi.

Selain daripada itu, biasanya pembayaran pencen kepada pesara sangat mengambil masa yang panjang kerana dengan alasan dokumen tak cukup. Ini salah jabatan, mengapa pula dibebankan si pencen itu yang sudah tua? Oleh itu, ini juga harus diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang aspek penting untuk mempertingkatkan lagi integrasi nasional di antara rakyat Malaysia Timur dengan Rakyat Semenanjung Malaysia. Saya ingin memetik kepada serangkai kata dalam memorandum yang disampaikan oleh Dato' Dr Jeffrey kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kerajaan Negeri iaitu, dengan izin, The Twenty Points Memorandum. Saya berpendapat seperti pandangan beliau yang positif sebagai rakyat Sabah yang cintakan

negara Malaysia. Saya dapati bahawa memorandum tersebut adalah penting sekali untuk dikaji dan diambil perhatian demi mengiratkan dan mempertingkatkan sefahaman di antara rakyat Sabah dan rakyat Semenanjung Malaysia kerana terdapat beberapa faktor yang perlu dikaji. Pemimpin-pemimpin di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan harus menyemaikan fahaman yang ikhlas, dengan izin, foster patriotism melalui mutual respect, demi mengikis anggapan sebilangan rakyat Sabah bahawa mereka sekarang ini, decolonized oleh pihak Semenanjung.

Bagi kita yang sedar, kita tidak risau kerana kita faham keadaan yang sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja timbulkan perkara ini kerana masalah seperti pelarian-pelarian atau pendatang-pendatang haram di Sabah yang keluar masuk tanpa sebarang tindakan positif dan tidak begitu diambil kira oleh pihak Jabatan Imigresyen di mana Jabatan ini adalah seratus peratus dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya pernah mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa mereka sangat risau dengan adanya ratusan atau puluhan ribu pelarian Yietnam yang ada di Semenanjung ini, tetapi saya tidak pernah mendengar mereka risau dengan hampir-hampir 400 ribu pelarian atau pendatang-pendatang haram di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya sukalah merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengambil langkah-langkah yang positif tentang isu ini. Soal dan tujuan Memorandum tersebut adalah semata-mata dan secara kebetulan sebagai cara menyemaikan aspek, give and take, dengan izin, dan sebagai tanda keikhlasan di kalangan rakyat dan Kerajaan.

Selain daripada itu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri haruslah memberikan kuasa atau mengembalikan kuasa Imigresen kembali kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya turut sama membahaskan Maksud Bekalan Kementehaan Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Saya suka menitikberatkan tentang Maksud Perbekalan Kementerian ini mengenai asas-asas teras pembangunan masyarakat luar bandar.

Sesungguhnya peruntukan yang diperuntukkan kepada Kementerian ini adalah lebih rendah berbanding dengan keperluan masyarakat bumiputera luar bandar. Dalam tahun 1987 Kementerian ini kurang mengambil perhatian dalam daerah yang paling miskin di Malaysia iaitu kawasan Marudu terutama sekali dalam Butiran 02500 iaitu kenaikan taraf jalan raya-jalan raya luar bandar.

Oleh itu saya merayulah supaya membuat jalan-jalan seperti Jalan Kampung Bangau ke Kampung Andau Bangau sejauh satu batu. Jalan Kampung Gumandang sejauh 4 batu dan Jalan Dualog ke Pituru sejauh 2¹/₂ batu kerana kawasan ini sangat memerlukan jalan-jalan ini kerana kawasan ini boleh dikatakan kawasan kaya dengan hasil perhatian seperti koko dan kelapa. Ia sekarang sedang mengeluarkan hasil-hasil pertanian. Demikian juga di Kampung Jalan Nangka ke Kampung Penampang Darat/Lampaki sejauh 6 batu di mana terdapat 1400 orang penduduk. Begitu juga di kampung-kampung lain yang sudah membuat permohonan melalui Pejabat Daerah. Oleh itu saya mohonlah kepada Kementerian ini supaya mengambil langkah untuk membuat jalan-jalan ini.

Dalam perkara 2, saya amatlah mengharapkan peruntukan yang patut dan munasabah bagi kawasan Marudu

iaitu bagi daerah Kudat, daerah Pitas dan daerah kecil Banggi bagi memperbaiki taraf hidup mereka melalui rancangan pemulihan kampung yang mana terdapat 75% kaum bumiputera yang masih tinggal dalam keadaan rumah yang membimbangkan kesihatan mereka.

Penjangkitan penyakit-penyakit seperti malaria dan lain-lain penyakit merbahaya di mana kawasan ini mempunyai kes yang mungkin paling tinggi dalam Malaysia. Sebilangan besar rumah-rumah ini kadang-kadang tidak mempunyai dinding. Oleh itu saya merayulah supaya peruntukan rancangan pemulihan kampung dapatlah diberi kepada daerah-daerah kawasan Marudu yang lebih tinggi, yang lebih memadai memandangkan kemiskinan penduduknya dan memandangkan kepada keadaan kawasan ini yang terpercil.

Tuan Yang di-Pertua, bagi peranan KEMAS di daerah Kudat terdapat peranan mereka adalah amat rendah. Ini mungkin disebabkan pegawai yang sudah lanjut usia. Dalam hal ini oleh sebab KEMAS juga mempunyai peranan yang penting bagi khidmat rakyat, saya mencadangkan supaya digantikan dengan penolongnya yang muda, lebih aktif dan lebih pengalaman iaitu Tuan Haji Rashid bin Minjun demi kepentingan mutu perkhidmatan KEMAS dalam daerah Kudat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Perbekalan Pembangunan bagi tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Penampang.

6.13 ptg.

Datuk Bernard Giluk Dompok (Penampang): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1988 tidaklah begitu menarik perhatian dan kontroversial seperti Belanjawan

tahun 1987 di mana cadangan-cadangan Belanjawan juga meliputi cadangan-cadangan yang melibatkan kemudahan-kemudahan dan hak-hak istimewa kakitangan Kerajaan termasuk Ahli-ahli Kabinet.

Kali ini cadangan Kerajaan yang berkaitan dengan perkhidmatan awam hanyalah melibatkan kakitangan baru iaitu kemungkinan menurunkan gaji permulaan mereka. Ini mungkin tidak begitu adil dilihat dari kaca mata yang terlibat tetapi ia harus dilihat dari segi masalah sekarang dan dari segi kekuatiran dan usaha Kerajaan dalam menghadapi masalah ini.

Di dalam keadaan di mana pencari kerja lebih daripada pekerjaan, penurunan gaji harus dianggap satu strategi yang berpatutan. Dalam cuba mengurangkan pengangguran, Kerajaan juga memberi keutamaan ke atas pembangunan industri-industri kecil. Kerajaan harus dipuji kerana usaha yang bersungguh-sungguh mencari penyelesaian masalah pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, pujian juga harus diberi kerana Belanjawan yang berhati-hati dan pragmatik dari segi hutang luar. Dengan membayar lebih awal hutang luar sejumlah \$5,000 juta tahun ini dan tahun depan dan dengan memperteruskan strategi ini hingga tahun 1990 Kerajaan dapat berjimat sebanyak \$528 juta perbelanjaan khidmat bayar hutang. Wang yang dijimatkan ini boleh digunakan untuk memblayai projek-projek yang berfaedah bagi rakyat. Bukan sahaja itu ianya juga menunjukkan kepada dunia luar bahawa Malaysia bersungguh-sungguh memikirkan masalah hutang luar dan kemampuan membayar balik segala hutang yang diperolehinya. Tidak syak lagi ini akan meninggikan imej Malaysia di luar negeri.

Pada keseluruhannya Kerajaan cuba membuat cadangan Belanjawan 1988 satu Belanjawan yang tidak membebankan atau "painless", dengan izin. Di lihat pada mata kasar pengenaan semula cukai jualan pada paras 5% dan 10% ke atas barang-barang tertentu nampaknya membebankan pengguna-pengguna. Tetapi oleh kerana cukai jualan ini tidak dikenakan ke atas barang-barang makanan yang perlu atau asas maka ianya tidak membebankan rakyat biasa.

Tuan Yang di-Pertua, dilihat dari segi perbelanjaan Kerajaan pula amatlah menggembirakan bahawa Kerajaan akan terus memberi keutamaan ke atas projek-projek pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar di mana kemiskinan adalah ketara. Keutamaan ini juga adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang mana salah satu daripada objektifnya ialah pembasmian kemiskinan. Tetapi amatlah menyedihkan dan tidak memuaskan apabila apa yang-dikatakan sebagai satu dasar dan objektif yang mustahak hanya tinggal kata-kata sahaja.

Selalu dilaung-laungkan bahawa kawasan luar bandar harus juga menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik tetapi di dalam kes Sabah lain pula halnya. Projek-projek dan program-program bekalan elektrik luar bandar yang dirancang untuk Rancangan Malaysia Kelima dan untuk dilaksanakan oleh Lembaga Letrik Sabah terpaksa dibekukan untuk 3 tahun iaitu untuk tahun-tahun 1987 hingga 1990 kerana ketiadaan peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Keputusan untuk membekukan peruntukan akan mengeneikan kampung-kampung yang terlibat daripada arus pembangunan negara

atau the main stream of national development, dengan izin. Dan ini mendatangkan kesan negatif ke atas pembangunan sosio-ekonomi dan cara hidup atau quality of life. Penduduk-penduduk kampung terpaksa menggunakan lampu minyak tanah untuk menerangi rumah mereka. Kebanyakan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bagi kampung-kampung yang terlibat merungut dan tidak puas hati dengan pembekuan peruntukan ini kerana apabila Lembaga Letrik Sabah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1984 mereka mengharapkan Kerajaan Persekutuan akan lebih berkemampuan untuk memberikan peruntukan yang mencukupi. Kerajaan Negeri mendapati sukar untuk menjelaskan keadaan sebenar kepada penduduk-penduduk kampung kerana mereka beranggapan bahawa bekalan elektrik adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya merayu di sini agar keutamaan diberi kepada negeri Sabah dalam pembahagian peruntukan supaya Sabah setaraf dengan negeri-negeri yang lain khususnya di Semenanjung dalam pembangunan kemudahan asas seperti bekalan elektrik luar bandar.

Dalam tahun 1985 misalnya, Sabah mempunyai peratus yang terendah sekali dari segi bilangan penduduk yang mendapat bekalan elektrik, iaitu 48% jika dibandingkan dengan kawasan utara Semenanjung, kawasan tengah Semenanjung, kawasan timur Semenanjung, kawasan Selatan Semenanjung dan kawasan Sarawak. Jika diambit kira bahawa lebih kurang 77% penduduk luar bandar dapatlah ditaksirkan atau diandaikan bahawa keutamaan harus diberikan kepada Sabah dalam program-program bekalan elektrik luar bandar.

Saya merayu dan meminta agar Kerajaan Persekutuan mengkaji semula program-program bekalan

elektrik luar bandar di Sabah dengan tujuan bukan sahaja menarik balik pembekuan program-program ini, tetapi juga menambah peruntukan. Saya tidak begitu pasti sama ada pertambahan peruntukan perbelanjaan sebanyak \$2,000 juta ini untuk Rancangan Malaysia Kelima meliputi program-program bekalan elektrik luar bandar di negeri Sabah. Tetapi sekali lagi saya merayu agar Sabah diberi perhatian yang khas memandangkan apa yang saya katakan tadi. Kita harus memberikan erti dan makna yang sebenarnya kepada objektif membasmi kemiskinan yang ada kaitan dengan memperluaskan kemudahan-kemudahan asas ke kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada peruntukan sektor keselamatan bertujuan memesatkan lagi usaha-usaha mencegah penyetudupan dan menghalang kemasukan dadah secara haram ke negara ini. Usaha ini memang dialu-alukan. Masalah penyalahgunaan dadah adalah satu masalah yang jika tidak dikawal dan dibendung akan meruntuhkan moral masyarakat dan akan melemahkan usaha Kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang sihat, berdisiplin dan bermoral tinggi serta maju. Tetapi tidakkah kita juga harus menumpukan usaha yang kuat ke atas masalah pendatang haram? Tidakkah ini juga satu masalah yang sama rumitnya kalau tidak lebih rumit.

Menurut sumber-sumber yang tidak rasmi, terdapat lebih daripada 300,000 orang asing termasuk pendatang haram di negeri Sabah. Ini merupakan lebih kurang 23% keseluruhannya penduduk negeri Sabah yang dianggarkan sebanyak 1.2 juta dalam 1985. Kebanyakan daripada pendatang-pendatang haram di negeri Sabah terdiri daripada mereka yang datang dari negeri Pilipina. Kehadiran mereka di Sabah merupakan satu

masalah sosial yang amat sulit. Cara hidup, sikap dan perangai yang dibawanya ke Sabah sangat berlainan daripada cara hidup, sikap dan perangai orang-orang tempatan. Dan ini menyebabkan perasaan syak wasangka di antara si pendatang dan penduduk tempatan.

Kemudahan-kemudahan sosial yang disediakan oleh Kerajaan seperti kesihatan dan pelajaran tidak dapat menampung dengan secukupnya dan sempurnanya kehendak-kehendak penduduk yang bertambah disebabkan kedatangan orang asing. Penduduk-penduduk tempatan selalu dan sentiasa terdedah kepada risiko dan bahaya jenayah yang bertambah. Begitu juga dengan risiko dan bahaya keselamatan diri dan kesihatan. Kalaulah kemasukan manusia secara haram ini tidak dikawal dan dibendung dengan berkesan dan pada awal-awal lagi masalah yang timbul mungkin lebih merbahaya lagi daripada masalah dadah di Sabah.

Jadi, saya ingin mencadangkan agar masalah pendatang haram ini diberi perhatian yang serius. Kalau tidak, mungkin akan buruk padahnya. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mintalah supaya peruntukan yang mencukupi diberikan agar keselamatan dari segi tenaga manusia dan kelengkapan mencukupi untuk mengawal dan meronda pantai-pantai berkenaan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, bercerita tentang keselamatan di tepi pantai Sabah khususnya Pantai Timur, saya ingin menyentuh satu perkembangan baru mengenai hubungan negara kita dengan Pilipina di mana negara tersebut telah menawarkan kepada kita baru-baru ini untuk mengadakan rondaan bersama di sempadan perairan ataupun joint border patrol, dengan izin. Kalau saya tidak silap, setakat ini Kerajaan kita belum pun memberi jawapan kepada Pilipina secara rasminya atau non-committal.

Saya ingin merayu di sini agar Kerajaan kita menerima tawaran Pilipina ini. Sebab-sebab saya membuat rayuan ini ialah banyak, tetapi secara ringkas semuanya adalah untuk kebaikan rakyat Malaysia amnya dan penduduk-penduduk negeri Sabah khasnya.

Yang pertama, dengan adanya rondaan bersama ini kelak, maka masalah penyeludupan dadah, bahkan senjata, akan dapat dikawal. Sehubungan dengan penyeludupan senjata, kita di Sabah juga kerap kali menghadapi masalah serangan lanun. Saya ingin mengingatkan para Ahli Yang Berhormat tentang kejadian serangan oleh apa yang dipercayai sebagai lanun atau penjahat-penjahat yang bersenjatakan M16 di Lahad Datu yang terletak di pantai Timur Sabah dua tahun yang lalu yang menyebabkan lebih 10 orang awam terbunuh. Sungguhpun Kerajaan telah mengambil langkah tertentu selepas kejadian tersebut, tetapi nampaknya ia masih tidak berkesan di mana kejadian-kejadian merompak dengan bersenjata atau armed robbery, dengan izin, masih berleluasa di sepanjang perairan Sabah

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam, minta penjelasankah?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan, terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat dari Penampang memberitahu Dewan ini, berapa kalikah dalam tahun 1987 ini lanun-lanun menyerang negeri Sabah?

Datuk Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian yang bertanggungjawab ini adalah dalam Kerajaan Persekutuan dan saya harap ini bolehlah ditujukan kepada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jawab macam tadi juga.

Datuk Bernard Giluk Dompok: Saya mohon izin untuk meneruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Bernard Giluk Dompok: Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, perondaan bersama ini antara negara kita dengan Pilipina kelak diharapkan akan juga dapat membantu menyelesaikan masalah piracy ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal keselamatan sempadan tidak boleh ditolakansurkan ataupun, dengan izin, the question of border security cannot be compromised; lebih-lebih lagi jika ianya melibatkan satu jiran yang pernah dan masih menuntut sebahagian daripada tanahair kita—dalam hal ini negeri Sabah. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan peruntukan tidak harus dijadikan alasan semata-mata. Jika kita menundakan penyelesaian masalah ini dari tahun ke setahun kerana kononnya tidak ada wang, saya khuatir lambat laun keselamatan ataupun kedaulatan negara mungkin terancam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1988.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

6.28ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas Belanjawan tahun ini bagi kali yang keenam atau yang kedua Parlimen Yang Ketujuh. Belanjawan tahun ini yang dibentangkan dalam suatu suasana penuh dengan pancaroba politik berupa belanjawan yang diasaskan kepada dasar fiscal mengembang. Dalam keadaan yang tidak tentu arah ini, Wakil-wakil Rakyat serta orang ramai tidak dapat menumpu perhatian berpatutan ke

atas Belanjawan ini. Bolehlah dikatakan pancaroba politik telah menaungi atau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, over-shadows segala apa yang seharusnya dilakukan.

Tatkala Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan ulungpada 19hb Oktober, 1984, beliau nampaknya sedikit gelisah dan kemudiannya bertambah tegap sehingga sekarang. Pada 23hb Oktober, 1987 beliau boleh berucap dengan lebih fasih. Akan tetapi, pada kali keempat ini, beliau nampaknya berada dalam keadaan serba salah. Namun begitu, perkara yang tidak dapat dipertikaikan lagi adalah sebagai bekas raja Koporat, beliau telah menunjukkan belangnya dalam setiap Belanjawan yang dibentangkan. Tumpuan selalunya diberi kepada perlindungan kepentingan sektor koporat melalui pelbagai bentuk penghapusan percukaian atau insentif pelaburan yang baru. Pada tahun ini pula, cukai keuntungan berlebihan syarikat 3% dihapuskan. Penghapusan cukai ini akan menguntungkan segelintir Syarikat sahaja. Ini akan mengakibatkan kehilangan hasil sebanyak \$139 juta kepada Kerajaan. Sebaliknya, perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan ke atas orang-orang yang berpendapatan rendah adalah kurang. Cadangan cukai jualan 5% akan memberi jumlah hasil \$160 juta. Cukai ini akan membebankan rakyat jelata seperti cukai-cukai tidak langsung yang lain. Nampaknya Menteri Kewangan menganggap sektor koporat sebagai satu-satunya bidang ekonomi yang boleh membawa kepada pertumbuhan ekonomi dengan berkesannya

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.